



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

# LAPORAN TAHUNAN

2 0 1 8

MEMASYARAKATKAN TEKNOLOGI



UMPMalaysia



# SIDANG EDITORIAL

---

## **PENAUNG**

Profesor Dato' Sri. Dr. Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim

## **PENGERUSI**

Saiful Bahri Ahmad Bakarim

## **SETIAUSAHA**

Safriza Haji Baharuddin

## **AHLI-AHLI**

Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tadza, Dr. Nina Suhaity Azmi, Yong Ying Mei, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Hajah Kamariah Gono, Hazmin Aris, Saharuddin Ramli, Rosidah Hassan, Shahrizai Haji Sarif, Muhammad Azli Shukri, Mohd Zaki Ahmad, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Hazman Abdul, Emma Melati Burhanuddin, Zuryaty Zol, Nor Ashikin Sulaiman, Faisal Jusoh, Abd. Razak Ja'afar, Khairul Adlan Ismail, Amirul Ahmad, Nurull Syamimi Ahmad Abzan, Jamil Basri, Muhammad Hafiz Aswad Ahmad Kamal, Jasmira Abdul Jalil, Hardyana Mohd Saman, Nabilah Zamimi, Ahmad Fadly Ibrahim, Halizan Mohmood, Norul Fadilah Abdullah, Nurul Arina Raihan Che Azmi, Wan Muslimin Wan Nawang, Nurul Mardhiah Mahusin, Yusnida Mohamed Yusof, Amira Abdullah, Azlina Daharudin, Marhaniza Othman, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, Siti Nasuha Zainal Abidin, Nur Hartini Mohd Hatta, Nasri Nasution Najib, Baharudin Basiron, Mohd Irwan Musa, Noraini Md. Zamri, Nazirah Marzuki@Zakaria, Halimah Salleh, Nurul Intan Safinaz Aminuddin, Siti Nasuha Zainal Abidin, Normazliana Ismail, Suzlina Mohamad

## **PEREKA BENTUK GRAFIK**

Azman Md. Diah

## **JURUFOTO**

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil  
Muhammad Naufal Samsudin

## **PEMBANTU PENERBITAN**

Hafizatulazlin Abdul Aziz

## **PENGEDARAN**

Mohd Afendi Zamri

## ISI KANDUNGAN

1	Sidang Editorial
3	Visi, Misi, Objektif, Falsafah, dan Nilai Teras
4	Universiti Teknologi Terunggul
6	Canselor
8	Pengerusi Lembaga Pengarah
9	Naib Canselor
10	Ahli Lembaga Pengarah Universiti
11	Pegawai Utama Universiti
12	Ahli Senat Universiti
14	Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang
15	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah
17	Laporan Naib Canselor
19	Pengurusan Sumber Manusia
31	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
58	Lonjakan 1: Keunggulan Akademik
120	Lonjakan 2: Kelestarian Kewangan
145	Lonjakan 3: Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi
173	Lonjakan 4: Kemampanan Pertumbuhan Sosioekonomi dan Persekitaran
225	Lonjakan 5: Keunggulan Jenama
249	Fakulti
301	Pusat Kecemerlangan (CoE)
333	Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)
349	Pembangunan Kampus
355	Laporan Penyata Kewangan 2018

# VISI, MISI, OBJEKTIF, FALSAFAH, DAN NILAI TERAS

## VISI

Universiti Teknologi Terunggul.

## MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat.

## OBJEKTIF

Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif. Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri. Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran. Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

## FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## NILAI TERAS

Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.  
Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.  
Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.  
Cekal dalam menghadapi cabaran.  
Proaktif dalam tindakan.

## POLISI KUALITI

## POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

## SLOGAN

Memasyarakatkan Teknologi

# UNIVERSITI TEKNOLOGI TERUNGGUL

Penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 16 Februari 2002 adalah untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses.

## UMP PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

## KAMPUS UMP GAMBANG

UMP juga beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.

## KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna, di samping latihan industri, para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti mengkomersialkan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.



Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak sepuluh program sarjana (kerja kursus), 57 program sarjana sains dan Doktor Falsafah (PhD) (Penyelidikan), 29 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh sembilan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP);
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK);
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI); dan
- Fakulti Pengurusan Industri (FPI)

Di samping sembilan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan UMP Advanced Education (UMP ADVANCED).

Selain itu, UMP juga mempunyai lima buah Pusat Kecemerlangan (COE) iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (Cariff), Pusat Kecemerlangan IBM, Pusat Penyelidikan Bio Aromatik, dan Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS).

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT

dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (die and mold) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.

## CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG  
TENGGU MAHKOTA TENGGU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
DK., SSAP, SIMP, DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT.**







**PENGERUSI**  
**LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

**DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD**  
SSAP., P.JN.



## **NAIB CANSELOR**

**PROFESOR DATO' SRI DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM**  
SSAP, DSAP, DIMP.

## AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**PENGERUSI**

**DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD**  
 SSAP, PJN.  
*Pengerusi*



**AHLI-AHLI**


**PROFESOR DATO' SRI DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM**  
 SSAP, DSAP, DIMP.  
*Naib Canselor*



**ENCIK MOHD ZAHRAIN BIN MOHD NOR**  
*Wakil Kementerian Kewangan*



**HAJI AHMAD ZAKIE BIN HAJI AHMAD SHARIFF**  
*Wakil Swasta*



**PROFESOR DATO' DR. ISHAK BIN ISMAIL**  
 DIMP., SMP.  
*Wakil Senat*



**DATUK AISHAH BINTI SHAIKH AHMAD,**  
 PJN., JMN., DJN.  
*Wakil Swasta*



**ENCIK SHAIFUL BIN SULIMAN**  
*Wakil Alumni*



**DATO' MAJID BIN MOHAMAD**  
 DIMP.  
*Wakil Berpengalaman dan Berpengetahuan*



**DR. AISHAH BINTI ABU BAKAR**  
*Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi*



**DATO' SRI MD. SHARIF BIN SHAMSUDDIN**  
 SSAP, DSAP, AMP  
*Wakil Masyarakat*



**AHLI EX-OFFICIO**

**PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSUFF**  
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**ENCIK ABD HAMID BIN MAJID**  
*Pendaftar/Setiausaha*

**PROFESOR DATO' DR. MASHITAH BINTI MOHD YUSOFF**  
 DSAP, FMIC.  
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
*Bendahari*

**PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN,** DIMP.  
 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**DATIN HAJAH WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN**  
*Penasihat Undang-undang*

## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



**NAIB CANSOLOR/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
 Profesor Dato' Sri Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim  
 SSAP, DSAP, DIMP.



**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**  
 Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusuff



**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)**  
 Profesor Dato' Dr. Mashitah binti Mohd. Yusoff  
 DSAP, FMIC.



**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)**  
 Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin  
 DIMP.



**PENDAFTAR/KETUA PEGAWAI OPERASI**  
 Encik Abd Hamid bin Majid



**PENASIHAT UNDANG-UNDANG**  
 Datin Hajah Wan Maizurina binti Wan Othman



**BENDAHARI/KETUA PEGAWAI KEWANGAN**  
 Zainudin bin Othman



**KETUA PUSTAKAWAN**  
 Tuan Haji Ruslan bin Che Pee



## AHLI SENAT UNIVERSITI

### PENGERUSI

#### Naib Canselor

PROFESOR DATO' SRI DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING  
IBRAHIM

SSAP., DSAP., DIMP.

*Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip (ITM), CA (Malaysia), FCPA (Australia)*

### TIMBALAN NAIB CANSOLOR

#### Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF  
*PhD (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)*

#### Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DATO' DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF  
DSAP, FMIC.

*Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)*

#### Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
DIMP.

*Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)*

### DEKAN DAN PENGARAH

#### Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

DR. MOHAMAD IDRIS BIN ALI

*Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)*

#### Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

PROFESOR DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI

*Ph.D (UKM), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)*

#### Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

PROFESOR ZULKAFI BIN HASSAN

*M.Sc. (Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)*

#### Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal/ Menjalankan Tugas Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT

*Ph.D (Birmingham), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)*

#### Dekan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

*Ph.D (Newcastle Upon Tyne, UK), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute, USA)*

#### Dekan, Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR MADYA DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM

*Ph.D (University of Wales, Cardiff), M.Sc. (UPM) B.Sc. (UPM)*

#### Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR DATO' DR. ZULARISAM BIN AB WAHID

DIMP.

*Ph.D (UTM), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)*

#### Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

PROFESOR MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN

*Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc. (Southern Illinois)*

#### Dekan, Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DATO' DR. HASNAH BINTI HARON  
DIMP.

*Ph.D (Hull), MBA (Governors State University), B.Sc. (Northern Illinois), Dip (UiTM)*

#### Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL  
WAHAB

*Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM) Bach. (UM)*

#### Dekan, Penyelidikan (Kejuruteraan), Jabatan Penyelidikan & Inovasi

PROFESOR DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN

*Ph.D. (UKM), M.Sc. Engineering (BUET), B.Sc. Engineering (BUET)*

#### Dekan, Penyelidikan (Teknologi), Jabatan Penyelidikan & Inovasi

PROFESOR DR. JOSE RAJAN

*Ph.D (CSIR), M.Sc. (Andha), B.Sc. (Kerala)*

#### Pengarah, Pusat Kejuruteraan Automotif

PROFESOR MADYA DR. ABDUL ADAM BIN ABDULLAH

*Ph.D (Tokushima), M.Eng. (Tokushima), B.Eng. (Akita)*

#### Pengarah, Pusat Kecemerlangan IBM

DR. MOHAMED ARIFF BIN AMEEDEN

*Ph.D (Birmingham) Bach. of Computer Science (UMP)*

**Pengarah, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik**

PROFESOR MADYA DR. SAIFUL NIZAM BIN TAJUDDIN  
*Ph.D (UMP), M.Sc. (USM), B. Appl. Sc. (Hons) (USM)*

**Pengarah Pusat Kelestarian Sumber Bumi**

PROFESOR MADYA DR. MUZAMIR BIN HASAN  
*Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)*

**Pengarah, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju**

PROFESOR MADYA IR. DR. MOHD FAIRUSHAM BIN GHAZALI  
*Ph.D (Sheffield), M.Sc. (Manchester), B. Eng. (UiTM)*

**PROFESOR**

PROFESOR DATO' DR. ISHAK BIN ISMAIL  
DIMP., SMP.  
*Ph.D (Hull), MBA (Governors State University), B.Sc. (Northern Illinois), Dip (ITM)*

PROFESOR IR. DR.-ING NIK ABDULLAH BIN NIK MOHAMED  
*Ph.D (Berlin), M.Sc. (Berlin), B.Sc. (Munich)*

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN ABU BAKAR  
DIMP.  
*Ph.D (Hanyang), M.Sc. (Hanyang), B.Eng. (Hanyang)*

PROFESOR DR. JAMIL BIN ISMAIL  
*Ph.D (Imperial College, London), B.Sc. (UKM)*

PROFESOR DATIN DR. MIMI SAKINAH BINTI ABDUL MUNAIM  
*Ph.D (UTM), M.Sc. (UPM), B.Eng. (UTM)*

**AHLI KO-OPT**

**Ketua Pegawai Eksekutif, UMP Advanced Education**

DR. MOHAMAD ROZI BIN HASSAN  
*Ph.D (UMP), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UKM)*

**Pengarah, Pejabat Antarabangsa**

DR. NIK ALOESNITA BINTI NIK MOHD ALWI  
*Ph.D (Victoria University of Wellington), M.HSc. (IIUM), B.HSc. (IIUM)*

**AHLI EX-OFFICIO**

**Bendahari**

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN  
*C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)*

**Ketua Pustakawan**

HAJI RUSLAN BIN CHE PEE  
*M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)*

**Penasihat Undang-undang**


DATIN HAJAH WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN  
*MIP (UKM), LLB (Hons) (UM)*

**SETIAUSAHA**

**Pendaftar**

ENCIK ABD HAMID BIN MAJID  
*B.Comm. (Hons) (USM)*

# CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



**NOTA \*\* :**

- ICDE CODI diwala oleh FKASA
- ICDE AGILEBT diwala oleh FREE
- ICDE AUTOMOTIF diwala oleh COE AEC
- ICDE BIOTEK diwala oleh FSTI
- ICDE ICT diwala oleh COE IIM

**GLOSARI :**

AEC = Pusat Kejuruteraan Automotif	FKMP = Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	IPS = Institut Pengajian Siwazah	RIA = Akademik Industri Rel	CTMS = Pusat Pengurusan & Perkhidmatan Teknologi
CAIC = Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik	FKEE = Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	ICOE = Pusat Kecemerlangan Industri	CPDC = Pusat Pembangunan & Penempatan Kerjaya	
CARIF = Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Ter maju	Ftek = Fakulti Teknologi Kejuruteraan	JPPH = Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harba	PTMK = Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi	
ERAS = Pus at Kelestarian Sumber Bumi	FKSSP = Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	JJIM = Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat		
FKKSA = Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	FSTI = Fakulti Sains & Teknologi Industri	PBMSK = Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan		
FKASA = Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	FPI = Fakulti Pengurusan Industri	JHKK = Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti		
		PIMPIN = Pusat Islam & Pembangunan Insan		



# PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pengarah



Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan salah sebuah daripada 20 Universiti Awam (UA) dan juga Badan Berkanun Persekutuan merupakan agensi perkhidmatan awam yang bertanggungjawab dalam sasaran yang telah ditetapkan kecemerlangan pendidikan tinggi. Bagi memastikan UMP berada di landasan yang selarivdengan Wawasan 2020 maka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016 – 2020 telah menggariskan strategi bagi melaksanakan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia melibatkan semua lapisan anggota pekerja di UMP. Agenda Memasyarakatkan Teknologi dalam Pelan Strategik 2016-2020 adalah merupakan manifestasi sokongan berterusan UMP terhadap aspirasi tersebut.

Menuju kegemilangan, antara dimensi kritikal yang menentukan daya saing global dan kepercayaan pasaran terhadap UMP menerusi prestasi dalam pelbagai sistem dan kriteria penarafan. UMP kini disenaraikan dalam kelompok 200 universiti terbaik Asia oleh QS University Ranking Asia: 2019. Prestasi UMP pada kedudukan 188 terbaik di Asia merupakan lonjakan 63 anak tangga berbanding kedudukan di tangga ke-251 sebelum ini.

Lebih membanggakan lagi, pencapaian ini diraih sebaik sahaja UMP menerima penarafan 5 Bintang oleh *Quacquarelli Symonds* (QS) pada 17 Julai 2018. Perkembangan ini menjadikan UMP satu-satunya universiti teknikal Malaysia (MTUN) yang berada pada tahap kedudukan terbaik Asia. Perkembangan ini juga melengkapkan kecemerlangan pencapaian UMP sebagai sebuah universiti 5 Bintang dalam Sistem Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMOHES) dan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara. Hal ini sekaligus menjadikan UMP universiti teknologi yang paling pesat berkembang di Malaysia (*the fastest-rising technological university in Malaysia*).

Perhatian yang serius terus diberikan terhadap pengembangan capaian program akademik dan kualiti tenaga akademia sebagai sebahagian petunjuk kecemerlangan universiti. Ini dibuktikan dengan kejayaan UMP memperoleh penilaian 5

Bintang untuk kriteria Pengajaran dan Pembelajaran daripada QS yang diumumkan pada 5 Julai 2018 lalu. Selain itu, pihak QS telah menyenaraikan subjek kejuruteraan mekanikal di UMP dalam kelompok 251-300 terbaik di dunia.

UMP juga menjadi Universiti Awam (UA) pertama di Malaysia yang merintis pelaksanaan sistem pengajian secara trimester mulai Semester 1, Sesi Akademik 2019/2020 yang akan datang. Berbanding sistem dua semester yang diguna pakai kini, sistem trimester memberi lebih fleksibiliti dalam penstrukturan beban akademik pelajar. Lebih penting lagi, melalui sistem trimester, tempoh latihan industri pelajar kejuruteraan dapat dipanjangkan lagi kepada enam bulan berbanding hanya tiga bulan dalam sistem sekarang. Ini tentu sekali akan memberi impak kepada pengayaan kompetensi pelajar, sekaligus meningkatkan peluang kebolehpasaran mereka selepas bergraduasi kelak.

Dengan nilai keseluruhan geran penyelidikan aktif bagi tahun 2018 berjumlah RM69 juta, sebanyak 70 peratus atau RM48 juta daripada jumlah tersebut bersumberkan pembiayaan luar yang merangkumi agensi awam serta syarikat swasta dari dalam dan luar Malaysia. UMP mencatatkan peningkatan perolehan geran agensi kerajaan sebanyak 180 peratus iaitu RM8.69 juta pada tahun 2018 berbanding RM3.1 juta pada tahun 2017 melalui 102 projek FRGS dan PRGS. Universiti juga telah berjaya buat pertama kalinya menerima dua Geran Penyelidikan Transdisiplinari Kementerian Pendidikan Malaysia. Lebih membanggakan, UMP juga telah berjaya meningkatkan pembiayaan projek penyelidikan melalui geran antarabangsa sebanyak RM1.6 juta berbanding RM1.1 juta pada tahun 2017. Manakala, bagi geran penyelidikan kontrak, UMP menerima sebanyak RM21 juta dari pelbagai industri dan agensi.

UMP turut melakar rekod cemerlang dengan 65 projek penyelidikan untuk dipertandingkan dalam pelbagai pameran dan pertandingan inovasi di dalam dan luar negara. Ini dibuktikan dengan kejayaan pencapaian memperoleh 77 pingat dengan 35 pingat emas, 22 perak, lapan gangsa dan 12 anugerah khas oleh para penyelidik UMP.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## *Memasyarakatkan Teknologi*

Dalam konteks penjana kewangan dari sumber alternatif, UMP akan terus mengembang kan inisiatif MyGift bagi tujuan endowmen dan wakaf pendidikan untuk dimanfaatkan warga mahasiswa dan masyarakat yang memerlukan. Sejak pelancarannya pada 2016, MyGift kini merekodkan kutipan semasa berjumlah RM18.2 juta. Untuk tempoh dua tahun di antara 2016 hingga 2018, sejumlah RM5.7juta telah diperuntukkan dari angka tersebut untuk disalurkan bagi pelbagai tujuan, termasuklah pembiayaan biasiswa MyGift dan Skim Bantuan Insentif Pendidikan bagi mahasiswa yang layak.

Dengan sistem pengajian yang berkualiti dan pengalaman kampus yang kondusif, UMP komited untuk mengekalkan kadar tinggi kebolehpasaran graduan. Data terkini Kajian Pengesanan (Tracer Study) kebolehpasaran graduan setakat ini menunjukkan bahawa hampir 96 peratus graduan UMP pada Majlis Konvokesyen Ke-13 telah berjaya mendapat pekerjaan atau menyambung pengajian.

Sebagai penghias bicara akhir, saya bersyukur dan berbangga atas pencapaian UMP sepanjang tahun 2018. Saya juga yakin dengan UMP di bawah pentadbiran Naib Canselor, disokong oleh Pengurusan tertinggi, warga UMP akan terus berganding bahu bekerjasama dalam menggalas tanggungjawab meneruskan kesinambungan bagi menggerakkan inisiatif strategik yang telah disepakati bersama.

Saya mewakili semua ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan menjunjung kasih dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuanku Canselor Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang sentiasa memberikan sokongan serta galakan dalam usaha menyuburkan budaya kesarjanaan di institusi ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua warga UMP, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak kerajaan di atas komitmen dan kepercayaan yang diberikan kepada UMP sehingga meletakkan UMP sebagai salah sebuah UA yang dikenali dan disegani.

Sebelum mengakhiri bicara saya ingin menyeru warga UMP untuk terus meningkatkan momentum dan kompetensi serta kualiti tugas sesuai dengan perkembangan dunia semasa yang memerlukan kita sentiasa bersedia, proaktif dan terkehadapan dalam mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Strategi memanifestasikan fikiran dan menetapkan dimensi hala tuju yang jelas yang dipasakkan dengan kesepakatan tindakan bakal menatijahkan hasil positif secara optimum yang bakal menyebarkan luas manfaat kewujudan UMP kepada semua pihak.

**Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad**  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Malaysia Pahang

# LAPORAN NAIB CANSOLOR



Tahun 2018 terus mencabar keupayaan perkhidmatan personel, pusat tanggungjawab dan organisasi UMP secara keseluruhannya untuk mapan dan mampan beroperasi menurut kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020. Sasaran kecemerlangan prestasi dan produktiviti tersebut memerlukan kombinasi komitmen dan kesedaran dalam kalangan warga UMP dengan berasaskan kesejajaran matlamat konteks aspirasi strategik untuk menjadikan UMP sebuah universiti gemilang menjelang tahun 2020.

Fasa-fasa strategik yang melatari perkembangan dan pertumbuhan UMP sejak tahun 2002 sehingga kini merupakan rangkaian reka bentuk agung bagi menentukan bahawa koordinat universiti ini sememangnya dipetakan ke arah kegemilangan sepanjang 16 tahun kewujudannya sebagai sebuah Universiti Awam (UA). Ini bermula dengan fasa 'Meletakkan Asas Universiti Teknikal' antara tahun 2002 hingga 2007; seterusnya 'Memperkuh Asas, Menjana Kecemerlangan' antara tahun 2008 hingga 2010 dan 'Universiti Teknologi Pilihan Utama' antara tahun 2011 hingga 2015. Beralih ke fasa 'Menjana Kegemilangan' bermula tahun 2016 ini hingga 2020, UMP mencabar untuk memaknakan kewujudannya secara signifikan dengan kegemilangan hasil yang membolehkan universiti ini dapat berdiri sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi berorientasikan teknologi yang bertaraf dunia.

Genapnya 16 tahun usia UMP perlu dimaknakan dengan keterampilan cemerlang organisasi dan warga universiti ini secara menyeluruh dengan meliputi semua dimensi yang menyumbang kepada persepsi, tanggapan dan penilaian umum terhadap keunggulan dan ketulenan pencapaiannya. Lima belas tahun yang lalu, generasi perintis universiti ini telah meletakkan asas yang menegakkan kedudukan UMP sebagaimana yang kita lihat dan rasai kini. Asas tersebut terus diperbaharui dan diperkuh dalam setiap fasa perkembangan strategik dengan mengambil kira kedudukan dan keperluan semasa dan masa depan universiti ini secara dinamik dan realistik. Enam belas tahun usianya itu telah turut mereka bentuk UMP dari segi fungsi akademik dan peranan sosialnya

tanpa mengubah semangat asal penubuhannya sebagai sebuah universiti teknikal.

Dengan populasi mahasiswa dan bilangan stafnya yang sentiasa meningkat, universiti ini turut mencabar untuk menyediakan perkhidmatan dan prasarana yang memenuhi keperluan semasa demi memastikan segenap aspek operasi dan kesejahteraan warga kampus berada pada tahap terbaik.

Tumpuan serius terhadap gerak kerja pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 secara berstruktur dan sistematik telah turut membolehkan Petunjuk-petunjuk Utama Prestasi (KPI) bagi setiap Lonjakan Strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekitaran serta Keunggulan Jenama dapat diukur dan direalisasikan dengan berkesan.

Keupayaan sedemikian sangat signifikan dalam konteks sumbangan UMP terhadap tujuh inisiatif utama yang telah digariskan Kementerian Pendidikan Malaysia sepanjang tahun 2018 iaitu Kalendar Akademik Trimester, Program 2u2i, Kursus *Massive Online Open Courses (MOOC)*, Persijilan Profesional, Pembelajaran Langkah Kendiri, E-Portfolio Berintegrasi iCGPA dan *Malaysian English Assessment (MEA)*.

Perkembangan-perkembangan tersebut turut mencorakkan transformasi peranan UMP selepas 16 tahun kewujudannya. Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, gerak tindakan universiti ini sepanjang tahun 2018 adalah didasari tema Inovasi Nilai 4.0: UMP Di Lautan Biru. Cabaran yang mendepani UMP kini ialah untuk mengupayakan keseragaman matlamat dalam kalangan warganya terhadap aspek-aspek kritikal lain tentang UMP secara holistik. Telah tiba masanya bagi UMP melihat aspek peranan sosialnya dan komersialnya secara strategik dengan memanfaatkan sumber dan bakat yang dimilikinya.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## Memasyarakatkan Teknologi

Dalam hubungan tersebut, UMP komited untuk menentukan penawaran-penawaran bernilai berdasarkan kumpulan bakat dan keupayaan strategiknya bagi menyediakan penyelesaian bulus terhadap masalah sedia ada di industri, mentafsir semula dan menyelesaikan masalah yang dihadapi industri, mengenal pasti peluang dan seterusnya menyelesaikan masalah baharu.

Bagi memastikan kelestarian jaringan ini dengan manfaat jangka panjang kepada komuniti, penyelidik yang terlibat perlu membina keakraban dengan komuniti sasaran selain mengekalkan hubungan yang erat dengan industri dan pembuat dasar dalam ekosistem yang saksama. Rakan kongsi dari komuniti tersebut perlu dilibat sama dalam proses mengenal pasti masalah, menilai impak penyelidikan, perancangan dan pemantauan kajian. Penyelidikan tersebut berisiko menjadi lemah jika hanya faktor-faktor yang memberi manfaat jangka pendek sahaja diambil kira, sekaligus menjejaskan potensi yang diperlukan untuk penggunaannya pada masa hadapan.

Antara tugas penyelidikan yang utama ialah untuk menjangkau keperluan masa hadapan yang belum lagi luas diketahui. Sebagai contoh, impak yang dijana hasil pembangunan teknologi baharu terhadap pembaharuan dasar, ekonomi, budaya, persekitaran dan masyarakat. UMP sendiri telah memiliki teknologi yang dibangunkan secara langsung atau tidak langsung bersama komuniti melalui enam kluster utama iaitu: Kluster Alam Sekitar, Kluster Tenaga, Kluster Kesihatan, Kluster Teknologi Maklumat, Kluster Pembinaan, dan Kluster Umum.

Bagi maksud tersebut, UMP komited untuk mendakap kerangka pendekatan dan pemikiran Lautan Biru dengan keupayaan meramal impak daripada penyelesaian yang ditawarkan atau peluang baharu yang diteroka. Ini memerlukan persepsi yang dinamik terhadap realiti semasa yang tidak bersifat mutlak supaya boleh dibentuk sebagai satu peluang baharu yang memberi keuntungan strategik atau komersial.

Dalam kerangka yang sama juga, fokus utama kini ialah untuk menyahrelevankan persaingan tanpa menyingkirkan pesaing-pesaing sekiranya universiti ini berupaya menampilkan pendekatan, strategi dan inisiatif yang bersifat luar biasa dan berani berbeza, sekaligus sentiasa meletakkan UMP di hadapan. Apabila persaingan telah berjaya dinyahrelevankan dengan pendekatan berani berbeza tersebut, maka universiti ini memiliki kelebihan dalam aspek inovasi dan carian permintaan baharu tanpa perlu bergantung kepada corak pasaran sedia ada. Pasaran baharu yang telah diteroka tersebut berpotensi menjana faedah strategik atau keuntungan komersial secara lestari sekiranya UMP konsisten memanfaatkan strategi kelainan tersebut dengan kos yang rendah.

Inisiatif-inisiatif strategik seperti Kilang Pembelajaran Pintar (*Smart Learning Factory*), Projek Gelatin Halal, Taman Bioaromatik, *Newcleus Centre* dan *Asia Centre of Excellence for Smart Technology (ACEST)* merupakan manifestasi komitmen UMP untuk melestari ekosistem perkongsian universiti-industri melalui inovasi nilai yang didasarkan kepada enam fasa pengalaman klien iaitu pembelian, penghantaran, penggunaan, penambahan, penyenggaraan dan pelupusan. Kepercayaan klien atau pasaran pula dapat dikekalkan jika UMP terus memberi fokus serius terhadap enam tuas penggunaan dalam konteks inovasi nilai yang menekankan aspek produktiviti, ringkas, keselesaan, pengurangan risiko, keseronokan dan imej serta mesra alam.

Dengan pencapaian cemerlangnya kini sebagai sebuah Universiti 5 Bintang yang diiktiraf *QS World University Rankings* pada kedudukan 188 terbaik di Asia, UMP kini berada di hadapan universiti lain dalam Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Kewibawaannya yang turut dibuktikan dengan penarafan 5 Bintang dalam *Malaysia Research Assessment (MyRA)*, *Ministry of Higher Education Star Rating (MyMoheS)*, *Ministry of Higher Education Institutions Rating System (SETARA)* dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara telah meletakkan UMP pada landasan yang tepat dan mapan untuk terus memampankan keupayaannya dalam konteks inovasi nilai menuju kegemilangan.

**Profesor Dato' Sri Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### PERJAWATAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah meluluskan sebanyak 1,820 jawatan sehingga 31 Disember 2018 merangkumi tujuh jawatan bagi pengurusan tertinggi, 821 jawatan bagi kumpulan akademik, 200 jawatan bagi kumpulan pengurusan dan profesional dan 792 jawatan bagi kumpulan pelaksana.

**Statistik bilangan perjawatan berdasarkan kumpulan perkhidmatan sehingga 31 disember 2018**



### PENGISIAN PERJAWATAN SECARA TETAP DAN KONTRAK MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN


Pada tempoh berakhir 31 Disember 2018, pengisian perjawatan berjumlah 1,820 merangkumi perjawatan secara kontrak dan tetap. Berdasarkan data berkenaan, sebanyak 1,541 jawatan perjawatan telah diisi secara tetap dan 279 secara kontrak.

**Pengisian perjawatan secara tetap dan kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan**

KUMPULAN JAWATAN	PENGISIAN JAWATAN		
	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Profesor/JUSA	14	12	26
Akademik	716	83	799
Pengurusan dan Profesional	181	22	203
Pelaksana	630	162	792
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,541</b>	<b>279</b>	<b>1,820</b>


## PENGISIAN PERJAWATAN MENGIKUT JULAT UMUR STAF

Statistik perjawatan mengikut julat umur staf sehingga 31 disember 2018



## PENGISIAN PERJAWATAN MENGIKUT JANTINA

Statistik Perjawatan Mengikut Jantina Sehingga 31 Disember 2018



■ Lelaki ■ Perempuan

## STAF AKADEMIK BERKELAYAKAN DOKTOR FALSAFAH (PhD)

Bilangan pensyarah yang berkekelulusan Doktor Falsafah (PhD) mencatatkan peningkatan setiap tahun daripada tahun 2016 sehingga 2018. Pada tahun 2018, seramai 493 staf akademik Gred DS45 ke atas berkekelulusan Doktor Falsafah (PhD) sehingga 31 Disember 2018.




**493 Staf = 66 Peratus**

FAKULTI	BILANGAN STAF	JUMLAH STAF AKADEMIK	PERATUS STAF AKADEMIK BERKELULUSAN PhD
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	90	104	87
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	31	58	53
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	45	87	52
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	56	83	67
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	64	96	67
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	66	97	68
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	40	58	69

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	41	61	67
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	29	49	59
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	31	54	57




## STAF DENGAN KELAYAKAN PROFESIONAL

Seramai 107 staf akademik dan bukan akademik dengan kelayakan profesional iaitu seorang staf Insinyur Teknologis (Ir. Ts), 24 staf Insinyur (Ir.) dan 82 staf Teknologis (Ts.).



Statistik staf akademik dan bukan akademik dengan kelayakan profesional sehingga 31 Disember 2018





## STAF DENGAN KEAHLIAN PROFESIONAL


Jadual di bawah menunjukkan staf akademik dengan keahlian profesional sehingga 31 Disember 2018.

**Staf akademik dengan keahlian profesional sehingga 31 Disember 2018**


FAKULTI	KEBANGSAAN	ANTARABANGSA
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	34	19
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	23	5
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	21	16
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	12	18
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	31	19
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	29	6
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	15	14
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	16	5
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	14	9
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	2	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>197</b>	<b>111</b>

## STAF BUKAN WARGANEGARA MENGIKUT NEGARA ASAL

Pelantikan staf antarabangsa turut dilaksanakan di UMP sebagai salah satu agenda pengantarabangsaan universiti. Bilangan staf antarabangsa di UMP sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 75 orang yang terdiri daripada 72 orang Kumpulan Akademik dan tiga orang daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional.




Statistik bilangan staf antarabangsa mengikut tahun mulai 2011 hingga 2018




### STAF CUTI BELAJAR DAN FELLOWSHIP

Bagi menyokong agenda pendidikan tinggi negara, pada tahun 2018 seramai 83 orang staf dan 64 orang daripada Skim *Fellowship* telah dihantar untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di dalam dan luar negara.

Statistik staf dan *Fellowship* UMP dalam pengajian pada peringkat Doktor Falsafah (PhD)




## STAF CUTI BELAJAR DAN FELLOWSHIP MENGIKUT NEGARA



Rajah di bawah menunjukkan staf dan *fellowship* dalam pengajian pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) di *World University Ranking - Times Higher Education (THE) 2017/2018* sehingga 31 Disember 2018.

WORLD UNIVERSITY RANKING - TIMES HIGHER EDUCATION (THE)	JUMLAH	PERATUS MENGIKUT RANKING (%)
Top 20	4	3
21-50	2	1
51-100	10	7
101 sehingga 200	5	3
201 dan ke atas	126	86
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>147</b>	<b>100</b>


### Statistik Staf dan Skim *Fellowship* Menamatkan Pengajian Doktor Falsafah (PhD) Sehingga 31 Disember 2018




■ Felo ■ Staf

Perincian mengikut negara seperti rajah di bawah.

**Statistik staf/Fellowship tamat Doktor Falsafah (PhD) dalam tempoh asal atau lebih awal dari tempoh asal (Graduate on Time (GOT)) berdasarkan negara GOT**



**Statistik Staf/Fellowship tamat Doktor Falsafah (PhD) dalam tempoh asal atau lebih awal dari tempoh asal Graduate on Time (GOT) berdasarkan jumlah tamat PhD**




## STATISTIK PENEMPATAN INDUSTRI STAF AKADEMIK

Seorang staf akademik dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dan dua orang staf akademik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) sedang mengikuti penempatan industri.



Seramai 33 orang staf akademik pula telah dihantar mengikuti penempatan industri mulai 2009 sehingga 31 Disember 2018.

**Statistik staf akademik mengikut fakulti yang dihantar mengikuti penempatan industri**




Seramai tujuh orang staf akademik telah berjaya mendapat kelayakan profesional (IR) dalam tempoh perkhidmatan di universiti sehingga 31 Disember 2018.

**Statistik staf akademik telah berjaya mendapat kelayakan profesional (IR) dalam tempoh perkhidmatan di universiti**




**PEMBANGUNAN KERJAYA**

**Statistik pencapaian kenaikan pangkat, pelantikan ke gred tinggi dan pemangkuan**




**Statistik kenaikan pangkat dan pelantikan ke gred tinggi jawatan akademik**



**Statistik kenaikan pangkat jawatan pentadbiran: kumpulan pengurusan dan profesional**



Statistik kenaikan pangkat jawatan pentadbiran kumpulan pelaksana sehingga 31 Disember 2018



STAF AKADEMIK

34

JAWATAN	GREED	BILANGAN STAF
Profesor	VK6	1
Profesor Madya	DS53/54	9
Pensyarah Kanan	DS52	13
Guru Bahasa	DG48	3
Guru Bahasa	DG44	6
Pegawai Latihan Vokasional	DV48	2

PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL

7

JAWATAN	GREED	BILANGAN STAF
Pegawai Tadbir/Pengurus Kanan	N52	2
Pegawai Tadbir/Pengurus	N48	2
Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1
Pegawai Tadbir/Eksekutif Kanan	N44	1
Pustakawan	S44	1

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

PELAKSANA

10

JAWATAN	GREED	BILANGAN STAF
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32	2
Pembantu Pustakawan	S26	1
Juruteknik Komputer	FT22	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	4
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	2

Pemangkuan bagi tujuan  
kenaikan PANGKAT

1

JAWATAN	GREED	BILANGAN STAF
Guru Bahasa	DG44	1

TIME-BASED  
BERASASKAN  
KECEMERLANGAN  
(TBK) 13 TAHUN BAGI  
KUMPULAN

10

JAWATAN	GREED	BILANGAN STAF
Penolong Pegawai Latihan Vokasional	DV36KUP	9
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32KUP	2
Penolong Pegawai Tadbir	N32KUP	3
Penolong Juruaudit	W32KUP	1
Pembantu Keselamatan	KP22KUP	2
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22KUP	3
Pembantu Pustakawan	S22KUP	5

Nota: KUP – Khas Untuk Penyandang




The background features a complex geometric pattern of overlapping triangles. The upper portion is dominated by various shades of teal and blue. The lower right corner is a vibrant, multi-colored section composed of triangles in shades of orange, red, and dark blue. The overall aesthetic is modern and abstract.

# PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI


## PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP 2016-2020 BAGI TAHUN 2018

### PERATUS PENCAPAIAN KESELURUHAN



KOD WARNA	% PENCAPAIAN	BILANGAN KPI PELAN STRATEGIK	PERATUS PENCAPAIAN (%)
	≥ 90	38	85
	51% - 89	5	11
	≤ 50	1	2
	Dalam Pelaksanaan (N/A)	1	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>45</b>	<b>100</b>


#### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN



# PENCAPAIAN KESELURUHAN MENGIKUT LONJAKAN STRATEGIK




Statistik Peratus Pencapaian Mengikut Lonjakan Strategik (LS)



LONJAKAN STRATEGIK 1		LONJAKAN STRATEGIK 2		LONJAKAN STRATEGIK 3		LONJAKAN STRATEGIK 4		LONJAKAN STRATEGIK 5	
KPI	% CAPAI	KPI	% CAPAI	KPI	% CAPAI	KPI	% CAPAI	KPI	% CAPAI
KPI 1A	105	KPI 2A	100	KPI 3A	100	KPI 4A	94	KPI 5A	100
KPI 1B	100	KPI 2B	100	KPI 3B	98	KPI 4B	100	KPI 5B	100
KPI 1C	91			KPI 3C	100	KPI 4C	72		
KPI 1D	100								
KPI 1E	100								
	99		100		99		89		100

PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN



## LONJAKAN STRATEGIK 1: KEUNGGULAN AKADEMIK

### KPI 1A: KEBOLEHPASARAN GRADUAN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 1A: KEBOLEHPASARAN GRADUAN</b>					
i. Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pada tahun konvokesyen semasa	90	94	92	96	104

**Nota:** Pencapaian 96% Kebolehpasaran Graduan (GE) adalah sehingga 10 November 2018.

FAKULTI	PRASISWAZAH		PASCASISWAZAH		% KESELURUHAN GE
	GE	% GE	GE	% GE	
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	276/288	95.8	-	-	95.8
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	130/133	97.7	-	-	97.7
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	188/195	96.4	-	-	96.4
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FteK)	184/189	97.4	-	-	97.4
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	243/268	90.7	-	-	90.7
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	236/243	97.1	-	-	97.1
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	129/131	98.5	-	-	98.5
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	261/280	93.2	-	-	93.2
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	173/176	98.3	-	-	98.3
Institut Pengajian Siswazah (IPS)	-	-	142/154	92.2	92.2
UMP Advanced			511/513	99.6	99.6
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,820/1,903</b>	<b>96.1</b>	<b>653/667</b>	<b>95.9</b>	<b>96</b>

Jumlah pelajar mengisi Sistem *Tracer Study*: 2,570 orang  
Jumlah pelajar GE: 2,473 orang  
Jumlah pelajar tidak bekerja : 97

#### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%

51% - 89%

≥ 90%

## KPI 1B : ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 1B: ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA</b>					
i. Bilangan pelajar antarabangsa prasiswazah	385	453	390	577	148
ii. Bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah	350	372	370	383	104
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	735	825	760	960	126

PRASISWAZAH				
PROGRAM	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
Sarjana Muda	353	577	485 (Tidak termasuk pelajar mobiliti)	416 (Tidak termasuk pelajar mobiliti dan Summer Program)
Preparatory Intensive English (PIE)	54			
Program Transfer	9			
Pelajar Mobiliti	92			
Summer Program	69			

PASCASISWAZAH				
PROGRAM	BILANGAN PELAJAR	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
Sarjana (Penyelidikan)	67	383	381 (Tidak termasuk pelajar mobiliti)	359 (Tidak termasuk pelajar mobiliti dan Summer Program)
Sarjana (Kerja Kursus)	23			
PhD	269			
Pre-sessional English Course (PEC)	0			
Pelajar Mobiliti	2			
Summer Program	22			

### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%

51% - 89%

≥ 90%

## KPI 1C: PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN KOS

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 1C: PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN KOS</b>					
i. Peratusan keciciran pelajar peringkat pengajian Prasiswazah	≤ 7	8.1	≤ 7	9	78
ii. Peratusan keciciran pelajar peringkat pengajian Sarjana	≤ 13	12	≤ 13	9	144
iii. Peratusan keciciran pelajar peringkat pengajian PhD	≤ 19	17	≤ 19	17	112
iv. Peratusan pelajar berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) peringkat pengajian Prasiswazah	80	63	80	69	86
v. Peratusan pelajar berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) peringkat pengajian Sarjana	50	48	50	48	96
vi. Peratusan pelajar berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) peringkat pengajian PhD	48	51	48	41	85

**Nota:** Pencapaian adalah berdasarkan Keciciran Pelajar dan iGOT pada tahun 2020 yang bertujuan untuk melihat tahap pencapaian semasa UMP

PROGRAM	LEPASAN KEMASUKAN	KEMASUKAN		KECICIRAN PELAJAR		IGOT	
		TAHUN	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH KECICIRAN	PERATUS KECICIRAN (%)	GRADUATE ON TIME (GOT)	PERATUS IGOT (%)
Prasiswazah	Lepasan STPM/Setaraf (4 tahun)	2014	1,555	132	8	1,172	75
	Lepasan Diploma (3 tahun)	2014	391	35	13	179	46
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,946</b>	<b>167</b>	<b>9</b>	<b>1,351</b>	<b>69</b>
Sarjana	Lepasan Sarjana Muda (2 tahun)	2016	186	16	9	89	48
PhD	Lepasan Sarjana (4 tahun)	2014	83	14	17	34	41

**Nota:** Pencapaian adalah berdasarkan Keciciran Pelajar dan iGOT pada tahun 2020 yang bertujuan untuk melihat tahap pencapaian semasa UMP

### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%	51% - 89%	≥ 90%
-------	-----------	-------

## KPI 1D: PERATUSAN ENROLMEN PELAJAR DALAM PROGRAM TVET

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 1D: PERATUSAN ENROLMEN PELAJAR DALAM PROGRAM TVET</b>					
Enrolmen pelajar TVET melebihi 60 peratus.	60	58	60	60	100

Pelajar program TVET : 8,670 orang      Enrolmen pelajar : 14,501 orang

## KPI 1E: STAF KOMPETEN DAN PROFESIONAL

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 1E: STAF KOMPETEN DAN PROFESIONAL</b>					
i. Peratus staf akademik terlibat dengan industri dalam bidang kepakaran atau pengajaran	14	16	16	25	156
ii. Peratus kumulatif staf akademik mendapat pengiktirafan oleh badan profesional dan lain-lain	-	-	6	28	467
iii. Peratus kumulatif staf bukan akademik mendapat pengiktirafan oleh badan profesional dan lain-lain	-	-	2	3	150
iv. Peratus pengajar daripada industri mengajar mata pelajaran berkod	4	6.4	8	12	150

BIL.	PERKARA	JUMLAH	
1	Staf akademik terlibat dengan industri dalam bidang kepakaran atau pengajaran	182	
2	Mendapat pengiktirafan oleh badan profesional dan lain-lain	Staf akademik	203
		Staf bukan akademik	31
3	Pengajar daripada industri mengajar mata pelajaran berkod	92	

STAF	JUMLAH
Staf bukan akademik aktif	998
Staf akademik aktif	723

### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%

51% - 89%

≥ 90%

## LONJAKAN STRATEGIK 2: KELESTARIAN KEWANGAN

### KPI 2A : PENJANAAN PENDAPATAN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 2A: PENJANAAN PENDAPATAN</b>					
Peratusan penjanaaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus	26	38.14	28	30	107

PERKARA	AMAUN (RM)	PENGIRAAN	% JANA PENDAPATAN PER BELANJA MENGURUS
A   Penjanaaan pendapatan	117,534,488.04	-	-
B   Bajet perbelanjaan operasi	309,425,034.00	(A/B (i)) X 100	38
C   Perbelanjaan operasi sebenar 2018	389,847,643.58	(A/C) X 100	30

#### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%	51% - 89%	≥ 90%
-------	-----------	-------



## KPI 2B: MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR (%)	CAPAI (%)	SASAR (%)	CAPAI (%)	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 2B : MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN</b>					
i. Peratusan penjimatan kos	1.5	11.30	1.5	11.15	743
ii. Peratusan kumulatif kos per pelajar	8	10.4	10	10	N/A

PENGIRAAN PENJIMATAN KOS	
Penjimatan kos bahagi bajet perbelanjaan mengurus (satu tahun)	
PENCAPAIAN	
$\frac{\text{RM}34,498,490.61}{309,425,034} \times 100 = 11.15\%$	
INISIATIF UTAMA PENJIMATAN	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Elektrik</li> <li>• Minyak kenderaan</li> <li>• Telefon</li> <li>• Faks</li> <li>• Internet</li> <li>• Multimedia</li> <li>• Kerja lebih masa</li> </ul>	

PENGIRAAN KOS PER PELAJAR (2017)							
Standard kos per pelajar – kos per pelajar bahagi standard kos per pelajar							
PENCAPAIAN							
$\frac{\text{RM}30,000 - \text{RM}28,300}{\text{RM}30,000} \times 100 = 5.7\%$							
KUMULATIF							
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>2016</th> <th>2017</th> <th>% KUMULATIF KOS PER PELAJAR</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>4.7%</td> <td>5.7%</td> <td>10.4%</td> </tr> </tbody> </table>	2016	2017	% KUMULATIF KOS PER PELAJAR	4.7%	5.7%	10.4%
2016	2017	% KUMULATIF KOS PER PELAJAR					
4.7%	5.7%	10.4%					

**Nota:** Pencapaian sebenar kos per pelajar tahun 2018 hanya akan dikira pada bulan Disember 2018

### PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN

≤ 50%

51% - 89%

≥ 90%


## LONJAKAN STRATEGIK 3: KEUNGGULAN PENYELIDIKAN & INOVASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 3A: PENERBITAN DAN SITASI PENYELIDIKAN</b>					
i. Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik	1.4	1.68	1.5	1.61	107
ii. Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik	14	16.2	17	24.2	142

PENERBITAN BERINDEKS		STAF AKADEMIK	NISBAH PENERBITAN
JURNAL	PROSIDING		
665	403	665	1.61

JUMLAH SITASI KUMULATIF	STAF AKADEMIK	NISBAH SITASI KUMULATIF
16,077	665	24.2

**PETUNJUK PRESTASI PENCAPAIAN**



## KPI 3B : KEUPAYAAN PENYELIDIKAN

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
	SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI	% PRESTASI CAPAI
<b>KPI 3B: KEUPAYAAN PENYELIDIKAN</b>					
i. Jumlah kumulatif geran yang diperoleh daripada Agensi Kerajaan	100	188	220	299	136
ii. Jumlah kumulatif geran yang diperoleh daripada Organisasi Antarabangsa	4	24	22	30	136
iii. Jumlah kumulatif geran yang diperoleh daripada Industri	13	31	40	39	98

GERAN DIPEROLEH PADA TAHUN 2018				JUMLAH KUMULATIF	BILANGAN PROJEK
BIL.	GERAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PROJEK		
1	Agensi Kerajaan	15,859,447.00	111	33,996,032.99	299
2	Antarabangsa	376,274.30	6	1,456,258.50	30
3	Industri	467,033.26	8	1,847,129.79	39
	Jumlah	16,702,754.56	125	37,299,421.28	368

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2017		2018		
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL) merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan bagi menerajui agenda e-pembelajaran universiti sejak Januari 2016. Antara fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh CIReL adalah seperti berikut:


- Menyokong agenda e-Pembelajaran negara dalam PPPM (PT) menerusi Lonjakan ke-9: Pembelajaran Atas Talian Secara Global. Pihak KPT menyasarkan sebanyak 15 kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) ditawarkan oleh setiap UA bermula pada 2015 hingga tahun 2020 dengan 50 peratus *enrolment* adalah pelajar antarabangsa.
- Menyokong Pelan Strategik UMP 2016-2020 menerusi Lonjakan ke-5; Keunggulan Jenama di bawah KPI Transformasi Penyampaian (Info & infra) dan Perkhidmatan Lestari. Sasarannya adalah penyertaan seramai 20,000 orang pelajar mengikuti Kursus MOOC UMP sama ada kursus generik atau kursus berkaitan empat bidang fokus UMP.
- Penambahbaikan dan pemerksaan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) di UMP melalui pembudayaan *Mode Blended Learning* (MBL) dengan menggunakan pelantar *Knowledge & Learning Management System* (KALAM). Sasarannya adalah 70 peratus kursus berstatus MBL mengikut Lonjakan ke-9: Pembelajaran Atas Talian Secara Global.
- Bekerjasama dengan rakan strategik di dalam atau di luar UMP seperti Universiti Kansai bagi program *Global Classroom* melalui inisiatif *Collaborative Open International Learning* (COIL).

## PENCAPAIAN CIReL BAGI TAHUN 2018

### *KNOWLEDGE & LEARNING MANAGEMENT (KALAM)*

KALAM adalah sistem yang dibangunkan berasaskan kepada pelantar *Moodle* untuk membantu P&P secara e-Pembelajaran yang lebih efektif dan interaktif di antara pensyarah dan pelajar. Selain itu, ia turut digunakan secara rasmi oleh UMP untuk mengukur KPI *Mode Blended Learning* (MBL) dalam CAP e-Pembelajaran PSPTN yang terdahulu. Walaupun, Pelan Strategik UMP 2016-2020 tidak mengukur secara spesifik pencapaian tersebut, inisiatif ini masih dikekalkan bagi tujuan pembudayaan e-pembelajaran di UMP. Secara amnya, pencapaian keseluruhan *Mode Blended Learning* (MBL) UMP CAP e-Pembelajaran PSPTN sehingga Disember 2018 adalah melebihi pencapaian yang disasarkan untuk tahun 2018 iaitu 70 peratus.

**Statistik pencapaian KALAM Pada Tahun 2018**



# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian keseluruhan MBL UMP 2018 mengikut fakulti.

<b>FAKULTI</b>	<b>SEM 1 2017/2018 (%)</b>	<b>SEM 2 2017/2018 (%)</b>	<b>PERATUS PENCAPAIAN KESELURUHAN (%)</b>
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	72.00	63.83	66.6
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	93.18	88.64	88.9
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	75.00	81.25	78.1
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	67.86	74.1	75.4
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	52.94	49.30	53.9
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)	85.39	77.50	65.5
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	82.95	88.46	79.5
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	100	100.00	100
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK)	60.95	59.34	69.1
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)		86.67	
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	82.50	86.05	74.2

## KURSUS MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)

### PEMBANGUNAN KURSUS MOOC 2018

Pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi (PT) 2015-2025 bertujuan untuk mentransformasikan dan meningkatkan standard Pendidikan Tinggi Negara melalui 10 lonjakan yang telah dikenal pasti. Dalam menjayakan Lonjakan Ke-9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global, PPPM (PT), pihak KPM telah memperkenalkan kursus *Massive Open Online Course (MOOC)* dan meminta agar semua Universiti Awam (UA) membangunkan kursus MOOC pada tahun 2016. Justeru, CIREL telah mengambil tanggungjawab ini dan menguruskan pembangunannya di peringkat fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan.

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian pembangunan oleh setiap fakulti pada tahun 2018.

NAMA KURSUS	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
<i>Biomass Derivative Production: Oil Palm Waste</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
<i>Oil Palm Based Fine &amp; Specialty Chemical</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Agarwood : Future Fragrance Design</i>	CoE: Bio Aromatik
<i>Engineering Management: Route to Professional Engineers</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Alternative Energy: A Closer Look at PV System</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
<i>Electronics for Manufacturing Engineers</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
<i>Circuit Analysis : For beginners</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)
<i>High Rise Building Material</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
<i>Operating Systems (OS) for Novice</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
<i>Supply Chain Management: An Anchor In New Era</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Becoming Efficient Technical Communicators.</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
<i>Programming Techniques</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)
<i>EEV Hybrid System</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Fire Safety and Explosion</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
<i>CLIC – Contemporary Leadership in Community</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
<i>Calculus Is A Piece Of Cake</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Solar Cell Technology</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Corporate Governance</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Micro-Controlling: Start As Professional</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)
<i>MBA Strategic Management</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Corrosion For Engineers: Protection Of The Future</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Postgraduate Research Methodology</i>	Institut Pengajian Siswazah
<i>Automotive Technology</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Occupational Safety &amp; Health</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)

Melalui pengenalan Kursus MOOC ini, UMP dapat mempromosikan kursus yang ditawarkan dengan menonjolkan keunikan yang terdapat di UMP. Selain itu, pendekatan ini membolehkan perkongsian ilmu pengetahuan boleh dilakukan bersama masyarakat luar dengan cepat, murah dan berkesan. Ini adalah kerana kursus yang dibangunkan akan dimuat naik di [openlearning.com](http://openlearning.com) yang boleh diakses oleh semua pihak.

Beberapa aktiviti yang melibatkan penganjuran bengkel secara dalaman telah dilaksanakan untuk kursus MOOC. Ia bertujuan untuk memastikan pembangunan Kursus MOOC bergerak seperti yang dirancang dan para Pasukan MOOC memperoleh *input* terkini daripada panel pakar daripada luar UMP.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*

Jadual di bawah menunjukkan beberapa pelaksanaan program atau aktiviti.

TARIKH	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT
14 Februari 2018	<i>Briefing On Teaching &amp; Learning 4.0</i>	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang
3 dan 4 April 2018	Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018, Zon Pahang	Kompleks Sukan Universiti, UMP Kampus Gambang
16 Mei 2018	Bengkel Penyelarasan Kursus Ko-Q Berkredit ( <i>Blended Learning</i> ) UMP Siri 1	Dewan Tun Teja 2 , UMP Kampus Gambang
1 hingga 3 Jun 2018	Bengkel Pemindahan Kredit & Pembangunan Serta Penambahbaikan Kursus MOOC 2018	Duyong Marina Resort, Kuala Terengganu
9 Julai 2018	Bengkel Pra-Pelaksanaan Integrasi Sistem Kalam 3	Bilik Latihan 1, Bangunan PTMK , Kampus Pekan
9 Ogos 2018	Program Motivasi Akademik Bersama Sekolah Kluster, Sekolah Kebangsaan Kuala Triang, Bera.	Global Classroom, Aras 2 PBMSK, UMP Kampus Pekan
28 Ogos 2018	Bengkel Pendekatan Pengajaran Melalui <i>Cybergogy/Heutagogy/Peeragogy</i> UMP	Zenith Hotel, Kuantan
2 September 2018	MINDS 2018/2019	UMP Kampus Pekan dan Gambang
12 dan 13 September 2018	<i>International University Conference On e-Learning</i>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak
24 hingga 26 September 2018	<i>International Malaysian Educational Technology Convention</i>	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang
4 Oktober 2018	Hari Terbuka Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)	Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), UMP Kampus Pekan

## PROMOSI KURSUS MOOC 2018

CIReL telah melaksanakan beberapa aktiviti promosi bagi Kursus MOOC 2018 bersempena dengan aktiviti dalaman yang dibuat di UMP seperti CITREX 2018 & UMP TVET 2017. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar UMP dan pihak luar untuk mendaftarkan diri mengikuti Kursus MOOC UMP secara atas talian di [www.openlearning.com](http://www.openlearning.com). CIReL juga menyertai Promosi di luar UMP seperti di seminar e-Pembelajaran yang dianjurkan oleh organisasi luar seperti Bahagian Pendidikan Teknologi Negeri Pahang melalui seminar.

### Pencapaian sehingga Disember 2018 pendaftaran pelajar mengikut kursus.

NAMA KURSUS	PUSAT TANGGUNGJAWAB
<i>EEV Hybrid System</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Engineering Management: Route to Professional</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Corrosion</i>	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
<i>Alternative Energy: A Closer Look at PV System</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
<i>Electronics for Manufacturing Engineers</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
<i>High Rise Building Materials</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
<i>Biomass Derivative Production: Oil Palm Waste</i>	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
<i>Fire Safety &amp; Explosion</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)
<i>Programming Techniques</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)
<i>OS For Novice</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Oil Palm Based Fine &amp; Specialty Chemicals</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Agarwood: Future Fragrance Design</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Solar Cell Technology</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
<i>Calculus</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Occupational Safety &amp; Health (OSH)</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)
<i>Circuit Analysis: For Beginners</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)
<i>Micro Controlling</i>	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)
<i>Supply Chain Management: An Anchor In New Era</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Corporate Governance</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Strategic Management</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
<i>Becoming Efficient Technical Communicators</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
<i>Contemporary Leadership in Community</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
<i>Automotive Technology</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
<i>Postgraduate Research Methodology</i>	Institut Pengajian Siswazah (IPS)

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

## PELAKSANAAN AKTIVITI GLOBAL CLASSROOM

CiReL menyokong pelaksanaan aktiviti *global classroom* menerusi inisiatif *Collaborative Open Online Learning* (COIL) dengan universiti antarabangsa yang selari dengan hala tuju KPT untuk mempromosikan pembelajaran fleksibel melalui teknologi ICT. Aktiviti ini melibatkan pensyarah dan pelajar daripada kedua-dua universiti yang berkomunikasi secara interaktif dengan menggunakan perisian ZOOM.

Pelaksanaan awal *global classroom* di UMP bermula apabila satu NDA ditandatangani bersama Kansai University pada April 2016 dan seterusnya kedua-dua pelajar berhubung mengikut sesi yang ditetapkan oleh kedua-dua pihak.

### Senarai aktiviti bagi *Global Classroom* sepanjang 2018

FAKULTI	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PENSYARAH	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH PELAJAR LUAR	SASARAN
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	11	12	331	220	9
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	5	5	54	30	9
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	4	4	66	71	9
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	6	6	449	115	9
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	3	1	48	88	9
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	1	1	30	0	9
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	3	4	185	0	9
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	5	7	138	10	9
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	3	2	35	0	9
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	1	1	15	10	9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	42	43	1351	544	90

## AKTIVITI GLOBAL CLASSROOM



Perkongsian oleh Profesor Ikeda dari Universiti Kansai, Jepun bersama koordinator *Global Classroom*.



Sesi Perkongsian: Inovasi Pengajaran Melalui *Global Classroom* Transformasi Digital Dalam Pembelajaran & Keusahawanan Atas Talian sempena UMP TVET 2017.



*Global Classroom for Corporate Governance: FIM-UMP & Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG).*



*Global Classroom Initiative on Master Course di Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).*



*Global Classroom Activity dengan Dr. Awanis (FSKPP) and BINUS University Jakarta, Indonesia.*

## PENGLIBATAN UMP KE PROGRAM e-PEMBELAJARAN PERINGKAT NASIONAL

### INTERNATIONAL UNIVERSITY CONFERENCE ON E-LEARNING (IUCEL)

UMP meneruskan tradisi penyertaan ke Karnival *International University Carnival on e-Learning (IUCEL)* 2018 yang berlangsung selama dua hari bertemakan *Humanising Technology* yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kali keempat berturut-turut pada 12 dan 13 September 2018 lalu. Karnival ini adalah acara tahunan yang bertujuan untuk mempromosikan e-Pembelajaran sebagai alternatif kepada kaedah Pengajaran & Pembelajaran (P&P) semasa di samping mengetengahkan teknologi dan inovasi terkini dalam era pembelajaran digital. Selain itu, universiti awam dan swasta, pemain industri, komuniti setempat dan luar juga dapat berkongsi *best practices* yang diamalkan di agensi masing-masing. Karnival ini telah disertai oleh sembilan penyelidik UMP dan penyertaan UMP kali ini berjaya meraih dua pingat emas serta tiga pingat perak dan empat pingat gangsa dalam disumbangkan oleh projek berikut.

#### Pencapaian penyelidik UMP di IUCEL

PESERTA	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	NAMA PROJEK	PENCAPAIAN
Dr. Munira Abdul Razak	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	<i>i-E.R.A.T DIVo NAVi : ADAM (Aku Darah Anak Malaysia) Managing Diversity from Classroom to Global Community</i>	Emas
Nor Azhar Ahmad	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	<i>Learning Space Quality Monitoring : Sensing the Unseen Factor.</i>	Emas
Syahrina Ahmad	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Projek <i>Flipping</i> Bahasa Jepun	Perak
Mohd Shafeirul Zaman Abdul Majid	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	<i>Digital Grammer Board (DiGrab) for Students learning Engagemnet</i>	Perak
Khairul Bahri Abdul Samad	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	<i>Enhancing Learning Experience of German as Foreign language Inst@gogy</i>	Perak
Jamilah Bebe Mohamad	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Hayaa Nadrus Bahasa Melayu	Gangsa
Profesor Madya Dr. Zuraina Ali	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	<i>VOC@AWL For Learning Vocabulary</i>	Gangsa
Dr. Awanis Romli	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	<i>ePALApps: Enhancing Parenting Literacy in a Smart Society 5.0</i>	Gangsa
Aziman Abdulllah	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	<i>myOBE</i>	Gangsa



## LALUAN KERJAYA PELBAGAI STAF AKADEMIK, *ACADEMIC DIFFERENTIATED CAREER PATHWAYS (ADCAP)*

Universiti Malaysia Pahang melalui Pelan Strategik UMP 2016-2020 bagi Lonjakan Strategik 4 (Keunggulan Jenama) sedang dalam usaha untuk memartabatkan pembangunan bakat staf akademik iaitu dengan mewujudkan laluan kerjaya pelbagai kepada staf akademik atau dikenali sebagai *Academic Differentiated Career Pathway (ADCAP)*. Pihak pengurusan UMP percaya bahawa pengurusan bakat melalui laluan kerjaya pelbagai akan membantu pembangunan bakat staf tersebut di samping memupuk kecemerlangan dan kepimpinan dalam satu-satu domain teras, dengan mengambil kira kepelbagaian bakat dan minat yang ada pada seseorang staf akademik itu. Di samping itu, bakat lain masih diambil kira dengan peratus sumbangan yang kecil. Terdapat empat kategori kepelbagaian bakat di dalam sistem ADCAP ini iaitu:

- *Inspiring Educator (IE)*: Untuk pengembangan dan kecenderungan bakat dalam bidang pengajaran;
- *Accomplished Researcher (AR)*: Untuk pengembangan dan kecenderungan bakat dalam bidang penyelidikan;
- *Experienced Practitioner (EP)*: Untuk pengembangan dan kecenderungan bakat dalam bidang pengamalan; dan
- *All Rounders (AIIR)*: Untuk pengembangan dan kecenderungan bakat sama rata dalam semua bidang utama iaitu pengajaran, penyelidikan, pengamalan dan pentadbiran.

### **Gerak kerja fasa dua yang dilakukan ke arah pembangunan dan pelaksanaan ADCAP di UMP**

<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
Lawatan Penanda Aras ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).	26 Februari 2018
Sesi <i>Engagement</i> bersama Dekan Fakulti.	Mac dan April 2018
Sesi penentuan markah minimum maksimum rubrik kenaikan pangkat.	-
Pembentangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti .	Mei dan Oktober 2018
Siri <i>Town Hall II</i> : Simulasi ADCAP dan Pengisian Rubrik Kenaikan Pangkat.	30 dan 31 Mei 2018

Proses pembangunan laluan kerjaya pelbagai ini melibatkan pembangunan konsep, rangka kerja, operasi definisi dan rubrik kategori laluan termasuk simulasi terhadap staf akademik di UMP. Gerak kerja proses ini telah bermula pada tahun 2016 dan jangkaan hasil yang dihasratkan ialah ianya akan disistemkan secara atas talian dan dapat memberikan petunjuk kepada staf akademik untuk mengetahui laluan kerjaya mereka berdasarkan pencapaian semasa dan keperluan-keperluan untuk terus melonjak di dalam laluan kerjaya tersebut dan seterusnya membawa kepada kenaikan pangkat.

## ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU) 2017



Majlis yang diraikan di dalam Anugerah Cendekia Bitara 2017 pada 6 April 2018 di Hotel Zenith, Kuantan Pahang ini menyaksikan seorang pemenang utama dinobatkan atas kecemerlangan dan ketokohan beliau di dalam pengajaran dan pembelajaran di UMP.

Pemenang kali ini adalah diangkat daripada kategori Anugerah Ahli Akademik Harapan (AAAH) yang merupakan kategori baharu dalam Anugerah Akademik Universiti untuk mengiktiraf pensyarah muda UMP yang berinspirasi dan berkaliber di dalam bidangnya, bertepatan dengan kategori yang dipertandingkan dalam Anugerah Akademik Negara. Tiada pemenang untuk kategori Anugerah Pengajaran pada tahun ini.

Jadual di bawah menunjukkan senarai nama pemenang.

ANUGERAH	BILANGAN FINALIS	BILANGAN PEMENANG	NAMA PEMENANG
Anugerah Ahli Akademik Harapan (AAAH)	2	1	Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
Anugerah Pengajaran (AP)	Tiada Pemenang		

## LATIHAN PENINGKATAN KOMPETENSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN STAF AKADEMIK DALAM MEMPERKASAKAN AGENDA TVET DAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0

Jadual di bawah menunjukkan senarai latihan peningkatan kompetensi pengajaran dan pembelajaran staf akademik dalam memperkasakan agenda TVET dan revolusi perindustrian 4.0.

NAMA LATIHAN	PENCERAMAH / FASILITATOR	OBJEKTIF	TARIKH / LOKASI
Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS) 2.0	Dr. Nasratun Masngut, Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC).	Menambah baik dan mengemas kini prosedur AQMS sedia ada kepada versi terkini 2.0 supaya relevan dengan proses kerja akademik pada masa kini.	5 hingga 7 September 2018 di Hotel Holiday Villa Cherating.
<i>Educator 4.0</i>	Profesor Dato' Dr. Mohamed Amin Embi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).	Melahirkan tenaga penggerak akademik yang relevan ke arah pendidikan IR 4.0.	29 dan 30 Oktober 2018 di Bilik Latihan KPU, UMP Kampus Gambang.

## BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN INTEGRITI

### PENCERAMAH BAGI PROGRAM MINGGU INDUKSI SISWA 2018 (MINDS 18)



Pada 2 hingga 5 September 2019, Minggu Induksi Siswa 2018 (MINDS 18) telah diadakan bersempena pendaftaran pelajar baharu ke UMP. Sehubungan itu, Pegawai Undang-undang UMP telah dijemput untuk memberikan taklimat berkenaan dengan Akta Universiti Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 melalui empat slot yang diberikan iaitu satu di Kampus Gambang manakala tiga lagi di Kampus Pekan. Diharapkan sedikit perkongsian yang diberikan tersebut dapat memberikan kecaknaan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan universiti kepada pelajar-pelajar baharu.

### PENULIS BUKU *'PRECEDENT, KOMPILASI KES-KES TATATERTIB PELAJAR'*




Marlina Mamat telah dilantik sebagai Jawatankuasa Kompilasi Kes-kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam (UA) bersama sepuluh orang lagi Pegawai Undang-undang dari UA yang lain untuk memberi sumbangan idea serta pengalaman beliau sebagai Pegawai Undang-undang yang bertanggungjawab menguruskan tatatertib pelajar di UMP bagi menghasilkan sebuah buku sebagai panduan dan rujukan kepada semua UA agar terdapat keseragaman dan kesinambungan bagi setiap kes tatatertib yang diambil.

Selain itu juga, buku ini bertujuan membantu pelajar agar lebih memahami dengan lebih jelas tentang kesalahan-kesalahan tatatertib dan hukuman yang dikenakan bagi setiap kesalahan tersebut. Adalah diharapkan para pelajar lebih sensitif kepada sempadan tingkah laku sebagai komuniti kampus dan secara tidak langsung mengurangkan kadar kes tatatertib dalam kalangan pelajar di setiap UA.

Buku ini telah diterbitkan pada penghujung 2017 dan mula diedarkan pada pelajar di seluruh UA pada sesi akademik 2017/2018.


## PUSAT KEBUDAYAAN & BAHASA MANDARIN (MLCC)

Statistik guru bahasa sukarelawan mengikut tahun



Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC) telah mendapat sokongan Hanban, China dengan menghantar seramai 30 orang guru bahasa Mandarin Sukarelawan pada tahun 2011 hingga tahun 2018. Gaji guru bahasa Mandarin Sukarelawan China adalah ditanggung oleh kerajaan China, manakala UMP menanggung kos penginapan, kos perubatan dan kos pengangkutan tempatan mereka. Penambahan guru bahasa Mandarin adalah berdasarkan permintaan kursus bahasa Mandarin di UMP.

Statistik pelajar mengikut tahun



MLCC telah menawarkan pelbagai kursus bahasa Mandarin kepada pelajar tempatan, pelajar antarabangsa, orang awam dan pekerja korporat. Bilangan pelajar MLCC adalah tidak tertentu, ia juga bergantung kepada bilangan pelajar yang terlibat kursus perundingan yang ditawarkan oleh MLCC. Tahun 2018 merupakan bilangan pelajar yang paling ramai, iaitu sebanyak 266 orang.

Seramai 973 bilangan pelajar MLCC pada tahun 2011 hingga tahun 2018, termasuk 153 orang pelajar UMP menduduki Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK- Ujian Kefasihan bahasa Mandarin) dan lulus dengan cemerlang pada tahun 2013-2018. Graduan UMP menggunakan Sijil HSK untuk mohon kerja dan meningkat kompetensi pelajar dalam bidang pekerjaan. HSK ialah Ujian kefasihan bahasa Mandarin yang dianjurkan oleh China, sijil diiktiraf di dunia. Sijil HSK adalah setaraf dengan TOEFL dan IELTS.

## INSTITUT KONFUSIUS BAKAL DITUBUHKAN DI UMP



UMP menjalinkan kerjasama dengan Confucius Institute Headquarters (Hanban) dalam penubuhan Institut Konfuisus yang bakal memanfaatkan mahasiswa dan masyarakat setempat terutamanya di negeri Pahang. Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bertukar dokumen perjanjian dengan Timbalan Pengarah Hanban, Zhao Guocheng yang berlangsung di Chengdu China pada 5 Disember 2018 bersempena penganjuran Persidangan Kali Ke-13 Institut Konfusius. Hebei University merupakan universiti di China yang dilantik oleh pihak Hanban bagi usaha kerjasama terhadap penubuhan Institut Confucius. Kini, sebanyak 548 buah Institut Konfusius dan 1,193 buah Kelas Konfusius ditubuhkan di 154 negara yang di seluruh dunia. Institut Konfusius UMP merupakan salah sebuah Institut Konfusius yang terletak di Malaysia.

## LAWATAN KERJA RASMI DAN PERTUKARAN MoA DI HEBEI UNIVERSITY, CHINA



Delegasi UMP yang terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengarah MLCC, Yong Ying Mei dan Eksekutif Kanan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Saharudin Ramli telah menjalankan lawatan kerja rasmi dan pertukaran MoA di Hebei University, China pada 6 dan 7 Disember 2018. Mesyuarat Ahli Lembaga Institut Konfusius telah dianjurkan bersama Profesor Dr Yang Xuexin, President Hebei University dan Profesor Li Xiaoliu, Pengarah Pejabat Antarabangsa Hebei University.

## LAWATAN KERJA RASMI DAN PERTUKARAN MoU DI BEIJING JIAOTONG UNIVERSITY, CHINA



Delegasi UMP yang terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri. Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Pengarah MLCC, Yong Ying Mei dan Eksekutif Kanan, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Saharudin Ramli telah menjalankan lawatan kerja rasmi dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di Beijing Jiaotong University (BJTU), China pada 10 Disember 2018. Delegasi UMP turut melawat empat orang pelajar UMP dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang terlibat dalam program pertukaran pelajar di BJTU, China.

## UMP TAWAR KURSUS INDUSTRIAL MANDARIN KEPADA INDUSTRI



UMP menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. (ASSB) dan ATOZ Solution Sdn. Bhd. dalam usaha meningkatkan kemahiran staf mereka dalam berbahasa Mandarin pada 26 Oktober 2018. Kolaborasi ini juga bakal memanfaatkan mahasiswa universiti terhadap penempatan latihan industri dan peluang kerjaya. Kursus bahasa Mandarin untuk Industri yang diadakan di Malaysia-China Kuantan Industri Park (MCKIP) pada 1 November hingga 24 November 2018. Kerjasama strategik antara Universiti dengan Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. yang berada di MCKIP ini akan memanfaatkan dalam penyelidikan, latihan industri dan peluang kerjaya.

## UMP TAWAR KURSUS *RAILWAY* MANDARIN TINGKAT KEMAHIRAN PELATIH ECRL



Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC) menawarkan Kursus Railway Mandarin dalam usaha meningkatkan kecekapan berbahasa Mandarin bagi pelatih Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) East Coast Rail Link (ECRL) yang mengikuti program di universiti ini. ECRL merupakan satu projek yang dijalankan kerajaan dalam membina jajaran kereta api elektrik baharu yang akan menghubungkan negeri-negeri Pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang ke Lembah Klang. Kerjasama UMP dan Malaysia Rail Link (MRL) serta Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC) dijangka meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan dalam industri kereta api di negara ini. Program Latihan Kemahiran Industri bagi ECRL bakal menyediakan dan meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diambil bekerja oleh kontraktor ECRL dan industri kereta api berteknologi ini.

## ***TRAINING OF TRAINERS (TOT) FOR HANYU SHUIPING KAOSHI (HSK) ASSESSMENT***



Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC) menganjurkan *Training of Trainers (ToT) for Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) Assessment* di Kolej Profesional MARA Indera Mahkota, Kuantan, Pahang. HSK dikenali sebagai Ujian Kecekapan Cina yang merupakan satu-satunya ujian piawai China untuk mengukur tahap kecekapan penutur bukan bahasa asli Cina standard.

## PENGARAH MLCC DILANTIK SEBAGAI PENASIHAT AKADEMIK MARA



Pengarah MLCC, Yong Ying Mei dilantik sebagai Penasihat Akademik untuk Pengembangan Kurikulum Bengkel Bahasa Ketiga di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM). Bahasa Mandarin adalah salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan di KKTM yang merangkumi bahasa Arab, dan bahasa Jerman. Skop utama sebagai penasihat akademik adalah untuk memberikan pendapat dan nasihat tentang reka bentuk kurikulum dan sukatan pelajaran dan pembangunan bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Bengkel ini dianjurkan oleh MARA di Summit Hotel KL City Centre, Kuala Lumpur dari 30 Mei hingga 1 Jun 2018.

## UMP DAN LEADWORKZ GROUP METERAI MoA LANCAR PROGRAM MANDARIN 28



UMP dan Leadworkz Group of Companies (LW) menerusi Leadworkz Training Service PLT dan Leadworkz Media Sdn. Bhd. hari ini lancar Program Mandarin 28 yang menawarkan program pembelajaran Mandarin yang memudah cara penuturannya dalam tempoh 28 jam sahaja buat pelanggan korporat daripada pelbagai agensi kerajaan, badan swasta dan industri dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Hasil karya buku *Mandarin for All*, guru Bahasa Mandarin dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan UMP, Yong Ying Mei yang juga Pengarah MLCC, ia mengikut piawai Common European Framework Reference of Language (CEFR) berjaya dinobatkan sebagai Buku Pendidikan Terbaik pada Anugerah Buku Negara (ABN) tahun lalu.



## PERTUKARAN STAF UMP KE HEBEI UNIVERSITY, CHINA



MLCC telah menyelaraskan program pertukaran staf UMP di Hebei University, China. Dekan Fakuliti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Profesor Madya Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim dan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Farhan Mohd Said telah dijemput dalam program pertukaran staf di Hebei University pada 12 hingga 25 April 2018.

## PERTUKARAN PELAJAR UMP KE BEIJING JIAOTONG UNIVERSITY, CHINA



MLCC telah menyelaraskan program pertukaran pelajar UMP ke Beijing Jiaotong University (BJTU) China selama satu semester, iaitu pada 5 September 2018 hingga 20 Januari 2019. Seramai empat orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) terlibat dalam program ini iaitu Lim Sue Bee, Ho Chia Min, Wong Shi Mein dan Tan Qian Ni.

## PERPUSTAKAAN

### PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2018, pencapaian perkhidmatan Perpustakaan UMP dapat dilihat dari beberapa program.

#### PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN



Program Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan merupakan salah satu inisiatif untuk memasarkan dan mempertingkatkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Program ini dijalankan pada 20 Disember 2018 di Perpustakaan Gambang yang melibatkan aktiviti seperti kaunter pertanyaan berkenaan perkhidmatan, *indoor game*, kuiz pangkalan data, komen terbaik, peminjam terbanyak dan Pameran Bencana Banjir di Pahang.


#### PROGRAM *MEET & ASSIST*



Program *Meet & Assist* merupakan salah satu sesi jerayawara yang ditawarkan kepada pengguna UMP-IR. Ia memberi penerangan dan panduan mengenai UMP-IR, cara memuat naik bahan, jenis-jenis artikel, hak cipta penulis dan penulis bersama, impak artikel terhadap pensyarah dan universiti serta peranannya dalam memberi imej kepada universiti dan negara.


## AKSES KOLEKSI DIGITAL

Selaras dengan transformasi UMP ke arah Revolusi Industri 4.0, Perpustakaan UMP dalam usaha menyokong agenda universiti telah mengaplikasikan teknologi digital pada kebanyakan koleksi. Capaian pada koleksi digital ini bersifat fleksibel yang boleh diakses tanpa batasan ruang dan masa. Berikut merupakan statistik akses maya bagi koleksi digital. Peningkatan akses sebanyak 23.4 peratus berbanding tahun 2017 menunjukkan koleksi digital merupakan alternatif terbaik selari dengan keperluan maklumat warga universiti.



## PENGEMBANGAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN


Koleksi bercetak menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan apabila peningkatan sebanyak 10 peratus dilaporkan berbanding tahun 2017. Koleksi bercetak merangkumi buku, jurnal/majalah serta bahan-bahan media berjumlah 132,036 judul berbanding 120,000 judul pada tahun sebelumnya. Koleksi digital yang terdiri dari pangkalan data EcoLLIB dan UMPIR juga menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Pangkalan data EcoLLIB yang dilancarkan pada tahun lepas berjaya direkod sebanyak 14,088 manakala UMPIR sebanyak 18,301. Carta di bawah menunjukkan perbandingan koleksi bercetak dan digital.



## PENGUNAAN KOLEKSI BERCETAK

Statistik penggunaan koleksi bercetak menunjukkan penurunan sebanyak 14 peratus berbanding 2017. Situasi ini menunjukkan kecenderungan pengguna untuk menggunakan koleksi digital, namun koleksi bercetak masih lagi relevan. Rajah di bawah menunjukkan *trend* penggunaan bahan bercetak bagi tahun 2016 hingga 2018.


**Statistik Trend Penggunaan Koleksi Bercetak Mengikut Tahun**



## KEAHLIAN DAN JUMLAH PENGUNJUNG

Sehingga Disember 2018, sebanyak 14,621 keahlian perpustakaan telah direkodkan dalam sistem Perpustakaan UMP berbanding 13,000 yang direkodkan pada tahun 2017. Perpustakaan juga telah merekodkan peningkatan pengunjung sebanyak 36 peratus pada tahun 2018 berbanding pengunjung pada tahun 2017.


**Statistik Keahlian dan Jumlah Pengunjung Mengikut Tahun**



## PROGRAM LITERASI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN




Bagi mendukung amalan pembelajaran sepanjang hayat, beberapa aktiviti di bawah program literasi maklumat telah disusun bagi memupuk dan menggalakkan mahasiswa membudayakan amalan membaca bahan-bahan rujukan yang berautoriti dan berkualiti. Berikut merupakan pecahan program literasi maklumat anjuran Perpustakaan.




## PUSAT PENGURUSAN & PENGURUSAN TEKNOLOGI (CTMS)

Melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2017 pada 14 Ogos 2017, telah dipersetujui dan diluluskan cadangan penubuhan Pusat Pengurusan & Perkhidmatan Teknologi (*Center for Technology Management and Services* (CTMS)) sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UMP Kampus Gambang berkuat kuasa 15 Ogos 2017. CTMS diterajui oleh Dr. Zulkifly Jemaat yang dilantik sebagai Pengarah CTMS bermula 16 Ogos 2017.

Hala tuju pusat ini menyokong penuh Pelan Strategik UMP 2016-2020 di bawah Lonjakan Strategik 2: Kelestarian Kewangan dan dengan Penjana Pendapatan melalui penawaran kursus-kursus jangka pendek dan khidmat teknikal. Berteraskan misi dan visi serta selaras dengan pelaksanaan dan pencapaian objektif UMP, CTMS mengambil langkah proaktif menerajui inisiatif dengan menambah baik sistem pengurusan makmal UMP dengan mewujudkan konsep *Sharing Facilities*. Konsep ini adalah menyahut kepada seruan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang mana boleh diadaptasi dan dilaksanakan di UMP iaitu dengan berfokuskan satu cara yang kreatif dan sistematik dalam mewujudkan nilai tinggi dengan kos rendah dalam pengurusan makmal di UMP.





Rekod sehingga : 31 Disember 2018

## KURSUS DEGREE++ - KURSUS ASAS KEJURUTERAAN *BOILER*



Kursus Degree++ - Kursus Asas Boiler dianjurkan dan dijayakan dengan kerjasama *Malaysian Steam and Internal Combustion Engine Engineer Association (MSIEA)* pada 24 November 2018 di UMP Kampus Pekan dengan penyertaan seramai 300 orang. Kursus ini diadakan khusus untuk pelajar UMP dan terbuka kepada pelajar dalam jurusan kejuruteraan dari pelbagai fakulti di UMP dari tahun pertama sehingga ke tahun akhir pengajian. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar UMP berkenaan peluang dan skop pekerjaan dalam bidang boiler di industri. Ia juga dapat memberikan nilai tambah TVET kepada pelajar UMP untuk menghadapi cabaran selepas tamat pengajian dan selainnya turut membantu meningkatkan minat pelajar untuk lebih cemerlang setelah jelas dengan peluang pekerjaan yang ada.

## SEMINAR INDUSTRI 4.0 *WORKSHOP WITH ACTUAL LEARNING SYSTEM*



Seminar Industri 4.0 *Workshop with Actual Learning System* ini diadakan pada 20 dan 21 Disember 2018 di UMP Kampus Gambang.



## ***COURTESY VISIT AND OHSAS 18001, MS 1722 & ISO 14001 CERTIFICATES HANDOVER***



***Courtesy Visit and OHSAS 18001, MS 1722 & ISO 14001  
Certificates Handover***

**oleh**

**NIOSH Certification Sdn Bhd**

**pada 20 September 2018 (Khamis) di Bilik VIP Kompleks Sukan UMP**

**Anjuran :**

*Center for Technology Management and Services (CTMS)*

**Dengan kerjasama :**

*Occupational Safety & Health Management Office (OHSMO) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)*

**Universiti Malaysia Pahang**



Kursus Courtesy Visit and OHSAS 18001, MS 1722 & ISO 14001 Certificates Handover ini diadakan 20 September 2018 di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

## **LAWATAN DARI UTP KE MAKMAL DI UMP**



Sesi lawatan ini dihadiri oleh Pengarah *Lab Management* Mengkoordinasi lawatan dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) ke makmal di UMP.

## ***KHIDMAT SOSIAL INOVATIF (CSI) - PERKONGSIAN PENGETAHUAN 'ARDUINO'***




Khidmat Sosial Inovatif (CSI) - perkongsian pengetahuan 'Arduino' julung kali dianjurkan oleh CTMS sejak ditubuhkan dengan kerjasama antara CTMS dan Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) pada 11 Mac 2018 di Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH). CTMS UMP berasa bertanggungjawab dalam menzahirkan komitmen terhadap pelaksanaan strategi yang berteraskan *Corporate Service Innovation* (CSI) kepada masyarakat.

## **PERBINCANGAN MENGENAI PENGURUSAN MAKMAL DI UTP & KNOWLEDGE SHARING KONSEP PENGURUSAN MAKMAL**

Pengarah CTMS, Dr. Zulkifly jemaat diiringi tiga orang Ketua Kluster CTMS (Akademiks), Nidzamuddeen Ishak, Ketua Kluster (Pengurusan Makmal), Syahrulnaim Mohamad Nawi dan Ketua Kluster (Perundingan & Khidmat Teknikal), Mohamad Azlan Mat Hussin menghadiri sesi perbincangan dan lawatan penanda aras di Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada 7 Februari 2018 untuk sesi perkongsian penjaanaan idea dan konsep pemusatan makmal dan mendapatkan kaedah terbaik pelaksanaan di UMP.

# PENCAPAIAN JABATAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (JJIM) (BERDASARKAN KPI KEMENTERIAN)




## INDUSTRIAL NETWORK ALUMNI PLATFORM (INAP)

INAP ditubuhkan dengan kerjasama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat serta Persatuan Alumni UMP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, yang menyasarkan kerjasama alumni yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta di negara ini. INAP ditubuhkan sebagai satu badan di bawah Persatuan Alumni UMP dengan objektif khusus membangunkan idea-idea yang konstruksi daripada perspektif profesional alumni yang mempunyai nilai tambah dan berimpak tinggi melalui penglibatan bersama.




### 4,879 ALUMNI BERDAFTAR INAP

Statistik alumni berdaftar INAP mengikut bulan pada tahun 2018




### 4,541 INDUSTRI

Statistik alumni berdaftar INAP mengikut industri pada tahun 2018



Statistik status kebolehpasaran alumni berdaftar INAP



# UMP ADVANCED



UMP Advanced merupakan pemangkin kepada laluan pendidikan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). UMP Advanced komited melahirkan ramai graduan selaras dengan agenda PSH serta program Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET) yang digariskan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM – Pendidikan Tinggi) 2015-2025 serta Pelan Induk Pembudayaan PSH Peringkat Nasional 2011-2020. UMP Advanced memainkan peranan penting dalam menawarkan program PSH dengan mewujudkan laluan alternatif, meningkatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri masa kini. Sehingga kini, UMP Advanced berjaya melahirkan hampir 3,264 graduan dalam program PSH meliputi bidang industri automotif, minyak dan gas, pembuatan, pembinaan, bioekonomi dan perladangan.

## MISI & VISI

Visi	Misi
UMP Advanced berinspirasi untuk menjadi Peneraju Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berteraskan kompetensi	Menggerakkan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) melalui Program Kompetensi untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat dan keperluan tenaga mahir industri

## AKTIVITI UMP ADVANCED

PROGRAM PERDANA	PROGRAM PROFESIONAL / EKSEKUTIF	SOSIOEKONOMI & PROJEK KHAS
<ul style="list-style-type: none"> <li> Separuh Masa</li> <li> Fleksibel</li> <li> Kemasukan Khas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li> Sijil Profesional</li> <li> Diploma Profesional</li> <li> Bacelor Eksekutif</li> <li> Master Eksekutif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li style="background-color: #e0f0e0; padding: 5px;">Latihan Kemahiran Akademik</li> <li style="background-color: #e0e0e0; padding: 5px;">Latihan Kemahiran &amp; Keusahawanan</li> <li style="background-color: #a0a0c0; padding: 5px;">Projek Khas</li> </ul>

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

## SUMBANGAN PELAKSANAAN PROGRAM PSH UMP ADVANCED

### SUMBANGAN KEPADA UMP

- Meningkatkan pendapatan universiti
- Meningkatkan enrolmen pelajar ambil dari luar UMP
- Menyokong Lonjakan Strategik #2 UMP (Kelestarian Kewangan)
- Meningkatkan kadar produktiviti universiti secara keseluruhan (*cost per head*)



### SUMBANGAN KEPADA NEGARA


- Menyokong Teras 3 (RMK-11): Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara
- Memperluas akses pendidikan kepada golongan sasaran
- Menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat yang memfokus kepada TVET

## PENDAPATAN UMP ADVANCED


PENDAPATAN	PENCAPAIAN (RM)	PERATUS (%)
Program Profesional	14,990	69
Program Perdana	1,781	8
Sosioekonomi dan Projek Khas	4,994	23

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT


Statistik enrolmen program diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana hujung minggu UMP mengikut tahun




### Statistik Bilangan Program Perdana UMP Advanced




### Statistik bilangan program profesional/eksekutif daripada tahun 2015 hingga 2018




### Statistik enrolmen program profesional/eksekutif UMP mengikut tahun



**Statistik pelajar Diploma Profesional, Bacelor Eksekutif dan Master Eksekutif mengikut tahun**



**Statistik bilangan Pelajar Program Profesional/Eksekutif yang bergraduad mengikut tahun**





## PELUASAN WILAYAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UMP ADVANCED



## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN ECER

ECER merupakan salah satu inisiatif pembangunan modal insan bagi masyarakat setempat, hasil usaha sama semenjak tahun 2010 sehingga antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP.

- 1 • Meningkatkan bilangan usahawan
- 2 • Meningkatkan jumlah tenaga pekerja dan tenaga kerja mahir
- 3 • Dasar inklusif
- 4 • Memperkukuhkan peranan wanita
- 5 • Meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup


**SOSIOEKONOMI DAN PROJEK KHAS**




LATIHAN KEMAHIRAN AKADEMIK	LATIHAN KEMAHIRAN & KEUSAHAWANAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• UPSR</li> <li>• PT3</li> <li>• SPM</li> <li>• Murid Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Ibu Tunggal</li> <li>• Industri</li> <li>• Golongan B40</li> </ul>




**Statistik bilangan peserta latihan akademik mengikut tahun**



**Statistik bilangan peserta latihan kemahiran dan keusahawanan mengikut tahun**



## IMPAK PROGRAM




## PROJEK-PROJEK KHAS

Latihan Motivasi Peserta & Isi Rumah Agropolitan Pekan (PAP).

Menaik Taraf Hostel SK Runchang & Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu.

Pembangunan Anjung Makanan Laut dan Kompleks Hasil Makanan Laut, Kuala Pahang, Pekan.

Penambahan Infrastruktur, Pengoperasian dan Pengurusan Ikan Bakar Kuala Pahang (MIB).



## AKADEMI INDUSTRI REL (RIA)


Akademi Industri Rel (*Railway Industry Academy*) merupakan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) yang ditubuhkan di UMP setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2017 yang bersidang pada 14 Ogos 2017. Penubuhan ICoE RIA ini berperanan sebagai satu platform penyediaan sumber manusia untuk melatih dan menyediakan tenaga kerja pakar bagi memenuhi keperluan industri rel dan juga penyelidikan yang berkaitan dengan teknologi rel.

RIA telah menjalinkan hubungan kerjasama bersama pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), China Communications Construction Sdn. Bhd. (CCCC) dalam pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL).


Program Latihan Kemahiran Industri - *East Coast Rail Link* (PLKI-ECRL) memfokuskan kepada latihan kemahiran dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik bagi pembinaan rel. Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) adalah bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri rel ini. Sasaran pelatih yang mengikuti PLKI-ECRL ialah 3600 orang sehingga tahun 2022 yang terdiri dalam kalangan graduan Ijazah, Diploma dan Sijil dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

## AGENSI PENYEDIAAN LATIHAN PLKI-ECRL


RIA juga telah menjalinkan kolaborasi bersama tiga Agensi Penyedia Latihan Luar bagi menawarkan perkhidmatan latihan seperti *Barbender, Formworker, Concretor, Welder, Electrical, Tester* dan *Plant Operator*.



## PENGAMBILAN PELATIH PLKI-ECRL



## JUMLAH PELATIH PLKI-ECRL YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN LATIHAN



## MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM OF PERJANJIAN (MoA)



Dokumen Memorandum Perjanjian (MoA) antara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), China Communications Construction Sdn. Bhd. (CCCC) dan UMP telah dimeterai dalam satu majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada 2 November 2017 di Hotel Marriot, Putrajaya.

## AKTIVITI RIA 2017 -2018



Sesi temuduga program PLKI-ECRL bagi pengambilan pelatih Profesional dan *Skillworker* bagi sesi September 2017, Disember 2017, Februari 2018 dan Mac 2018.



Sesi lawatan ke tapak pembinaan dan juga Stesen Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga pengisian semasa tempoh tiga bulan latihan PLKI-ECRL.



Menyedari tentang kepentingan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada para pelatih dan pihak penaja, RIA telah mengadakan program CSR PLKI-ECRL yang berlangsung di Perkampungan Orang Asli, Batu 14, Gambang pada 20 Disember 2017, Kampung Baru Cenderawasih Sungai Miang Pekan pada 19 April 2018 dan di Perkampungan Orang Asli Kampung Wah Pekan pada 21 April 2018.


# PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (PTMK) *SPORT MANAGEMENT SYSTEM(SPS) – SUKUM 2018*

## FAKTA NOMBOR SUKUM 2018



UMP menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) Kali ke-43 yang melibatkan 21 buah UA seluruh Malaysia. SUKUM kali ini menawarkan 131 pingat emas. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi bertanggungjawab membangunkan *Sport Management System* (SPS) bagi membantu pengurusan SUKUM oleh Pusat Sukan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Proses pembangunan mengambil masa lima bulan menggunakan teknik Rapid Application Design (RAD).

### Rapid Application Development (RAD)



Gantt Chart Pembangunan SUKUM



Modul utama sistem ini adalah:

- User Management for Admin
- Sport Participation Registration
- Quantitative Registration
- Athlete Registration
- Nominate Registration
- Officer Registration
- Rules & Regulation
- Technical Coordinator
- Schedule
- Result
- Dashboard
- Medal Tally
- Accreditation Card

Sistem ini juga membuat paparan di portal bagi memastikan peserta dapat melihat maklumat berkenaan terkini secara *real-time*. Antara maklumat terkini adalah kedudukan pingat, keputusan perlawanan dan berita semasa.

#	KONTINEN	EMAS	PERAK	GAMISA	JUMLAH
1	UNMAP	23	9	19	51
2	USM	17	11	17	45
3	UMT	13	8	2	23
4	UKM	9	16	19	43
5	UPSI	7	10	14	31
6	UNISZA	7	3	7	17
7	UITM	6	10	3	19
8	UNIMAS	6	6	7	19
9	UTM	6	4	17	27
10	UM	5	8	13	26
11	UTEM	5	2	8	15
12	UPM	4	7	16	27
13	USM	4	3	8	15
14	UMP	3	7	8	18
15	UUM	3	2	5	10



Kelebihan sistem yang dibangunkani adalah ia mampu menyediakan kad akreditasi pelbagai kategori dalam format yang hanya perlu dicetak sahaja, ia secara langsung menjimatkan masa. Capaian berita dan maklumat berkenaan SUKUM-43, <http://sukum.ump.edu.my/>



# LONJAKAN 2: KELESTARIAN KEWANGAN

Ditakrifkan sebagai:


Menjana pendapatan, meningkatkan pelaburan dan mengoptimumkan perbelanjaan serta mewujudkan persekitaran kondusif yang dapat menyokong kelestarian universiti.

# LONJAKAN 2: KELESTARIAN KEWANGAN

## PENJANAAN PENDAPATAN


Penjanaan pendapatan adalah inisiatif berterusan UMP untuk menjana pendapatan bagi universiti tanpa bergantung kepada peruntukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Inisiatif penjanaan pendapatan turut memberikan fokus kepada inisiatif penjimatan kos operasi dan elektrik dalam operasi pengurusan universiti secara keseluruhan.

**Sasaran**



Sasaran yang diletakkan oleh UMP mengikut Glosari  
Pelan Strategik UMP 2016 -2020


**Pencapaian**



**RM 117,534,488.04**


Jumlah Penjanaan UMP 2018

**Statistik penjaanaan pendapatan UMP pada tahun 2018**



## PENJIMATAN KOS

UMP telah berjaya melaksanakan penjimatan kos bagi tahun 2018 dengan pencapaian penjimatan kos sebanyak RM34,498,490.61 dengan peratus pencapaian sebanyak 11.15 peratus.



### 11 LANGKAH PENJIMATAN KOS

1. Penjimatan Elektrik
2. Penjimatan Kos Operasi
3. Penjimatan Petrol dan Diesel
4. Penjimatan Air
5. Penjimatan Telefon, Faks, Multimedia, Litar Sewa, Internet
6. Penjimatan Penyelenggaraan Kenderaan
7. Penjimatan Penyelenggaraan (Kontrak *Maintenance*)
8. Kerja Lebih Masa
9. Perjalanan dan Sara Hidup
10. Penjimatan Ubah Suai
11. Simpanan Belanja Mengurus

## *MyGift*

Suatu usaha strategik dan terancang dalam mengumpul dana melalui pelbagai aktiviti dan sumbangan daripada pelbagai pihak bagi tujuan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat melalui penajaan pendidikan, peningkatan kualiti akademik, memperkasa program kerohanian, menggalakkan aktiviti sukarelawan dan menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan.

### DANA SEMASA SETIAP TABUNG



BIASISWA  
PELAJAR



MAKMAL &  
KEMUDAHAN



KURSI



KECEMERLANGAN



WAKAF



KOMUNITI



RAMADAN



MASJID



BENCANA



PRASARANA  
(ATAU TAK PATUH SYARIAH)

**JUMLAH DANA TERKINI (DISEMBER 2018)**  
**RM18,413,649.37**

## AGIHAN DANA *MyGift* (2016 – 2019)



### 196 penerima

- 58 Biasiswa & Dermasiswa
- 71 Insentif Pendidikan
- 57 Kecemerlangan Matrikulasi
- 10 Anak Pekan Cemerlang

### 100,000 pax

- 2016 **RM20ribu pax**
- 2017 **RM20ribu pax**
- 2018 **RM30ribu pax**
- 2019 **RM30ribu pax**

### 1,701 penerima

- 2016 – 592 penerima
- 2017 – 652 penerima
- 2018 – 457 penerima
- 2019 – 750 penerima

### 947 penerima

- 118 Rumah
- 826 Isi Rumah
- 86 Tuisyen Komuniti
- 35 Bridge of Love


### 2016 - 2018

- **RM50 ribu** setiap tahun untuk persediaan bencana peringkat

### 220 pelajar

UMP telah mendahulukan peruntukan bagi pembinaan, sumbangan wakaf terkini hampir **RM1 juta**.

## PENERIMA BIASISWA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



## PROGRAM *FACELIFT* D'KUALA PAHANG



Satu usaha yang digerakkan oleh UMP untuk mengubah wajah dan identiti Kuala Pahang sebagai Perkampungan Nelayan selain memaknakan kewujudan UMP sebagai salah satu Universiti Awam (UA) di Malaysia.



# PERUNTUKAN KESELURUHAN



118

RM2.87 JUTA

FASA 1 | FASA 2  
64 buah rumah | 54 buah rumah



**KUALA PAHANG HOUSE**  
@UMP Living Lab

## PENGISIAN PROGRAM



### Tuisyen Komuniti

- 86 orang pelajar
- Sekolah rendah
- Pelbagai latar belakang
- 5 orang *tutor* – pelajar UMP



### Program Menabur Budi Menyemai Bakti

- Pelajar *Bridget* Siswa UMP
- Menyantuni penghuni kurang upaya



Selaras dengan aspirasi UMP iaitu "Memasyarakatkan Teknologi", Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-100, Bil 6/2016 pada 24 Ogos 2016 telah meluluskan cadangan penubuhan dana *UMP-Community Technology Solution Platform* dengan peruntukan berjumlah RM453,749.03. Seterusnya, tambahan peruntukan sebanyak RM250,000.00 telah diluluskan oleh Mesyuarat JKPU Kali Ke-106, Bil 4/2016 pada 12 Julai 2017. Selanjutnya, peruntukan tambahan sebanyak RM50,000.00 telah diberikan melalui Mesyuarat JTK kali ke-35 Bil. 1/2018. Terdapat tiga objektif utama dana ini seperti berikut:

- Menggalakkan penyelidik UMP menjalinkan kerjasama bermanfaat dan melibatkan komuniti secara terus dalam konteks pemindahan teknologi, validasi pasaran dan teknologi;
- Membina dan memperkukuh hubungan dan kepercayaan dua hala di antara UMP dan komuniti dalam mengkomsialkan teknologi UMP; dan
- Menjadi platform untuk komunikasi di antara komuniti dan UMP dalam memperkukuh penyelidikan dan pengkomsialian yang bersifat *demand-driven* yang secara terus akan memberi nilai tambah kepada harta intelek (*Intellectual Property – IP*) yang dijana UMP.



**Projek yang telah dianugerahkan dana berkenaan bagi tahun 2018.**

<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>KETUA PROJEK</b>	<b>NILAI GERAN (RM)</b>
<i>Add-On e-Wheelchair Conversion Kit With IOT Patient Monitoring System</i>	Dr. Mohammed Hayyan Alsibai Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	30,000.00
<i>Sleek Pump: Pump To Harvest Stingless Bee Honey</i>	Dr. Mohamad Firdaus Basrawi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	42,808.00
<i>Badminton Agility Training Device</i>	Dr. Mohd Hasnun Arif Hassan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	20,000.00
<i>Arduino (Nano) Development Kit For Physical Computing Education (Stem Lab Nano V1 – SInv1)</i>	Dr. Nurul Hazlina Noordin Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	30,500.00
<i>Portable Pond Cleaner</i>	Dr. Mohd Zaidi Sidek Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	20,000.00

**UMP LAB2MARKET FUND**

Dalam usaha untuk menggalakkan pengkomersialan teknologi yang dibangunkan penyelidik-penyelidik UMP, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-100, Bil 6/2016 pada 24 Ogos 2016 telah meluluskan cadangan penubuhan dana *UMP Lab2Market* dengan peruntukan berjumlah RM410,000.00. Seterusnya, tambahan peruntukan sebanyak RM240,000.00 telah diluluskan oleh Mesyuarat JKPU Kali Ke-106, Bil 4/2016 pada 12 Julai 2017. Selanjutnya, peruntukan tambahan sebanyak RM150,000.00 telah diberikan melalui Mesyuarat JTK kali ke-35 Bil. 1/2018. Objektif penyediaan dana ini adalah seperti berikut:

- a. Menggalakkan penyelidik UMP menjalinkan kerjasama bermanfaat dan melibatkan industri secara terus dalam konteks pemindahan teknologi, validasi pasaran dan teknologi; dan
- b. Membina dan memperkukuh hubungan dan kepercayaan dua hala di antara UMP dan industri dalam mengkomersialkan teknologi UMP.

**Projek-projek yang dianugerahkan dana berkenaan pada tahun 2018**

<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>KETUA PROJEK</b>	<b>NILAI GERAN (RM)</b>
<i>Palm-O-Lite, Palm-Oil based Aerosol for Culinary Application</i>	Dr. Izan Izwan Misnon Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST)	20,000.00
<i>Breeding Technology for Carpathian Queen-Bees to Improve Sustainable Beekeeping, Quality and Productivity of Honey Industry in Malaysia</i>	Dr. Fatkhiddin Mansurov Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	88,000.00
<i>Scale-up Production of NS-16-1 Surfactant</i>	Profesor Dr. Abdurrahman Hamid Nour Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	52,000.00

## JAWATANKUASA PENETAPAN HARGA PRODUK TEKNOLOGI UMP

Mesyuarat Jawatankuasa Pengkomersialan UMP Siri 4 Bil. 2/2018 yang bersidang pada 3 Mei 2018 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Penetapan Harga Produk Teknologi UMP untuk mempercepat dan melancarkan urusan penetapan harga produk teknologi UMP untuk dikomersialkan.

Jawatankuasa Penetapan Harga Produk Teknologi UMP perlu bersidang, meneliti dan mencadangkan terma rujukan yang lebih terperinci kepada Jawatankuasa Pengkomersialan UMP dengan mengambil kira perkara berikut sebagai antara skop kerja dan peranan Jawatankuasa Penetapan Harga Produk Teknologi UMP:

- Menentukan mekanisme jualan produk teknologi UMP sama ada melalui jualan terus melalui UMP atau melalui anak syarikat UMP;
- Menentukan harga jualan produk teknologi UMP;
- Menentukan harga jualan produk selain produk teknologi UMP bagi produk di mana UMP ada menjalankan kerjasama strategik dengan rakan industri/komuniti atau organisasi luar; dan
- Memudah dan melancarkan proses yang berkaitan dengan penjualan produk secara terus melalui UMP atau anak syarikat UMP (termasuk subsidiari anak syarikat).

Pewujudan Jawatankuasa Penetapan Harga Produk Teknologi UMP telah menyumbang kepada kelancaran proses kerja dalam memastikan governan proses pengkomersialan yang lebih mantap bagi UMP.

## JALINAN STRATEGIK BERSAMA INDUSTRI UNTUK PENGKOMERSIALAN PRODUK

Setakat 31 Disember 2018, sebanyak dua produk dibangunkan penyelidik UMP telah berjaya menjana dana pengkomersialan melalui kerjasama dengan rakan-rakan industri dengan nilai keseluruhan RM1,219,400.00. Nilai dana pengkomersialan ini melonjak sebanyak 243 peratus berbanding RM500,000.00 pada tahun 2016. Senarai produk adalah seperti berikut:

TAJUK	PENYELIDIK DAN FAKULTI	INDUSTRI	DANA	NILAI DANA PENGKOMERSIALAN (RM)
<i>Emulsifier</i>	Profesor Abdurrahman Hamid Nour, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Scinomiq Technologies PLT	CRDF1 (MTDC)	41,200.00
<i>e-Nose for Agarwood</i>	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin; Dr. Muhammad Sharfi Najib, BARCE	Synbion Sdn. Bhd.	CCGF (PlatCOM Ventures)	778,200.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>1,219,400.00</b>

Nota:

- MTDC = Malaysian Technology Development Corporation
- PlatCOM Ventures = PlatCOM Ventures Sdn. Bhd.

Selain itu, sehingga 31 Disember 2018, dua perjanjian pelesenan teknologi telah ditandatangani di antara UMP dan UMP Ecopest Sdn. Bhd. untuk pengkomersialan produk PestKilla (lesen bernilai RM200,000.00) dan di antara UMP serta MNR Multitech Sdn. Bhd. untuk pengkomersialan produk *Biocoagulant* (lesen bernilai RM50,000.00).

## HARTA INTELEK YANG TELAH DIDAFTARKAN SEPANJANG TAHUN 2018

Tahun 2018 menyaksikan beberapa harta intelek yang didaftarkan dengan pihak Perbadanan Harta Intelek (MYIPO). Selain itu, terdapat juga beberapa hak cipta yang telah dilindungi oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP. Kategori harta intelek yang baharu juga turut berjaya didaftarkan *Utility Innovation* dan beberapa lagi Paten yang mendapat geran dari MYIPO.

Pencapaian Harta Intelek Sepanjang Tahun 2018:

JENIS HARTA INTELEK	JUMLAH
Paten yang difailkan di Malaysia	27
Paten yang difailkan di luar negara	-
Paten yang mendapat geran	6
Hak Cipta	39
Cap Dagangan yang difailkan	2
Reka Bentuk Industri	-
<i>Utility Innovation</i>	5

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU), MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DAN *NON DISCLOSURE AGREEMENT* (NDA) 2018

Beberapa perjanjian telah ditandatangani oleh UMP untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan antara Industri dan institusi tempatan serta luar negara. Di bawah adalah senarai perjanjian yang telah ditandatangani.

### MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)

INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB
Growell Venture Plt	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Nano Malaysia Berhad (Dr. Izan Izwan Misnon)	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
Nano Malaysia Berhad (Dr. Rasidi Roslan)	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
Zastech Plt	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
Edotco Group Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
Ajmal Perfumes Manufacturing and Oudh Processing Industry	Pusat Kecemerlangan Bio-Aromatik
PT Fusi Global	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian
Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian
Synbion Sdn. Bhd.	Pusat Kecemerlangan Bio-Aromatik
Glycobio International Sdn. Bhd.	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
Scinomiq Technology Plt	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Medieva Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
UMP Ecopest Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)
MNR Multitech Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Encr8tor Technologies Sdn. Bhd & Niutecs Ventures Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Misatech Plt	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju
MHK Technologies Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
ORCA Greentech Plt	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd.	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)

### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Amin Bio Shanghai Group	Jabatan Penyelidikan & Inovasi

## DISCLOSURE AGREEMENT (NDA)

INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB
Abdul Muhaimin Md Shahid	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Mohd Afnan Murtadza	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Faridah Binti Mislam	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
Muhammad Hanis Mohd Ismail	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Mohd Zulfarhan Ibrahim	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Syed Ahmad Hanif Syed Mafdzot	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Muhammad Fadhil Ismail	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
LPG OLEOCHEMICAL	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)


## PAMERAN PENYELIDIKAN & INOVASI

Sepanjang tahun 2018, UMP telah menghantar sebanyak 65 projek penyelidikan untuk dipertandingkan di pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Objektif utama penyertaan ini adalah untuk mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk mempromosikan produk mereka.




Dengan penyertaan ke pameran yang disertai oleh UMP pada tahun ini, penyelidik UMP telah berjaya memperoleh 77 pingat dengan 35 emas, 22 perak, lapan gangsa dan 12 Anugerah Khas. Dengan pencapaian ini sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan lagi penarafan UMP ke aras yang lebih baik.

Statistik pingat diterima mengikut pameran pada tahun 2018



Statistik mengikut fakulti bagi tahun 2018



# PENERBIT UMP

## PENERBITAN MENGIKUT FAKULTI PADA TAHUN 2018

Senarai penerbitan mengikut fakulti pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

FAKULTI	JUDUL BUKU	KATEGORI
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	1. <i>Mandarin For All : Book 1 Second Edition</i>	Modul
	2. <i>Mandarin For All : Book 2</i>	Modul
	3. <i>Arab Beginner</i>	Modul
	4. <i>Arab Intermediate</i>	Modul
	5. <i>UHL 2422 English for Technical Communication (New Edition)</i>	Modul
	6. <i>Modul German UHF1121</i>	Modul
	7. <i>Ri Na Jap</i>	Modul
	8. <i>Iszuanihongo</i>	Modul
	9. Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah	Modul
	10. <i>Introduction to Halal Studies</i>	Buku Penyelidikan
	11. <i>Malay For Beginners</i>	Modul
	12. Jepun 1	Modul
	13. Modul Program Transformasi Belia (Trans -B)	Modul
	14. Modul Biofeedback Untuk Program Pemulihan Dadah dan Pengukuhan Akhlak	Modul
	15. Dirgahayu Darul Makmur	Buku Penyelidikan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	16. <i>Applied Statistics Module (Version 2)- Reprint</i>	Modul
	17. <i>Applied Statistics Module (Version 3)</i>	Modul
	18. <i>Applied Calculus</i>	Modul
	19. <i>Statistical tables and formulae 2.0</i>	Modul
	20. <i>A Textbook of Algae: Biodiversity, Influential Parameters and The Applications</i>	Buku Penyelidikan
	21. <i>Mathematical Formulae 2.0</i>	Modul
	22. <i>Numerical Method (2nd)</i>	Modul
	23. <i>Ordinary Differential Equations</i>	Modul
	24. <i>Algae: Biodiversity, Influential Parameters and The Applications</i>	Buku Mewah
	25. <i>Scaffolds From Hydroxyethyl Cellulose For Skin Tissue Engineering</i>	Buku Penyelidikan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	26. <i>Industrial Engineering</i>	Modul
	27. <i>Manufacturing Processes Laboratory</i>	Modul
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	28. <i>Electronic Systems Internet of Things</i>	Modul
	29. <i>Electronic Systems - Programming</i>	Modul
Institut Pengajian Siswazah (IPS)	30. <i>Data Collection &amp; Analysis (Technology)</i>	Modul
	31. <i>Data Collection &amp; Analysis (Engineering)</i>	Modul
	32. <i>Conceptual Paper Presentation (Technology)</i>	Modul
	33. <i>Conceptual Paper Presentation (Engineering)</i>	Modul
	34. <i>Preparation for Viva voice</i>	Modul
	35. <i>Literature Review</i>	Modul
	36. <i>Methodology (Technology)</i>	Modul
	37. <i>Methodology (Engineering)</i>	Modul
	38. <i>Research Overview</i>	Modul
	39. <i>Scientific Writing (Technology)</i>	Modul

# LAPORAN TAHUNAN 2018


*Memasyarakatkan Teknologi*

	<p>40. <i>Scientific Writing (Engineering)</i>  41. <i>Phylosophy of Science (Plus Ethics in Research)</i>  42. <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i>  43. <i>Journal of Governance and Integrity (JGI) Volume 1, Issue 2</i></p>	<p>Modul  Modul  Buku Penyelidikan  Jurnal</p>
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	<p>44. <i>FKKSA Undergraduate Research Project Writing Guidelines</i>  45. <i>FKKSA Undergraduate Research Project Module</i>  46. <i>Engineering, Ethics, Professionalism and Its Applications (Compilation of Articles)</i>  47. <i>Traditional Herbal Plants of Malaysia</i></p>	<p>Modul  Modul  Buku Penyelidikan    Buku Penyelidikan</p>
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	<p>48. <i>Surface Finishing</i>  49. <i>Project Management</i></p>	<p>Modul  Modul</p>
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	<p>50. <i>Physical Chemistry</i>  51. <i>Structured Industrial Training Module and Assessment</i>  52. <i>Disasters In Malaysia: Tomorrow is a Mystery</i>  53. <i>Sustainable Special Concrete</i>  54. <i>Bachelor of Civil Engineering Handbook</i>  55. <i>A Brief of Wastewater Treatments</i>  56. <i>Waste To Wealth (Reprint)</i>  57. <i>FKASA Moment Volume 1</i>  58. <i>FKASA Moment Volume 2</i>  59. <i>FKASA Moment Volume 3</i></p>	<p>Modul  Modul  Buku penyelidikan  Buku Penyelidikan  Modul  Buku Penyelidikan  Buku Penyelidikan  <i>Newsletter</i>  <i>Newsletter</i>  <i>Newsletter</i></p>
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	<p>60. <i>Charactrization Of Environmental Management System Implementation (ISO14001 Motives and Demotives)</i>  61. <i>Belia Berkompetensi 4.0</i>  62. <i>Business and Entrepreneurship</i>  63. <i>Communication for Workplace Management</i></p>	<p>Buku penyelidikan    Modul  Modul  Modul</p>
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	<p>64. <i>Komponen Keselamatan Kebakaran dalam Bangunan</i></p>	<p>Modul</p>
Pejabat Naib Canselor (PNC)	<p>65. <i>Tengku Abdullah Al-Haj Mutiara Mahkota</i>  66. <i>Universiti Watak, Budaya dan Citra</i></p>	<p>Buku Mewah  Buku Mewah</p>



## PENERBITAN MENGIKUT KATEGORI

Statistik Penerbitan Mengikut Kategori 2018



## PENERBITAN DALAM PROSES PADA TAHUN 2018

Senarai penerbitan dalam proses pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

JUDUL BUKU	FAKULTI	STATUS SEMASA	CATATAN
<i>Engineering Economic for Engineers And Enterpreneurs- Make Your Decision Wisely!</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Editor	Modul
<i>Easy Step - Application In Matlab Software: Fuzzy Logic System with Engineering Applications</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Semakan Penulis	Modul
Buku Amalan Terbaik KTP	Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM)	Reka Bentuk dan Formatting	Buku Mewah
<i>Eigenfunction expansions of the Laplace-Beltrami Operator</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Semakan Editor	Buku Penyelidikan
<i>Reasons of Why Companies Refuse ISO 14000</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Semakan Editor	Buku Penyelidikan
<i>Reinforced Concrete Design Module</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Semakan Penyunting	Modul
<i>Electrospun Scaffolds From Hydroxyethyl Cellulose For Bone Tissue Engineering</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Semakan Penulis	Buku Penyelidikan
Modul Pengendalian Intervensi Biofeedback	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Semakan Penulis	Modul
<i>Fixit</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Semakan Penulis	Modul
<i>CAIC Series Volume 2 – Teaching and Learning</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Reka Bentuk dan Formatting	Buku Penyelidikan
<i>3P Capstone</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Semakan Penyunting (Hold)	Modul
<i>Quality Assurance Manual. Academic Programme Collaboration</i>	Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEHA)	Semakan Penulis	Buku

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## Memasyarakatkan Teknologi

<i>Fuzzy Logic System With Engineering Applications</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Modul
<i>General Chemistry</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Modul
<i>Performance Measurement and Management Systems</i>	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Semakan Penulis	Modul
Panduan Kilat Pengurusan Risiko Organisasi	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	Semakan Penulis	Modul
<i>Thesis Guidelines</i>	Institut Pengajian Siswazah (IPS)	Semakan Penulis	Modul

## PENERBITAN DALAM PROSES PADA TAHUN 2018

Senarai penerbitan sedang dalam proses 2019 adalah seperti berikut:

JUDUL BUKU	FAKULTI	STATUS SEMASA	CATATAN
<i>Digital Electronics</i>	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Modul
<i>Arab Beginner</i>	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Modul
<i>Hypercrosslinked Polymer Materials: Design, Synthesis and Characterization</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Buku Penyelidikan
<i>Applied Calculus</i>	Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	Modul
<i>FKASA MOMENT Volume 4</i>	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Reka Bentuk dan <i>Formatting</i>	<i>Newsletter</i>

## PENERBITAN TERKINI JURNAL 2018

Senarai penerbitan terkini jurnal pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

JUDUL JURNAL	FAKULTI	STATUS SEMASA	CATATAN
<i>Journal of Governance and Integrity (JGI)</i>	Institut Pengajian Siswazah (IPS)	Final untuk Proses Cetakan	<i>Volume 2, Issue 1</i>
<i>Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 12, Issue 1</i>
<i>Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 12, Issue 2</i>
<i>Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 12, Issue 3</i>
<i>Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 12, Issue 4</i>
<i>International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 15, Issue 1</i>
<i>International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 15, Issue 2</i>
<i>International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)</i>	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Semakan Penyunting	<i>Volume 15, Issue 3</i>

## PENERBITAN TERKINI JURNAL *ON-LINE*

Senarai penerbitan terkini jurnal *on-line* adalah seperti berikut:

1. *International Journal of Software Engineering and Computer Sciences (IJSECS) - Special Issue* (13 September 2017)
2. *Journal of Governance and Integrity (JGI) – Volume 2* (Julai 2018)
3. *Journal of Chemical Engineering and Industrial Biotechnology (JCEIB) - Volume 3* (Mac 2018)
4. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL) - Volume 8* (2018)
5. *International Journal of Human Technology and Civilization (IJHTC) - Volume 1, Isu 2*, (Disember 2016)
6. *International Journal of Software Engineering and Computer Sciences (IJSECS) - Volume 4, Issue 2* (Ogos 2018)
7. *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) - Volume 15, Issue 2* (Jun 2018)
8. *Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES) - Volume 12, Issue 2* (Jun 2018)
9. *International Journal of Industrial Management (IJIM) - Volume 4*, (2017)
10. *International Journal Engineering Technology and Sciences (IJETS) – Volume 9*, (Jun 2018)
11. *Journal of Electrical, Electronics, Control and Instrumentations Engineering (JEECIE) - Volume 1* (2015)
12. *Journal of Malaysian Critical Metals (MyCM) - Volume 2* (2018)

## PENERBITAN MODUL PUSAT KEBUDAYAAN & BAHASA MANDARIN (MLCC) 2018

### BUKU TEKS DAN MODUL



**MANDARIN FOR ALL: BOOK 1  
SECOND EDITION**  
**Penulis :** Yong Ying Mei & Cheng Ching Yee (2018)  
**Penerbit:** Penerbit UMP



**RAILWAY MANDARIN FOR ECRL**  
**Penulis :** Yong Ying Mei, Hooi Yan Yee, Tan Wai Chung & Kang Mei Feng (2018)  
**Penerbit:** Penerbit UMP



**MANDARIN FOR ALL: BOOK 2  
SECOND EDITION**  
**Penulis :** Yong Ying Mei & Kang Mei Feng (2018)  
**Penerbit:** Penerbit UMP



**INDUSTRY MANDARIN**  
Yong Ying Mei, Deng Xingmei & Tan Wai Chung (2018).  
**Penerbit:** Penerbit UMP

### JURNAL

Yong Ying Mei, Sharifah Intan Safina Syed Zubir and Muhammad Nubli Abdul Wahab, 2018. *A Study on Performance of Mandarin Speaking Test among Non-Native Speakers through Bio-Feedback*. *The Social Sciences*, 13: 780-786. [ISSN:1818-5800]

### BAB BUKU

Yong Ying Mei. (2018). *Designing Chinese Proficiency Test (HSK) Module For Non-Chinese Learners in CAIC Series: Teaching and Learning (Series II)*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang. [ISBN: 978-967-2226-15-4]

### PROSIDING

Yong Ying Mei. (2018). *Analysis of Language Aptitude in Mandarin Speaking Among Non-Chinese Students*. *2nd International Conference on Language Learning & Teaching (ICOLLT) 2018*, 25-26 June 2018, Universiti Malaysia Pahang.

Yong Ying Mei & Hooi Yan Yee. (2018). *Need analysis of Railway Mandarin curriculum development for East Coast Rail Link Project*. *2nd International Conference on Language Learning & Teaching (ICOLLT) 2018*, 25-26 June 2018, Universiti Malaysia Pahang.

Kang Mei Feng, Khairulbahri Abd Samad & Dr. Jamal Rizal Razali. (2018). *An Analysis of Sentence Errors In Written Mandarin Among Non-Native Speakers: A case study in Universiti Malaysia Pahang*. *2nd International Conference on Language Learning & Teaching (ICOLLT) 2018*, 25-26 June 2018, Universiti Malaysia Pahang.

## ANUGERAH PAMERAN

### Emas

Yong Ying Mei. *Mandarin Learning for Non-native Students via QR Code. Creative and Innovative Teaching and Learning of Language (CinTELL)* 2018. 25-26 June 2018, Universiti Malaysia Pahang.

### Emas

Kang Mei Feng, Gan Leong Ming & Arulselvi Uthayakumaran. *Empowering students through Global Classroom for International Cross Cultural Mandarin Language Learning. Creative and Innovative Teaching and Learning of Language (CinTELL)* 2018. 25-26 June 2018, Universiti Malaysia Pahang.

### Gangsa

Kang Mei Feng, Gan Leong Ming & Arulselvi Uthayakumaran. *Empowering Students Through Global Classroom For International Cross Cultural Mandarin Language Learning. National Education Research, Innovation & Entrepreneurship Conference 2018 (NERIEC)*. 10-11 October 2018. Polytechnic Shah.

## PRODUK MANDARIN DIPROMOSIKAN DI PAMERAN BAHTERA 2018



Pengarah, Pusat Bahasa dan Budaya Mandarin (MLCC), Cik Yong Ying Mei, mempromosikan produk bahasa Mandarin di Pameran Bahtera 2018, di Hotel Zenith Kuantan, Pahang. Ia adalah platform yang bagus untuk mempromosikan produk kerana Bahtera adalah pameran jualan sebarang produk yang dikomersialkan. Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP memilih produk universiti untuk dipromosikan di Pameran Bahtera. Buku Bahasa Mandarin yang dipamerkan seperti *Mandarin For All: Book 1*, *Mandarin For All: Book 2* dan *Mandarin Pronunciation Guide Book*. Gerai UMP mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelawat yang datang dari pelbagai institusi dan orang awam.

## PRODUK MANDARIN DIBENTANGKAN DI MARA



Delegasi UMP telah dijemput untuk membentangkan buku-buku bahasa Mandarin yang ditulis oleh guru di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Delegasi UMP disertai oleh Yong Ying Mei merangkap salah seorang pengarang buku dan Pegawai Transformasi Teknologi, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP, Laili Zulkepli. Delegasi UMP disambut mesra oleh Pegawai MARA, Norlida Hashim bersama 14 orang pensyarah Mandarin dari enam Kolej Profesional MARA dari seluruh Malaysia. Buku *Mandarin for All* telah dipilih sebagai buku teks Mandarin oleh enam cawangan dari Kolej Profesional MARA yang bermula dari Julai 2018.

## PRODUK MANDARIN DIBENTANGKAN DI YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA



Delegasi UMP yang terdiri daripada daripada Pengarah MLCC, Cik Yong Ying Mei dan Pegawai Transformasi Teknologi, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, UMP, Laili Zulkepli juga turut dijemput untuk membentangkan produk Buku Mandarin di Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Delegasi UMP telah mendapat sambutan yang mesra oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, yang diketuai oleh Pengarah Bersekutu, Program Pengurusan Kepakaran-Ketekunan dan Pembangunan, Marina Yusoff, Ketua, Pejabat Pengurusan Program, Zatur Omar dan Ketua Strategi Reka Bentuk, Nora Idris.

# LONJAKAN 4: KEMAMPANAN PERTUMBUHAN SOSIOEKONOMI DAN PERSEKITARAN

Ditakrifkan sebagai:  
Universiti merupakan wadah dalam memberi impak terhadap pembangunan sosioekonomi,  
persekitaran dan masyarakat.

## LONJAKAN 4: KEMAMPAHAN PERTUMBUHAN SOSIOEKONOMI DAN PERSEKITARAN

Pembentukan kurikulum akademik yang dihasilkan akan lebih inovatif dengan disokong oleh staf yang kompeten dan profesional serta infrastruktur akademik yang efisien berorientasikan keperluan masyarakat. UMP berperanan menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat dan membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik. Oleh itu, lonjakan strategik 4 adalah berteraskan dua petunjuk prestasi utama iaitu keusahawanan sosial dan Khidmat Inovasi Komuniti (CSI).

### AKTIVITI DAN BADAN PELAJAR



Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Alam Sekitar), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Norazlin Hassan terpilih menerima Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang disampaikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMaP).



Ketua PALAPES Laut UMP, Fahmi Muhamad Rasyid Rabuan yang menuntut di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) telah memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Chinese Bridge Ke-17 peringkat Malaysia 2018 di Institut Kong Zi, Universiti Malaya (UM) dan dianugerahkan Biasiswa China untuk Kem Musim Panas di Shanghai Polytechnic University.






Kelab PROTECH menjadi johan dalam Malaysia dan tempat ke-14 dalam pertandingan Shell Eco Marathon Asia 2018 (SEM) yang berlangsung di Changi Exhibition Centre, Singapura.




Pelajar UMP merangkul lima pingat emas dan satu pingat perak dalam *International Invention Award (IYA)* di Bali, Indonesia.

#### Statistik peningkatan penglibatan pelajar dalam program anjuran ump mengikut tahun



#### Statistik pencapaian pelajar mengikut pingat pada tahun 2018



## KESUKARELAWANAN

Kesukarelawan merupakan tulang belakang kepada pembangunan organisasi atau negara. Tanpa semangat kesukarelawan yang tinggi dalam kalangan individu dan kumpulan dalam sesebuah organisasi, kejayaan tidak dapat dicapai dengan sempurna. Kesukarelawan juga mampu memupuk pelajar yang siap siaga berusaha untuk memberikan sumbangan tanpa mengharapkan imbuhan. Ini dapat membentuk pelajar supaya melakukan sebarang aktiviti dengan keikhlasan dan bersedia berkorban demi kepentingan orang lain yang dalam kesusahan.



*Gap Year*



Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)



*Aceh Global Exploration*




Komuniti



Alam Sekitar



**Statistik penglibatan pelajar dalam kesukarelawan pada tahun 2018**



# KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

## FUNGSI BAHAGIAN

- Menyediakan khidmat kaunseling dan bimbingan kepada pelajar.
- Memberi perkhidmatan sesi kaunseling secara individu dan kelompok serta bimbingan kepada para pelajar mengenai isu peribadi, keluarga, akademik dan kewangan.
- Mengadakan khidmat runding cara bagi program-program yang dianjurkan oleh pelajar.
- Mengendalikan inventori-inventori psikologi dan kerjaya.
- Menganjurkan program-program berkaitan kaunseling, dan bimbingan pelajar.
- Menganjurkan program-program berbentuk pencegahan, perkembangan, pemulihan dan krisis serta intervensi dalam meningkatkan akademik, pembangunan diri, sahsiah serta kerjaya pelajar.

## DATA BAHAGIAN KAUNSELING DAN PSIKOLOGI

Jadual di bawah menunjukkan data bahagian kaunseling dan psikologi mengikut tahun.

PERKARA	2016	2017	2018	JUMLAH
Akademik	79	168	144	<b>391</b>
Kewangan	58	110	102	<b>270</b>
Peribadi	24	119	88	<b>231</b>
Kerjaya	2	8	1	<b>11</b>
Sosial	2	-	1	<b>3</b>
Keluarga	13	13	5	<b>31</b>
Kesihatan mental	2	20	16	<b>38</b>
Bimbingan	171	128	403	<b>702</b>
Kelompok	23	14	12	<b>49</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>374</b>	<b>580</b>	<b>772</b>	<b>1,726</b>

## BAHAGIAN PERUMAHAN

### FUNGSI UTAMA

#### MENYEDIAKAN PENGINAPAN & INFRASTRUKTUR PELAJAR DAN STAF

- ▶ Rancang Pembangunan dan Infrastruktur Asrama
- ▶ Urus Check-in/Check Out Pelajar
- ▶ Urus Pertukaran Kolej dan Permohonan Tinggal Luar Kampus
- ▶ Urus Aduan dan Selenggara


#### MENYELARAS AKTIVITI PEKA

- ▶ Pantau & Kawal Sahsiah Pelajar
- ▶ Menyelaras Pembangunan Sahsiah Pelajar
- ▶ Urus Keperluan Logistik

### KAPASITI KOLEJ KEDIAMAN



### JUMLAH PELAJAR SEMASA PRASISWAZAH



### PENJANAAN PENDAPATAN 2018



\*\* Data sehingga Disember 2018

# PROGRAM/PENERIMA MANFAAT/JUMLAH SUMBANGAN PADA TAHUN 2018



**JUMLAH KESELURUHAN**  
**RM 1,043,506.33**

## UNIT LATIHAN DAN KEPIMPINAN

### FUNGSI

Menguruskan aktiviti berasaskan kepimpinan di dalam kampus (MINDS, PMPP dan *Speakers Corner*) dan jemputan luar.

Menjalankan dan menguruskan latihan mengikut modul yang bersesuaian kepada pemimpin pelajar dan pelajar UMP.

### KOLABORASI DAN TAJAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia  
(RM30,000)

Kementerian Komunikasi Malaysia  
(RM5,000)

Akademi Pilihan Raya Malaysia  
(RM2,000)

### AKTIVITI DAN PENYERTAAN

Program *Outreach*  
(100 orang)

Besut

Sungai Karang

Bera

Pekan

Indera Mahkota

*Pitching Olympiad* 2018  
(50 orang)

Program *Inspired Leader*:  
Bersama Menteri Luar Malaysia  
(800 orang)

Program APR Training  
(400 orang)

Program Rakan Media Strategik  
(40 orang)

Program *Winning Attire*  
(80 orang)

**JUMLAH  
PELAJAR  
TERLIBAT  
1,470**


**JUMLAH  
TAJAJAN  
RM37,000**

# PERHUBUNGAN ALUMNI

Sehingga tahun 2018, UMP telah melahirkan seramai 22,340 orang graduan. Bagi tahun 2018, seramai 2,773 orang dengan jayanya telah menamatkan pengajian.



Statistik bilangan alumni mengikut tahun



Taburan negara alumni antarabangsa



## PROGRAM PUSAT KEUSAHAWANAN

### ***ENGINEER ENTREPRENEUR PROGRAMME FASA 1***



*Engineer Entrepreneur Programme* Fasa 1 telah diadakan pada 27 hingga 29 April 2018 bertempat di Hotel Sri Manja Butik, Kuantan. Program ini adalah siri program bagi penghasilan produk sabun yang berasaskan serai wangi. Bagi fasa Pertama program ini, fokus peserta adalah dalam aspek kajian pasaran iaitu para peserta perlu melakukan kajian terhadap pengguna dan peniaga tentang jenis-jenis sabun yang sering dicari dan menjadi pilihan pengguna. Kajian ini akan digunakan dalam projek penghasilan sabun berasaskan serai wangi yang akan dilaksanakan oleh para peserta.

### ***ENGINEER ENTREPRENEUR PROGRAMME FASA 2***



Fasa kedua program ini pula memfokuskan peserta kepada aspek pembungkusan dan reka bentuk produk. Bagi fasa kedua, Pusat Keusahawanan bekerjasama dengan kumpulan Pensyarah dari Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam dalam usaha memberi latihan mengenai proses penghasilan reka bentuk dan pembungkusan sesuatu produk. Program ini berjaya dilaksanakan pada 28 hingga 30 September 2018, bertempat di UiTM Kampus Puncak Alam.



## ENTREPRENEURSHIP BREEDING



Melalui program ini, pelajar dilatih dalam aspek pemasaran bagi jualan dengan menggunakan medium media sosial Facebook, Instagram dan lain-lain. Pelajar yang dipilih menyertai program ini adalah merupakan dalam kalangan pelajar yang berminat menjadi usahawan tetapi tiada produk sendiri untuk dipasarkan. Oleh itu, pelajar diberi peluang bagi memasarkan, mempromosi dan menjual produk hasil penyelidikan warga UMP melalui apa-apa medium yang dirasakan bersesuaian. Taklimat pemasaran diadakan pada 10 Oktober 2018 di UMP Kampus Gambang.

## NESCAFE MALAYSIA



UMP juga menitikberatkan Keusahawanan Sosial dalam misi memperkasa pembangunan sosioekonomi dengan hasrat untuk meningkatkan pendapatan komuniti setempat. UMP telah bekerjasama dengan pihak Nescafe Malaysia untuk menerajui hub Nescafe dalam kampus. Seramai sepuluh orang pelajar yang terdiri daripada ahli Koperasi Siswa UMP telah diberi latihan pengendalian dan dipertanggungjawabkan untuk mengendali serta menguruskan Hub Nescafe yang telah disediakan oleh pihak Nescafe Malaysia. Lokasi Hub ini adalah di Amphitheater UMP Kampus Gambang dan beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 8.00 malam.

## APLIKASI 'MOH BELI'



UMP telah memeterai perjanjian usaha sama dengan Jabatan Penjara untuk menerajui pemasaran produk *MyPride* melalui aplikasi sistem dan teknologi atas talian iaitu 'Moh Beli'. Program ini membolehkan para pelajar untuk menjadi usahawan siswa melalui penjualan produk-produk *MyPride* dan berpeluang untuk mempelajari selok-belok perniagaan sebagai nilai tambah dalam diri mereka.

## USAHAWAN PELAJAR DAN GRADUAN USAHAWAN

Selain itu, seramai 58 orang pelajar UMP menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian dan seramai 128 orang pelajar UMP yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.

### Lonjakan Strategik 1: Keunggulan Akademik

#### KPI 1A: Kebolehpasaran Graduan

*MyPACE* membantu *Champion* Lonjakan 1 untuk memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai melalui penghasilan graduan usahawan melalui aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dirancang.

### Lonjakan Strategik 5: Kemampunan Sosioekonomi dan Persekitaran

#### KPI 5A: Keusahawanan Sosial

*MyPACE* perlu membangunkan satu syarikat yang diterajui oleh pelajar untuk menjual produk-produk yang ditetapkan. Antara produk-produk yang telah dikenal pasti adalah produk-produk dari penjara dan sabun serai wangi.

## PROJEK KOLABORASI

### *MyPRIDE*

*MyPACE* juga berkolaborasi dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam melahirkan usahawan pelajar melalui satu projek yang dikenali sebagai *MyPRIDE* di mana para pelajar akan memasarkan produk-produk keluaran penjara. Ini adalah sebahagian daripada salah satu usaha untuk meningkatkan ekonomi pelajar dan penjara itu sendiri.

### PROJEK SERAI WANGI



Kawasan Serai Wangi yang telah dibersihkan pada 24 September 2018

UMP melalui program ENACTUS di bawah *MyPACE* telah diberi kelulusan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Pekan untuk mengusahakan tiga ekar tanah untuk projek keusahawanan sosial Serai Wangi. Projek ini dikendalikan oleh kelab pelajar iaitu Kelab *Enactus* UMP dan Koperasi Pelajar (KOSISWA) UMP. Buat masa ini, proses membersihkan tapak kawasan telah dijalankan di kawasan tersebut dan proses penanaman pokok dan perjanjian bersama penduduk kampung yang terlibat akan dimulakan.

### KELAB ATAU PERSATUAN DI BAWAH *MYPACE*

Buat masa ini, *MyPACE* memantau dan membimbing empat kelab pelajar iaitu Kelab *Enactus* UMP, Kelab Keusahawanan UMP, Kelab *MyAgrosis* dan Koperasi Pelajar UMP (KOSISWA). Kelab pelajar ini juga menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan dan disokong sepenuhnya oleh *MyPACE* selagi aktiviti yang dianjurkan itu berciri keusahawanan dan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar UMP selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai graduan yang menjadi usahawan.

## PENYELARAS KEUSAHAWANAN FAKULTI

Setiap fakulti mempunyai seorang penyelararas keusahawanan yang terdiri daripada kalangan pensyarah. Ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat keusahawanan kepada para pelajar dan staf di fakulti masing-masing bagi memupuk minat dan aktiviti keusahawanan. Berikut adalah penyelararas yang telah dilantik oleh *MyPACE* bagi tahun 2018.

- a) Fakulti Pengurusan Industri – Dr. Diyana Mohd Kamarudin
- b) Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli – Dr. Hanuni Ramli
- c) Fakulti Sains Komputer & Kejuruteraan Perisian – Nor Azhar Ahmad
- d) Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam – Ir. Dr. Saffuan bin Wan Ahmad
- e) Fakulti Sains dan Teknologi Industri – Dr. Tan Suat Hian
- f) Fakulti Teknologi – kosong
- g) Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik – Haji Razali Muda
- h) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan – Dr. Yazid Abu
- i) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal – Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay
- j) Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan – Kapten Imaduddin Abidin

## INFRASTRUKTUR DAN FASILITI KEUSAHAWANAN

### KIOS

*MyPACE* mempunyai 13 kios (tujuh di Pekan dan enam di Gambang) membolehkan para pelajar untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di kios tersebut. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan perniagaan kepada para pelajar yang ingin berjinak-jinak dalam dunia perniagaan.

### LOT NIAGA

Selain daripada kios, *MyPACE* juga mempunyai tujuh lot niaga yang terletak di Kafeteria Pelajar UMP Kampus Gambang. Peranan dan fungsinya juga sama untuk melahirkan usahawan pelajar yang berminat dalam dunia keusahawanan untuk menjual produk-produk mereka di lot niaga tersebut.

### BIZBOX

Sebanyak empat unit *BoxBoz* ditempatkan di sekitar kawasan UMP Kampus Gambang. Medium ini membolehkan para pelajar atau staf meletakkan barangan jualan mereka tanpa perlu berada di premis sepanjang masa.

## JALINAN KERJASAMA AGENSI KEUSAHAWANAN

Pada peringkat tempatan, *MyPACE* berjaya dilantik memberi khidmat konsultansi dan kolaborasi bersama SME Corp dalam Program Tunas Usahawan Belia sejak tahun 2014, dan bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kebajikan Masyarakat, *East Coast Economic Region* (ECER) bagi *profiling* usahawan dan UMP Advanced Education bagi latihan kepada kontraktor Malaysia. Selain itu, *MyPACE* juga turut berkolaborasi dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang reka bentuk produk pelajar, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), SIRIM Berhad dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Pusat Keusahawanan UMP (*MyPACE*) memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan pelajar UMP dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. UMP melalui *MyPACE* juga agresif dalam melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020. Pelbagai aktiviti keusahawanan dirangka dan disertai oleh para pelajar dalam usaha untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka antaranya adalah seperti berikut:

PROGRAM	ANJURAN /KERJASAMA	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	PESERTA
Program NLP Usahawan Siswa: Keusahawanan Sosial	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	11 hingga 17 Februari 2018	Jogjakarta, Indonesia	1
Bahtera 2018	Kementerian Kewangan	24 hingga 25 Februari 2018	SASCC Kuantan Pahang	956
<i>Engineer Entrepreneur Program (FASA 1)</i>	MyPACE	27 hingga 29 April 2018	Hotel Sri Manja Boutique	30
Latihan Keusahawanan dan Persediaan Menguruskan Kiosk Nescafe	MyPACE & Nescafe	28 April 2018	UMP Kampus Gambang	10
<i>The First Halal Gelatin Industry In Malaysia : Creating of Entrepreneurs</i>	MyPACE	3 Mei 2018	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	60
Program Pendedahan Keusahawanan Kepada Pelajar Baharu Diploma 2018/2019 (Hari Suai Kenal) 2018	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)	23 Jun 2018	Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang	550
<i>Inspiring Thailand Entrepreneur</i>	MAKMUM	4 hingga 8 Ogos 2018	Thailand	1
Projek Pasar Malam: Taklimat Pengenalan Projek	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)	8 Ogos 2018	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	19
<i>Engineer Entrepreneur Programme Siri 2</i>	MyPACE	28-30 September 2018	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Puncak Alam	29
Pendedahan Keusahawanan Kepada Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2018/2019	MyPACE	3 Oktober 2018	Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang	1493
<i>Entrepreneurship Breeding</i>	MyPACE	10 Oktober 2018	Bilik Latihan KPU UMP Kampus Gambang	6
<i>Entrepreneurship Challenge</i>	MyPACE	13 Oktober 2018	UMP Kampus Gambang	127
<i>AKEPT-WIEF FORUM</i>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	22 hingga 23 Oktober 2018	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Gombak	5
<i>Corporate Directors Training Programme</i>	Universiti Malaysia Kelantan Entrepreneurship Institute (UMKEI)	29 hingga 31 Oktober 2018	Hotel Crown Garden, Kelantan	8
Program Keusahawanan Sosial	Universiti Malaysia Kelantan Entrepreneurship Institute (UMKEI)	26 Oktober 2018	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	1
<i>Siswamall@11street</i>	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	26 hingga 28 Oktober 2018	The Regency Waterfront Kuala Terengganu	3
Projek Komuniti – 3 ekar	MyPACE	Julai hingga Disember 2018	Pekan	15
Lawatan Keusahawanan Ke MATRADE	<i>Malaysia Export Exhibition Centre (MEEC)</i>	29 November 2018	MATRADE Kuala Lumpur	36
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>3,351</b>

## PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN) 2018

Sepanjang tahun 2018, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) telah menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan insan kepada seluruh warga UMP dan juga komuniti. Program-program yang dilaksanakan dibahagikan kepada enam kluster iaitu:

- 1) Hari Kebesaran Islam
- 2) Program Berimpak
- 3) Program Komuniti
- 4) Bakat dan Kemahiran
- 5) Ilmu Agama
- 6) Program Hal Ehwal Wanita

Jadual di bawah menunjukkan program-program PIMPIN mengikut pembahagian kluster tersebut.

### HARI KEBESARAN ISLAM



NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Majlis Sambutan Israk dan Mikraj	19 hingga 20 April 2018	Masjid UMP Kampus Pekan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ceramah 'Pandangan Mata Hati' oleh Ustaz Muhammad Awis Qarni Abd Wahab.</li> <li>2. Tilawah dan Tadabbur Surah Al-Isra' oleh PU Yusuf</li> </ol>	Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) 5.
Festival Ramadan	15 Mei hingga 13 Jun 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Klinik Hukum Ramadan bersama Mufti Pahang.</li> <li>2. Bubur Lambuk@Bandar Diraja.</li> <li>3. Kuliah Dhuha Special: 'Mengejar Lailatul Qadar'.</li> <li>4. <i>Malaysia Quran Hour</i>.</li> <li>5. Anda Tanya Ustaz Jawab.</li> <li>6. Singgah Mesra 'Ibrah Sinar Muallaf'.</li> <li>7. <i>Open Mic</i> Ramadan 'Badar Kubra Satu Perjuangan'.</li> <li>8. Seminar Nuzul Quran.</li> <li>9. Tarawih .</li> <li>10. 1Tadarus.</li> <li>11. Iftar Jamaie.</li> <li>12. Jom Lepak@Masjid.</li> </ol>	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan UMP Holdings.

Program Nuzul al-Quran	5 Jun 2018	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang	<b>Tajuk:</b> Melahirkan Anak Cintakan al-Quran. <b>Jemputan:</b> Ustaz Bakhtiar Fitri Haji Abdul Hamid (Pengasas Modul Motivasi Kanak-kanak Cinta Ilahi)	Tiada.
Program Ibadah Korban	23 Ogos 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Program Ibadah Korban Lima Ekor Lembu dan Majlis Aqiqah.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
Sambutan Maal Hijrah 'Program Memasak Bubur Asyura'	21 September 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	Program Memasak Bubur Asyura dan diagihkan sebanyak 1,000 unit kepada staf dan pelajar UMP.	Tiada
Sambutan Maulidur Rasul 1440H Peringkat UMP	28 Disember 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ceramah Maulidur Rasul oleh Ustaz Muhadir Haji Joll</li> <li>2. Panel Syariah Gakeri Ilmu Media Group</li> <li>3. Perarakan Maulidur Rasul oleh semua staf dari fakulti dan PTJ serta kelab pelajar UMP</li> </ol>	Pejabat Naib Canselor UMP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi  
PROGRAM BERIMPAK



NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Program Persijilan Ulul Albab Peringkat UMP	Januari hingga Disember 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Hafazan 30 Juzuk al-Quran dalam tempoh empat tahun pengajian di UMP.	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).
Bicara Khas bersama Pengasas Warisan Ummah Ikhlas dan Perasmian Rumah Ngaji UMP	2 Mac 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	Majlis Perasmian Rumah Ngaji UMP. <b>Oleh:</b> Pengasas Warisan Ummah Ikhlas, Dato' Dr. Haji Hussamuddin Haji Yaacob.	Sekretariat Rumah Ngaji Negeri Pahang.
Karnival Mahabbah 7.0	10 hingga 25 Mac 2018	UMP Kampus Gambang dan Pekan	<b>Tajuk Pengisian:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kursus PraPerkahwinan.</li> <li>2. Bengkel Imej, Prestij &amp; Profesionalisme.</li> <li>3. Forum Mahasiswa 'Menantu Rare'</li> <li>4. Bual Bicara 'Tips Memilih Pasangan Idaman'.</li> <li>5. Seminar Fitnah Dajjal dan Akhir Zaman.</li> <li>6. <i>Talkshow: I Wanna Be Somebody.</i></li> <li>7. Anda Tanya Ustaz Jawab: Foensik Metafizik Membongkar Rahsia Santau.</li> <li>8. Malam UMP Berselawat</li> <li>9. Sembang Santai: <i>Pre Industrial Revolution 4.0.</i></li> <li>10. 1Program Tashriful Fajr.</li> <li>11. Konsert Amal bersama Amar.</li> </ol>	UMP Holdings, Alumni UMP, Peka 5 dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).



Seminar Ilmu Falak Kebangsaan	4 hingga 5 April 2018	DKU, PBMSK, UMP Kampus Pekan	<b>Tajuk Pembentangan:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu Semasa Berkenaan Penentuan Kiblat dan Taqwim Solat.</li> <li>2. 'Bumi Datar VS Bumi Sfera' Kacamata Astronomi dan Falak</li> <li>3. Tragedi Banjir: Petanda dan Alamat dari Perspektif Falak.</li> <li>4. Sumbangan Institusi Pondok Dalam Kajian Falak dan Astronomi Di Malaysia.</li> <li>5. Kajian Almanak Falak 2018.</li> <li>6. Sejarah Perkembangan Ilmu Falak di Alam Melayu.</li> </ol>	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
Karnival Mahabbah 8.0	18 hingga 30 September 2018	UMP Kampus Gambang dan Pekan	<b>Tajuk Pengisian:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Forum Bicara Remaja 'Tips Menantu Idaman'.</li> <li>2. Bual Bicara Hijrah 'Gua Rock. Gua Beriman Der!'.</li> <li>3. Kursus Didik Anak Cara Nabi</li> <li>4. UNIC <i>Live in Concert</i>.</li> <li>5. Pertandingan Memasak 'Makanan Sunnah'.</li> <li>6. Bual Bicara Hijrah 'Kuasa Cinta'.</li> <li>7. Bual Bicara Remaja 'Aku Terima Nikahnya'.</li> <li>8. <i>Open Day</i> Masjid.</li> <li>9. Jom Lepak Masjid dan Program Maulid.</li> <li>10. Program Memasak Bubur Asyura.</li> <li>11. Daurah Kitab 'Panduan Imam dan Bilal'.</li> <li>12. Seminar Keluarga Hebat</li> <li>13. Kursus Kahwin Gambang &amp; Pekan.</li> <li>14. Boling Mahabbah.</li> <li>15. Kursus Pasangan Romantik.</li> <li>16. Bengkel Rawatan Sakit Mental.</li> </ol>	Jabatan Agama Islam Pahang, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
<i>Open Day</i> Masjid	20 hingga 22 September 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	<b>Aktiviti:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pameran Produk Penyelidik UMP.</li> <li>▪ Info Masjid UMP.</li> </ul>	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

			<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian Percuma.</li> <li>▪ Booth Jualan</li> <li>▪ Pameran Agensi Luar</li> <li>▪ Jom Makan Durian</li> </ul>	
Seminar Keluarga Hebat	22 September 2018	Dewan Seminar, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Kuantan	<b>Jemputan dan Tajuk:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Profesor Madya Dr. Mohd Nor Mamat 'Tips Menambat Hati Pasangan'.</li> <li>2. Ustazah Siti Khadijah 'Tips Mendidik Anak Cara Nabi'.</li> </ol>	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Kuantan.
Seminar Saintis Muslim Muda 2.0	29 September 2018	DK 1, FKP, UMP Kampus Pekan	<b>Tajuk Pembentangan:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ibrah Teknologi Madu Lebah Kelulut.</li> <li>2. Aplikasi Kawalan Biologi Berteraskan al-Quran.</li> <li>3. Meneroka Formulasi Sainifik Kiblat dan Takwim Solat.</li> <li>4. Bicarawara Sains Islam.</li> </ol>	UMP Advanced Education dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
Konvensyen Fiqh dan Teknologi 3.0	3 hingga 4 Oktober 2018	Hotel Sri Petaling, Selangor	<b>Tajuk Pembentangan:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bicara Rahsia Tauhid Sains Teknologi</li> <li>2. Kegemilangan Teknologi Melayu Islam</li> <li>3. Mesin <i>Incenerator</i> Mulia Quran</li> <li>4. Teknologi Bayi Tabung Uji Mengikut Persepsi Syariah</li> <li>5. <i>Sadaqa Model House</i> "Menyantuni Kebajikan Ummah"</li> <li>6. GSP48: Solusi Kes Sihir Tafriq</li> <li>7. Keselamatan Komuniti dan Persediaan Menghadapi Bencana Teknologi Dalam Perspektif Maqasid al-Shariah</li> <li>8. Rahsia Ilahi di Sebalik Penciptaan Besi.</li> <li>9. Rahsia Penciptaan Teknologi Air Dalam al-Quran.</li> </ol>	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jawatankuasa Hal Ehwal Islam (JAHEIS).

			<ul style="list-style-type: none"> <li>10. 1Tecnologi Pembinaan Kota Mekah</li> <li>11. Teknologi Alat Korban yang Efisien: Model di Masjid Puncak Alam</li> <li>12. 1Kewujudan Sains dan Teknologi di Andalusia</li> <li>13. Industri dan Teknolgi dalam Sertu</li> <li>14. Teknologi al-Quran bagi orang kurang upaya</li> <li>15. Quik Halal: Aplikasi Audit Halal JAKIM</li> <li>16. Teknologi Astronomi Moden dan Bahasa al-Quran</li> <li>17. Suci-uri: Produk Bersuci Khusus Para Haji</li> </ul>	
Seminar Halalan Tayyiba	11 Oktober 2018	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang	<p><b>Tajuk Pembentangana:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Mencari yang Halal adalah Kefardhuan</li> <li>2. Pembangunan Industri Halal</li> <li>3. Pembangunan Inkubator Gelatin Halal di Malaysia</li> <li>4. Isu-isu Halal Semasa</li> <li>5. Pensijilan Halal Malaysia: Cabaran dan Masa Depan</li> <li>6. Sertu dan Samak:</li> <li>7. Kaedah dan Impak dalam Industri</li> <li>8. Forum Perkongsian Pengalaman 'Pensijilan Halal: Kaedah, Pengalaman dan Cabaran'</li> </ul>	UMP Holdings dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
Seminar Serantau Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Dari Perspektif Maqasid Syariah	20 Oktober 2018	Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan	<p><b>Tajuk Pembentangan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Asas Penerangan Dalam Memahami al-Shariah</li> <li>2. Prinsip Maqasid al-Shariah: Memahami dan Mengaplikasikannya dalam Pengurusan KKP</li> <li>3. Komunikasi Kepimpinan Pengamal Keselamatan &amp; Kesihatan: Keberkesanan</li> </ul>	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO).

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

			<p>Program dengan Impak yang Positif</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Meningkatkan Kualiti Hidup Pekerja Modal Insan Negara Melalui Penguatkuasaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan</li> <li>5. Dimensi Baharu Aktiviti Kesukarelawan KKP di Ppusat Tahfiz Melalui Model 'SOMEPI'</li> <li>6. Peranan MSOSH Dalam Memperkasakan Tuntutan KKP Berdasarkan konsep at-Taawun</li> <li>7. Pengurusan Bencana Teknologi: Perbincangan Dari Perspektif Maqasid Syariah.</li> </ol>	
Seminar Tokoh Ulamak: Imam al-Ghazali	13 November 2018	Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan	<p><b>Jemputan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Reformasi Keilmuan Imam al-Ghazali 'Tuan Guru Dr. Haji Jahid Haji Sidek al-Khalidi'.</li> <li>2. Keperibadian &amp; Ketokohan Imam Al-Ghazali 'Ustaz Mohadir Haji Joll'.</li> <li>3. Menjawab Kritikan Terhadap Kitab lhya' Ulumuddin 'Dr. Nik Roskiman Abdul Samad'.</li> <li>4. Tarbiah Yang Praktikal &amp; Nasihat Imam Al-Ghazali 'Y.M. Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali'.</li> </ol>	Yayasan Pahang dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).
Seminar PascaPerkahwinan	22 Disember 2018	Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan	<p><b>Jemputan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mohamad Fauzi Saad (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Psikologi JPA)</li> <li>2. Hazrul Hisham Ghazali (Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang)</li> </ol>	Yayasan Pahang

## PROGRAM KOMUNITI



NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Azam Kongsi Rezeki 'Food For All'	Ketika sesi kuliah: Isnin - Jumaat	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Pemberian 40 hingga 60 unit makanan percuma sehari kepada pelajar yang memerlukan.	Pembelian makanan menggunakan duit sumbangan orang ramai yang dikumpul setiap Jumaat.
Jom Lepak@Masjid	2 hingga 3 Mac 2018	Masjid Tepian Putra, Kuantan	<b>Aktiviti:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Qiamullail.</li> <li>▪ Kuliah Subuh.</li> <li>▪ Jamuan BBQ.</li> <li>▪ Forum Muqarrabin 'Jalan Sunnah Syafaat Akhirat' oleh Dr. Mansor Sulaiman dan Ustaz Uwais Qarni Abd Wahab.</li> <li>▪ Daurah Kitab 'Al-Hikam' Ibnu 'Athoillah Al-Iskandariah oleh Tuan Guru Dr. Jahid Sidek.</li> </ul>	AJK Masjid Tepian Putra, Kuantan dan Peka 5
Jom Lepak @ Masjid	27 hingga 28 April 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	<b>Aktiviti:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Alunan Qasidah.</li> <li>▪ Jamuan BBQ.</li> <li>▪ Qiamulail.</li> <li>▪ Kuiz <i>Online</i>.</li> <li>▪ Forum Muqarrabin "Pemuda Idaman Bidadari Syurga" oleh Ustaz Khairul Anuar Kamar dan Ustaz Abdul Kamil Jamaluddin.</li> </ul>	Tiada
Dakwah Ummah 5.0	19 hingga 21 Oktober 2018	Perkampungan Orang Asli Sinderut, Pahang	<b>Aktiviti:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Klinik al-Quran.</li> <li>▪ <i>Smart</i> Solat.</li> <li>▪ Program Motivasi.</li> </ul>	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Kelab <i>In Smartive</i> .

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*

			<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sukaneka.</li> <li>▪ Malam Kebudayaan.</li> <li>▪ Kenduri Kampung.</li> </ul>	
Jom Lepak @ Masjid	16 hingga 17 November 2018	Masjid Sri Maulana, Pekan	<p><b>Aktiviti:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Qiamullail.</li> <li>▪ Kuliah Subuh.</li> <li>▪ Jamuan BBQ.</li> <li>▪ Forum Muqarrabin 'Mencetak Insan Takwa' oleh Ustaz Uwais Qarni Abd Wahab dan Ustaz Tuan Sidek Tuan Muda.</li> </ul>	Ahli Jawatankuasa Masjid Sri Maulana.

## BAKAT DAN KEMAHIRAN



NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Kursus Pengurusan Jenazah	1 Februari 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	Simulasi Praktikal Pengurusan Jenazah kepada Skuad Pengurusan Jenazah UMP.	Jabatan Pendaftar UMP
<i>My Intellectual Circle (MyIC)</i>	Mac dan September 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Program yang melibatkan pelajar <i>Soft Skill</i> tahun 1 dan 2 bersama fasilitator yang telah dilantik oleh PIMPIN.	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Akademi Imam Muda	6 hingga 8 April 2018	Kempville Beach Resort, Kuantan	<b>Aktiviti:</b> 1. Pengisian berkaitan solat oleh Ustaz Zulkifli. 2. Latihan dalam kumpulan (LDK). 3. Sukan santai.	Tiada
Akademi Da'i Muda	13 hingga 15 April 2018	Kempville Beach Resort, Kuantan	<b>Aktiviti:</b> 1. Slot motivasi bersama penceramah jemputan dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK). 2. Latihan dalam kumpulan (LDK). 3. Sukan santai.	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Program Cuti Sekolah e-Tahfiz	26 hingga 30 November 2018 17 hingga 21 Disember 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hafazan Quran.</li> <li>▪ Pelajaran Bermodul.</li> <li>▪ Permainan Bermodul.</li> </ul> (Program untuk anak-anak staf UMP).	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan UMP Advanced Education

## ILMU AGAMA



NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Kuliah Zuhur, Maghrib dan Kuliah Sebelum Jumaat	Setiap hari (Isnin-Jumaat)	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Kuliah disampaikan oleh penceramah khas yang telah dilantik setiap hari dengan tajuk-tajuk berkaitan fiqh, muamalat, sirah, al-Quran dan sebagainya.	Tiada dan menggunakan peruntukan Tabung Masjid
Kelas Pengajian al-Quran	Isnin dan Khamis	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Pembelajaran al-Quran bersama tenaga pengajar berpengalaman dan terlatih	Tiada dan menggunakan peruntukan Tabung Masjid
Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)	Isnin hingga Jumaat	Masjid UMP Kampus Pekan dan Tadika Mutiara, UMP Kampus Pekan	Kelas kepada anak-anak staf yang berumur tujuh tahun. Pembelajaran berkaitan al-Quran dan Fardhu Ain menggunakan silibus dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)	Persatuan Matahari UMP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)
Anda Tanya Ustaz Jawab	30 Januari 2018	DK 1, FKP, UMP Kampus Pekan	<b>Tajuk dan Jemputan:</b> Anakku Szalali oleh Dr. Rohana Hamzah (Pensyarah PBMSK) dan Cikgu Khairul Zukri Haji Abdullah (Penolong Kanan HEM, SMK Mat Kilau).	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP



Daurah Kitab	10 Mac 2018	Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Kuantan	<b>Jemputan</b> : Ustaz Mohd Hazri Hashim Al-Bindany (Pendakwah Bebas) <b>Kitab</b> : Panduan Imam dan Makmum	AJK Masjid Saidina Umar al-Khattab
Kursus Pra Perkahwinan Islam	10 hingga 11 Mac 2018, 22 hingga 23 September 2018 dan 29 hingga 30 September 2018	DKU, PBMSK, UMP Kampus Pekan dan Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang	Program khas untuk mendapatkan sijil kursus perkahwinan yang menjadi syarat bagi pendaftaran perkahwinan.	Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Peka 5 dan Pejabat Agama Islam Daerah
Program Subuh Warrior	27 Mac 2018	Masjid UMP Kampus Gambang	Majlis perasmian program Tashriful Fajr yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Biro Tata Negara (BTN), Datuk Haji Ibrahim Saad, dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim	Biro Tatanegara dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Program Tashriful Fajr	9 April – 19 Mei 2018	Masjid UMP Kampus Gambang dan Pekan	Program solat subuh perdana bagi menggalakkan pelajar solat Subuh berjemaah di Masjid selama 40 hari berturut-turut dengan pelbagai ganjaran diberikan iaitu cabutan bertuah, merit, hadiah istimewa dan sarapan pagi.	Biro Tatanegara, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pejabat Naib Canselor UMP
Diskusi Isu-Isu Islam Semasa	21 April 2018	Masjid UMP Kampus Pekan	<b>Tajuk Pembentangan:</b> 1. Ancaman Liberalisme, Sekularisme, Ekstremisme dan Pluralisme. 2. Daulatkan Islam Agama Negara.	Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA) 5
Anda Tanya Ustaz Jawab	15 Mei 2018	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang	<b>Tajuk dan Jemputan:</b> Ramadhan Datang Bersediakah Kita oleh Dr. Mansor bin Sulaiman	Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH)
Program "LGBT Mencari Syurga"	13 Oktober 2018	Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang	<b>Jemputan:</b> Dato' Dr. Danial Zainal Abidin	Sekretariat Expo Convo UMP
Seminar Zakat @ UMP	14 Disember 2018	WDKU-K-01, UMP Kampus Gambang	<b>Jemputan</b> : Ustaz Felza Zulrafaaee Abdul Hamid (Ketua Bahagian Dakwah PKZ) dan Haji Che Samsol Ibrahim (Ketua Bahagian Korporat PKZ).	Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ)
Anda Tanya Ustaz Jawab	27 Disember 2018	DK 1, FKP, UMP Kampus Pekan	<b>Jemputan</b> : 1. Profesor Ir. Dr. Ramli Nazir (Timbalan Pengarah Kanan Pusat Geotropik, UTM). 2. Tuan Haji Abd Bashir Abd Ghani (Ketua Misi Kemanusiaan Gempa Bumi Palu).	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

## HAL EHWAL WANITA




NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN DAN JEMPUTAN	RAKAN KERJASAMA
Bengkel Imej, Prestij dan Profesionalisme	19 Mac 2018	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang	<b>Tajuk Pembentangan:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tips Penampilan Diri dan Persembahan Berkesan</li> <li>2. Gilap Potensi dan Bakat</li> <li>3. Tips Mencetus Aura Diri.</li> </ol>	Tiada
Seminar Wanita Profesional 'Kerjaya dan Keluarga'	2 hingga 3 Mei 2018	Bukit Gambang Resort City, Gambang, Pahang	<b>Tajuk Pembentangan:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isteri Yang Dirindukan Syurga.</li> <li>2. Mendidik Anak dengan al-Quran.</li> <li>3. Wanita Dalam Maqasid Syariah.</li> <li>4. Perisai Spritual Buat Wanita.</li> <li>5. Wanita dan Keselamatan Diri.</li> <li>6. Wanita Celik Zakat.</li> <li>7. Forum 'Inspirasi Kejayaan Wanita'.</li> </ol>	Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ)
Kursus Didik Anak Cara Nabi	19 September 2018	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang	<b>Penceramah:</b> Puan Nurhidayah Jaafar (ABS Edu Consult PLT)	Tiada

# PUSAT SUKAN & KEBUDAYAAN (PSK)

Pusat Sukan & Kebudayaan merupakan pusat tanggungjawab yang ditubuhkan UMP untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan dan kebudayaan.

## SUKAN



## JUARA SUKAN

Bagi tahun 2018, pencapaian atlet UMP di tempat ke-18 bagi Kejohanan Sukan MASUM dan Kejohanan SUKIPT 2018 di tempat ke-20. Bagi staf UMP di Kejohanan SUKUM telah berjaya menduduki tempat ke-14 keseluruhannya.


Jadual di bawah menunjukkan kedudukan UMP mengikut kejohanan yang dipertandingkan.

SUKAN/KEJOHANAN	TAHUN 2016		TAHUN 2017		TAHUN 2018	
	SASARAN JABATAN	PENCAPAIAN	SASARAN JABATAN	PENCAPAIAN	SASARAN JABATAN	PENCAPAIAN
Kejohanan Sukan MASUM	Top 10	Tempat Ke-16	Top 10	Tempat Ke-5	Top 10	Tempat Ke-18
Kejohanan SUKPIT	Top 50	Tempat Ke-47	-	-	Top 25	Tempat Ke-20
Kejohanan SUKUM	Top 15	Tempat Ke-16	Top 15	Tempat Ke-12	Top 10	Tempat Ke-14

## PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP SIHAT


Seramai 5,200 orang pelajar, 910 orang staf UMP dan lebih kurang 2,650 orang awam terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan sepanjang tahun 2018 sekali gus dapat membudayakan gaya hidup yang sihat.

**Statistik terlibat dalam aktiviti sukan dan rekreasi di UMP**



## PENGANJURAN SUKAN

Penganjuran aktiviti sukan untuk tahun 2018 bagi Kejohanan Sukan Dalaman adalah sebanyak lapan program dan Kejohanan Sukan Terbuka sebanyak 13 program yang dijalankan.




Jadual di bawah menunjukkan penganjuran sukan terbuka 2018.

GAMBANG		PEKAN (EDU-TOURISM)	
SUKAN/KEJOHANAN	TARIKH	SUKAN/KEJOHANAN	TARIKH
UMP <i>Handball East Coast Championship</i>	4 hingga 6 Mei 2018	Kejohanan Golf Terbuka	14 April 2018
Kejohanan Bola Tampar Terbuka Edisi II	28 hingga 30 September 2018	Crazy Run 3.0	27 Oktober 2018
UMP <i>Indoor Archery Championships</i>	18 hingga 21 Oktober 2018	UMP RC Powerboat Fun Race	17 November 2018
UMP <i>Badminton Open</i>	16 hingga 18 November 2018	Kejohanan Bola Sepak 9s Terbuka UMP	24 November 2018
Kejohanan Sepakan Penalti Terbuka UMP	24 November 2018	Kejohanan Petanque <i>Double Open</i> UMP 2.0	1 hingga 2 Disember 2018
Kejohanan Ping Pong Terbuka UMP	24 November 2018	Kejohanan Sepak Takraw Terbuka UMP	15 hingga 16 Disember 2018

## PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT SUKAN

Penjanaan pendapatan Pusat Sukan dan Kebudayaan pada tahun 2018 secara kasar adalah sebanyak RM1,315,939.18 dan untung bersih sebanyak RM644,679.28 meningkat dari tahun sebelumnya.



## UMP TUAN RUMAH SUKUM KE-43



UMP buat pertama kalinya menjadi tuan rumah Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-43. Kejohanan ini melibatkan 2,600 atlet daripada 21 kontinjen mewakili UA seluruh negara dengan penyertaan 17 acara sukan pada 10 hingga 18 Ogos 2018.



## ATLET UMP YANG MEWAKILI NEGARA



Alex Tiong Sie Hung (Atlet Renang UMP)  
 Pingat Gangsa  
 Kejohanan 19th *University Asean Games*, Nay Pyi Taw, Myanmar  
 Alex Tiong Sie Hung

Nur Amira Wahida (Atlet Bola Baling UMP)  
 Kejohanan Sukan Asia 2018, Jakarta - Palembang, Indonesia



Mohamed Shafiq Abdul Salim (Atlet Memanah UMP)  
 Kojahaman World Cup Indoor Archery, Macau  
 Pada 30 November - 2 Disember 2018

**KEBUDAYAAN**







# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

## PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

Pencapaian pelajar UMP dalam bidang seni dan budaya juga turut membanggakan, antara kejayaan besar yang telah ditempa sepanjang tahun 2018:



## PENCAPAIAN AKTIVITI

### PENGANJURAN AKTIVITI

PSK melalui penganjuran pelbagai aktiviti Seni & Budaya melalui Sekretariat Kebudayaan & Kesenian.

### JEMPUTAN LUAR

Bahagian Kebudayaan juga memberi perkhidmatan seni & budaya kepada agensi dan syarikat korporat. Perkhidmatan tersebut meliputi persembahan pentas tarian dan muzik serta sewaan kostum.


### JEMPUTAN DALAM

Program-program anjuran UMP juga melibatkan Bahagian Kebudayaan terutama sekali penglibatan pelajar dalam persembahan pentas.

### PERTANDINGAN

Pelajar-pelajar yang terlibat dengan Seni & Budaya juga ketinggalan menyertai pertandingan anjuran luar. Antara penganjur pertandingan seperti Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM), Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara dan agensi-agensi luar.

### Statistik pencapaian aktiviti pada tahun 2018



## PENGURUSAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJA (OSHMO)

### INISIATIF OSHMO 2018

#### ▶ LATIHAN

- 10 hari latihan
- Seminar Maqasid KKP

#### ▶ KAWAD KECEMASAN

- 80 peratus bangunan
- Simulasi ancaman bom

#### ▶ PEMBAHARUAN COF

- 33 unit diperiksa
- Gambang & Pekan

#### ▶ WAFEW

- *Workplace Accident*
- *Free Week*
- 9 – 15 Julai

#### ▶ OSHIP

- *OSH Improvement Programme*
- 16 PTJ terlibat

#### ▶ PENGURUSAN KONTRAKTOR

- *KesKo Programme* – dua kali
- *Tool box*
- Pemeriksaan Tapak Bina

#### ▶ LAWATAN PENANDA ARAS

- Universiti Putra Malaysia (UPM),  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
dan Universiti Malaya (UM)
- Polisis

#### ▶ BAHAN KIMIA

- CHRA - 100% makmal
- LEV - 113 unit diperiksa
- *Schedule waste* - dua kali

#### ▶ AUDIT

- Audit Penarafan KKP
- *High Risk Inspection*

#### ▶ SPOT THE HAZARD

10 pelaporan

#### ▶ PROGRAM CSR

- *OSH IN SCHOOL*
- Sekolah Berasrama Penuh  
Integrasi Tun Abdul Razak  
Instar Peka
- Sekolah Sri Al Amin

#### ▶ KERJASAMA

- Audit Silang  
Universiti Islam  
Antarabangsa  
Malaysia (UIAM)
- *Meet & Greet*
- UMP- UIAM

#### ▶ ROAD SAFETY

*Petron Road Safety*

#### ▶ ERGONOMIK

- *Initial Ergonomics*
- *Assessment*
- Fasa 1 – Selesai
- Fasa 2 – Awal 2019



## KEMPEN

Terdapat beberapa kempen keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah dijalankan pada tahun 2018. Antaranya adalah kempen *Spot The Hazard* yang diperkenalkan sebagai medium kepada warga UMP melaporkan sebarang *hazard* atau bahaya di dalam kampus. Selain itu juga, pendekatan intervensi diteruskan dengan mempromosikan intervensi melalui video yang dimuat naik di medium media sosial.


*Spot The Hazard* dilancarkan awal 2018 bagi menggalakkan pelaporan kejadian berbahaya menerusi medium media sosial seperti Whatsapp. Penyampaian maklumat melalui medium ini dilihat lebih cepat dan mudah.



Kempen *Workplace Accident Free Week* (WAFEW) telah berlangsung pada 9 hingga 15 Julai 2018 bagi menyokong inisiatif DOSH mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja. Terdapat beberapa aktiviti dirangka dalam minggu tersebut.

Kempen *Safety Intervention Video* diteruskan dengan memuat naik video ke media sosial seperti Facebook dan portal OSHMO. Video ini dijangka dapat memupuk budaya intervensi dalam kalangan warga UMP.

SOHELP



SOHELP atau nama penuhnya *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme* merupakan salah satu inisiatif DOSH Malaysia dalam memperkasakan aspek Higen Industri dan secara tidak langsung akan mengurangkan kemalangan kesihatan pekerjaan. Di UMP, OSHMO mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan pematuhan undang-undang berdasarkan tiga komponen dalam Hiden industri ini dengan merangka pemantauan dan audit dalaman SOHELP terhadap fakulti berpandukan senarai semak yang disediakan oleh pihak DOSH.

## LATIHAN



# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi



## TAKLIMAT



9  
Julai

**TOOL BOX**

Taklimat *tool box* kepada kontraktor supaya mengutamakan keselamatan ketika melakukan kerja.

19  
Julai

**NOISE EXPOSURE**

Taklimat dan perkongsian pendedahan bunyi bising kepada staf yang berisiko terdedah dengan bunyi bising.



**CHEMICAL EXPOSURE**


Taklimat bahaya bahan kimia oleh OHD kepada staf yang berpotensi terdedah dengan bahan kimia di UMP Kampus Pekan.

**CHEMICAL EXPOSURE**

Taklimat bahaya bahan kimia oleh OHD kepada staf yang berpotensi terdedah dengan bahan kimia di UMP Kampus Pekan.



## SEMINAR



OSHMO UMP dan PIMPIN UMP telah menganjurkan Seminar Serantau Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dari Perspektif Maqasid al-Shariah pada 20 Oktober 2018. Seminar yang diadakan di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan telah dihadiri oleh 60 peserta dalam kalangan pengamal keselamatan & kesihatan pekerjaan (KKP), pensyarah dan juga pelajar.

Seminar yang dirasmikan oleh Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail ini adalah seminar pertama di Malaysia yang membincangkan topik ini. Seminar ini mengumpulkan para ilmuwan dalam bidang berkaitan dan juga pengamal KKP untuk mengupas pelbagai aspek berkaitan Maqasid al-Shariah dalam bidang KKP. Seminar ini turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang, Mohamad Jais Suratman.

## MAJLIS APRESIASI PENGURUSAN KKP



06  
Jul



Majlis Apresiasi Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerja merupakan suatu inisiatif OSHMO untuk menghargai kerjasama dan pencapaian penyelaras di PTJ dalam membudayakan keselamatan & kesihatan pekerjaan di UMP. Majlis ini diadakan di Bukit Gambang Resort telah dihadiri oleh lebih 40 orang penyelaras dari fakulti, kolej kediaman dan PTJ.

Majlis Apresiasi yang dirasmikan oleh Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim merupakan anjuran kali kedua sejak diperkenalkan pada tahun lepas. Diharapkan dengan adanya program ini dapat menaikkan semangat dan kerjasama penyelaras untuk memperbaiki mutu pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTJ masing-masing.

## OSH IN SCHOOL

### OSH IN SCHOOL DI INSTAR PEKAN



*Osh In School* di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Tun Abdul Razak (INSTAR) Pekan 2018 merupakan kesinambungan program yang sama pada tahun 2017. Namun begitu, aktiviti yang dirangka sedikit berbeza yang mana aktiviti kali ini berkongsepkan *Treasure Hunt* dan terdapat 6 *Pit Stop* yang perlu dilawati oleh peserta sekolah. Program ini juga adalah dengan kerjasama UIAM Kuantan. UIAM juga telah menyumbangkan kepakaran dalam bidang *first aid* dan CPR.

### OSH IN SCHOOL DI INSTAR PEKAN



OSHMO dengan kerjasama MSOSH East Coast, Petronas Gas Berhad Utilities Gebeng, UMPH dan Sekolah Sri Al Amin telah menganjurkan program *OSH IN SCHOOL* bertempat di Sekolah Sri Al Amin pada 17 April 2018. Beberapa aktiviti dirangka seperti kawad kecemasan, demonstrasi pemadaman api dan seminar kesedaran KKP dilaksanakan bagi memupuk budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

## **OSH4U**



Pada 26 Oktober 2018, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negeri Pahang (JKKP) dengan kerjasama OSHMO telah menganjurkan satu program yang diberi nama OSH4U bertempat di Bilik Latihan Tun Fatimah. Program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada bakal graduan yang akan memasuki alam pekerjaan berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Program yang disertai lebih 80 orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dan Fakulti Sains & Teknologi Industri berpeluang untuk diberikan perkongsian berkenaan peluang dan skop pekerjaan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri.

## **PROGRAM *PETRON ROAD SAFETY***



Seramai 1,300 mahasiswa UMP menyertai aktiviti Cabaran *Amazing Race* dalam memupuk kesedaran Keselamatan jalan raya bersempena Program *Petron Road Safety* yang diadakan di UMP Kampus Gambang pada 24 September 2018.

## PUSAT PENGURUSAN & PENGURUSAN TEKNOLOGI (CTMS)

### BENKEL PENGENALAN *QS RANKING* KEPADA STAF CTMS

Bengkel diadakan pada 19 Disember 2018 di UMP Kampus Gambang. Penceramah yang dijemput adalah Pengarah International Rankings and Branding Division UMP, Dr. Irene Ting Wei Kiong. Ia dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan membina kesedaran kepada warga CTMS dalam keperluan dan kepentingan membantu merangka pelan tindakan yang lebih komprehensif dan menepati sasaran. Sekali gus dapat memastikan pelan strategik yang dirancang adalah praktikal dan sesuai dengan jangka masa yang telah ditetapkan agar selari dengan matlamat UMP.

### PROGRAM KESEDARAN *WEBOMETRICS & PERSONAL BLOG* KEPADA STAF CTMS

Bengkel diadakan pada 19 Disember 2018 di UMP Kampus Gambang. Program ini adalah program *staff awareness* kepada warga CTMS. Dianjurkan bagi memberikan pendedahan dan membina kesedaran kepada semua warga CTMS tentang kepentingan *Webometrics* yang merupakan salah satu KPI yang perlu dicapai dalam KPI tahunan CTMS serta penglibatan staf secara langsung dan tidak langsung dalam meningkatkan *ranking webometric* CTMS dan UMP di peringkat dalaman dan UA Malaysia (UA) terutamanya melalui portal CTMS itu sendiri.

### *REVIEW FINALISE SOP* BERSAMA PENGARAH DAN PEMBENTANGAN *FINALISE SOP* PENGURUSAN MAKMAL CTMS & SESI *CHALLENGE SESSION CASCADING KPI P4P* CTMS



*Review Finalise SOP* diadakan pada 3 hingga 5 September 2018 di Bilik Mesyuarat Senat, UMP Kampus Gambang. Sesi ini adalah kesinambungan dari Mesyuarat Pelan Strategik Serta Semakan Inisiatif dan Cascading KPI P4P tahun 2018 bagi CTMS UMP yang diadakan pada 28 hingga 29 Ogos 2018 di Hotel Seri Malaysia, Kuantan. Pertemuan dan perbincangan di antara pengarah dan kluster diadakan secara agresif agar pengoperasian dan tempoh peralihan staf dari fakulti ke CTMS dapat dilaksanakan dengan lancar dan sistematik. Sesi review SOP bersama pengarah dan 3 kluster CTMS dilaksanakan secara berasingan bermula 3 hingga 4 September 2018.

## MESYUARAT PELAN STRATEGIK DAN SEMAKAN INICIATIF DAN *CASCADING KPI* P4PTAHUN 2018 BAGI CTMS UMP



CTMS mengadakan mesyuarat ini bagi memberi fokus kepada pembangunan Pelan Strategik CTMS UMP agar sejajar dengan Pelan Strategik 2016-2020.

## *ROADTOUR 2.0* CTMS KE FAKULTI



*Roadtour* ini diadakan pada 7 hingga 31 Januari 2018. Inisiatif pengurusan CTMS melaksanakan *task force* turun ke lapangan bertemu dengan dekan dan pengurusan bagi lapan buah fakulti iaitu FKKSA, FKASA, FKEE, FKM FSTI, FTek, FKP & FIM bagi mengenal pasti isu dan masalah serta perbincangan secara tuntas bagi proses perpindahan staf dan makmal dari fakulti ke CTMS.

## PUSAT KEBUDAYAAN & BAHASA MANDARIN (MLCC)

### PENGARAH MLCC DIJEMPUT MEMBERI PERKONGSIAN DALAM WACANA ASPIRASI HARMONI PERPADUAN



Pengarah Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC), Yong Ying Mei UMP dijemput sebagai salah seorang ahli panel untuk memberi perkongsian dalam Wacana Aspirasi Harmoni Perpaduan di Universiti Teknikal MARA, Jengka, Pahang pada 15 Oktober 2018. Beliau berkongsi dari sudut pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dapat meningkatkan persefahaman antara kaum dan perpaduan negara. Semua ahli panel juga mengulas rukun Negara mengukuhkan perpaduan negara. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pahang.

### BAHASA MANDARIN MEMPERKUKUKKAN TOLERANSI DAN PATRIOTISME DALAM PERSATUAN BERBILANG POLITIK



Pengarah Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC), Yong Ying Mei telah dijemput sebagai salah satu panel untuk forum Cendekia Bicara semasa upacara penutupan Festival 'Aku Darah Anak Malaysia A.D.A.M.' di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 21 September 2018. Dalam forum itu, beliau menekankan bahawa bahasa itu adalah sebahagian daripada identiti Malaysia yang mampu bercakap beberapa bahasa. Beliau juga mengatakan bahawa bahasa Mandarin meningkatkan toleransi dan patriotisme dalam masyarakat berbilang kaum. Senario di Malaysia misalnya, pelajar bukan Cina yang belajar bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dan menyertai aktiviti Mandarin bersama pelajar Cina dan mereka memahami budaya antara satu sama lain.

## JULUNG KALI DELEGASI MCKIP MELAWAT KE UMP KAMPUS PEKAN



Alliance Steel (M) Sdn. Bhd (ASSB) melawat Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan buat kali pertama. ASSB, industri yang beroperasi di Taman Industri Malaysia-China Kuantan (MCKIP), Gebeng, Kuantan, Pahang sejak tahun 2014.

## MLCC MENGADAKAN DEMOSTRASI LUKISAN CINA KEPADA DELEGASI SK RANTAU PANJANG



Seramai 37 pelajar dan enam guru dari Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Temerloh melawat Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin (MLCC). Nornashua Farhani Abdul Ghaffar, Pembantu Tadbir memulakan acara ini dengan memberikan taklimat ringkas mengenai kursus MLCC, kursus bahasa Mandarin dan aktiviti Mandarin kepada delegasi dari sekolah. Para pelajar dan guru didedahkan cara untuk membuat lukisan bunga dengan meniupkan dakwat pada kertas merah tanpa menggunakan berus warna. Lukisan Cina didemostasikan oleh guru Mandarin iaitu Deng Xingmei, Jin Yongxin (Guru Sukarelawan) dan Hooi Yan Yee (Guru Mandarin).



## PERKHIDMATAN KOMUNITI UNTUK PIPOA



MLCC menerima delegasi dari Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA). Seramai 60 pelajar dan lima guru telah didedahkan kepada lukisan Cina dan kaligrafi Cina pada 2 Jun 2018. Cik Yong Ying Mei (Pengarah MLCC) memulau program ini dengan memberi pengenalan ringkas mengenai bahasa asing di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), kursus bahasa Mandarin dan aktiviti bahasa Mandarin di UMP. Lukisan Cina dan Kaligrafi Cina ditunjukkan oleh guru Mandarin iaitu Yong Ying Mei dan Hooi Yan Yee (Guru Mandarin), Deng Xingmei Jin Yongxin dan Wang Xuemei (Guru Sukarelawan).

## PROGRAM PEMBELAJARAN MANDARIN DENGAN KOLEJ VOKASIONAL KUANTAN DI UMP



Seramai 33 pelajar dan dua guru bahasa Mandarin dari Kolej Vokasional Kuantan (KVK) melawat ke UMP untuk mengikuti Program Pembelajaran Mandarin yang dianjurkan oleh MLCC pada 19 September 2018.

## PERPUSTAKAAN

### BENGGEL PENULISAN BUKU DAN BLOG



Pada 30 Oktober 2018, Perpustakaan telah mengadakan Bengkel Penulisan Buku & Media Sosial di Makmal Komputer, Perpustakaan Pekan. Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Encik Muhammad Hamka Embong atau nama pena Hamka Keretamayat. Beliau yang berpengalaman menghasilkan lebih sepuluh buku kreatif telah berkongsi idea dan pengalaman tentang keupayaan diri sendiri, cara menulis, apa yang hendak ditulis, apa yang dibaca oleh pembaca dan etika penulisan yang baik. Bengkel ini telah menarik seramai 60 peserta luar dan dalam.

# LONJAKAN 5: KEUNGGULAN JENAMA

Keunggulan Jenama dirujuk sebagai universiti yang memartabatkan bakat, kemahiran dan keserjanaan yang berteraskan nilai-nilai murni.

## LONJAKAN 5: KEUNGGULAN JENAMA

### UMP UNGGULI PENCAPAIAN CEMERLANG LIMA BINTANG



UMP berada di landasan terbaik apabila menerima pengiktirafan antarabangsa dengan pencapaian penarafan lima bintang keseluruhan terbaik tahun ini berdasarkan Sistem Penilaian *Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating* 2018 yang dijalankan pihak *QS Intelligence Unit* iaitu sebuah organisasi pengauditan universiti melalui *QS World Ranking* yang berpusat di London.

Lebih membanggakan pencapaian lima bintang ini menjadikan UMP satu-satunya universiti teknikal di Malaysia yang mengungguli pencapaian cemerlang di negara ini bersama lima universiti penyelidikan (RU) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan sebuah universiti swasta, Universiti Teknologi Petronas (UTP).

UMP mencapai lima bintang dalam kategori pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan (GE), pengantarabangsaan, kemudahan (fasiliti), inovasi dan inklusif (kerangkuman) hasil budaya kerja cemerlang seluruh warga universiti. Bagi kategori penyelidikan, universiti ini juga berjaya memperolehi empat bintang serta mendapat tiga bintang bagi penilaian terhadap kategori Kekuatan Program.

*QS Stars* adalah sistem penarafan yang memberikan pandangan terperinci mengenai institusi dan universiti bagi membolehkan pelajar serta ibu bapa mengenal pasti institusi pendidikan yang terbaik. Pencapaian ini bertepatan dengan aspirasi kegemilangan UMP untuk menjadi universiti teknologi terunggul menjelang 2020 yang bukan sahaja mendapat pengiktirafan setempat tetapi juga antarabangsa. Sistem penilaian ini memberi ruang dan peluang kepada UMP untuk membuat dasar termasuk penetapan dasar penting sekali gus menyemarakkan usaha membangunkan serta memantapkan pencapaian universiti di negara ini.

Selain itu, ia sekali gus membuktikan keupayaan UMP setanding dengan universiti ternama lain dalam dan luar negara. Dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, universiti ini sentiasa komited untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sosialnya selaras dengan agenda Memasyarakatkan Teknologi yang mendasari pelan yang komited untuk membangunkan potensi dan daya saing Universiti ini untuk membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat.

UMP kini berada di landasan terbaik apabila sepanjang tahun ini apabila meraih pengiktirafan lima bintang oleh Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (Setara) 2017, Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMohes) 2017 dan turut menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dengan lima bintang berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi tahun 2016.

## ANUGERAH CENDEKIA BITARA

Anugerah Cendekia Bitara adalah anugerah yang diberikan kepada warga UMP di atas pengiktirafan, penghargaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang atau kategori penyelidikan dan Inovasi. Anugerah Cendekia Bitara 2018 yang mempertandingkan lapan kategori iaitu Tokoh, Kreativiti, Kualiti, Penerbitan Jurnal, Penerbitan Buku, Produk Penyelidikan, Paten Granted dan Geran Antarabangsa. Sejumlah 86 penyelidik telah menerima anugerah dengan 67 bagi kategori jurnal, sembilan kategori produk, lima kategori paten, satu kategori geran antarabangsa, dua bagi kategori kualiti, dua bagi kategori kreativiti dan masing-masing satu bagi kategori tokoh dan kategori penerbitan buku.

Jumlah permohonan pada 2018 ialah sebanyak 427 permohonan.

### Senarai penerima Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan 2018

KATEGORI	CENDEKIA	SANJUNGAN
Penerbitan Buku	1	0
Penerbitan Jurnal	133	201
Produk Penyelidikan	9	11
Kreativiti	2	0
Geran Antarabangsa	1	0
Paten	5	0
Kualiti	2	0
<b>JUMLAH</b>	<b>154</b>	<b>212</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>366</b>	

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

UMP telah menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada 142 orang staf dan Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) kepada dua orang staf bagi tahun 2017.

DINILAI TAHUN 2017	PENERIMA APC TAHUN 2017	PENERIMA AKPC TAHUN 2017
1,720	142	2

## ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC) mengikut jabatan

JABATAN	BILANGAN PENERIMA
Pejabat Penyelidikan & Inovasi	1
Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat	1

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) mengikut jabatan

JABATAN	BILANGAN PENERIMA
Jabatan Bendahari	5
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH)	7
Perpustakaan	7
Audit Dalam	1
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)	1
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	1
Pusat Sukan dan Kebudayaan	1
Pejabat Naib Canselor	6
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK)	1
Bahagian Keselamatan	5
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)	6
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa	1
Pejabat Antarabangsa	1
Institut Pengajian Siswazah	1
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni	5
Jabatan Pendaftar	7
Jabatan Penyelidikan & Inovasi	1
Penerbit UMP	1
Makmal Berpusat UMP	1
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	13
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	6

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	7
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	8
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	7
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	4
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	9
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	10
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	9
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>142</b>



# ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (AKIM)



Anugerah Kecemerlangan Industri dan Masyarakat (AKIM) merupakan penghargaan terhadap keterlibatan dalam aktiviti /program libat sama industri dan komuniti agar terus komited dalam menyumbang ilmu dan kepakaran kepada industri serta komuniti.

## SENARAI PEMENANG AKIM

Jadual di bawah menunjukkan senarai pemenang AKIM pada tahun 2018.

KATEGORI	NAMA PEMENANG	PENCAPAIAN
Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Staf Akademik) – Tempat Pertama	Dr. Noormazlinah Ahmad Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Merupakan seorang <i>inventor</i> dalam penghasilan <i>prebiotik</i> berasaskan <i>inulin</i> kompleks daripada buah-buahan tempatan. Kejayaan projek adalah melalui penghasilan inovasi produk murah dan halal premium untuk menghasilkan masyarakat yang lebih sihat, berdaya saing dan menjana ekonomi negara
Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Staf Akademik) – Tempat Kedua	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajudin Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	Terlibat dalam menerajui beberapa jalinan kerjasama bersama industri dalam dan luar negara khususnya berkaitan penyelidikan dan pengkomersialan bagi produk gaharu ( <i>agarwood</i> ). Di samping itu, beliau turut mendapatkan kerjasama berbentuk pemindahan teknologi, pengkomersialan dan kontrak penyelidikan dengan beberapa syarikat dalam negara seperti Wafiqah Industries Sdn. Bhd., Aurelia T Technology Sdn. Bhd., Amalina Holding Sdn. Bhd, Agarwood Biotech Expert dan pelbagai lagi.
Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Staf Bukan Akademik)	Zainal Bahari UMP Advanced Sdn. Bhd.	Menerusi kerjasama dengan pihak ECERDC, beliau telah berjaya memperoleh dana lebih RM 5 juta melalui projek Latihan kemahiran akademik di Daerah Pekan, Kuantan dan Bera serta Latihan kemahiran dan keusahawanan termasuk terlibat dalam projek pembangunan usahawan Medan Ikan Bakar Kuala Pahang.
Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Staf Akademik) – Tempat Pertama	Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	Beliau telah berjaya melibatkan penyertaan lebih 1,100 orang pelajar sekolah dalam pengenalan kursus <i>Arduino and mBlock Programming</i> sehingga menjadikan Makmal STEM Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik sebagai pusat kegiatan bagi jurutera, guru dan pelajar universiti menjalankan program <i>outreach</i> bersama sekolah.  Mendapat sokongan dan tajaan daripada pelbagai agensi seperti Motorolo Solution (M) Sdn. Bhd., Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), National Instrument Sdn. Bhd. dan Intel.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*

<p>Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Staf Akademik) – Tempat Kedua</p>	<p>Dr. Saifful Kamaludin Muzakir @ Lokman Fakulti Sains &amp; Teknologi Industri (FSTI)</p>	<p>Melalui projek Saintis Turun ke Desa, program ini mendapat kerjasama bersama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM), IM4U, Youth of Happiness (YoSH), Kelab GoGoGreen Negeri Pahang dan pelbagai libat sama industri. Beliau juga merupakan antara penerima Anugerah Merit Peringkat Kebangsaan bagi STEM <i>Mentor Mentee Award</i> semasa Malaysia <i>Technology Expo</i> baru-baru ini.</p>
<p>Anugerah Rakan Industri Terbaik</p>	<p>Motorola Solution (M) Sdn. Bhd.</p>	<p>Kerjasama strategik bersama Motorola Solution (M) Sdn. Bhd. telah mula terjalin sejak tahun 2014 lagi dan program <i>Internship</i> pelajar di bawah kluster ICT apabila seramai 145 pelajar telah mengikuti latihan industri di Motorola. Melalui kerjasama ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan merangkumi pengajaran dan pembelajaran, fasiliti penyelidikan, sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), penglibatan pakar dari Motorola dan STEM <i>Outreach</i>.</p>

## HARI KUALITI DAN INOVASI UMP 2018



Sambutan Majlis Hari Kualiti & Inovasi UMP telah diadakan pada 31 Julai 2018 bagi menunjukkan kesungguhan pihak pengurusan universiti terhadap kepentingan pembudayaan perkhidmatan yang cemerlang bersandarkan Nilai Teras UMP. Gabungan elemen kualiti dan inovasi merupakan faktor utama kecemerlangan perkhidmatan awam sejajar dengan seruan dan saranan kerajaan.

Pelbagai kategori pengiktirafan dan penghargaan yang telah diwujudkan sempena sambutan Majlis Hari Kualiti & Inovasi UMP merupakan petunjuk nyata bahawa pihak pengurusan universiti sentiasa komited memberi galakan kepada warga kerja UMP dalam memberikan sumbangan terbaik melalui kepakaran dan kemahiran mereka ke arah kecemerlangan prestasi secara berterusan. Majlis Hari Kualiti & Inovasi UMP telah memberikan pengiktirafan kepada kejayaan sesuatu aktiviti yang diperoleh secara seimbang yang berasaskan kepada tanggungjawab sebenar warga UMP dalam konteks kreativiti, teknologi dan inovasi bagi pembangunan pendidikan.

### OBJEK PELAKSANAAN

- i. Menunjukkan komitmen pihak pengurusan universiti kepada penerapan budaya pengurusan kualiti secara berterusan untuk pembudayaan inovasi dalam kalangan staf;
- ii. Untuk menarik perhatian dan minat staf tentang pentingnya penekanan kualiti di dalam urusan penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa;
- iii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan; dan
- iv. Untuk memperolehi hasil atau faedah di atas inovasi atau kreativiti yang dilaksanakan oleh PTJ bagi peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan.

### ANUGERAH HARI KUALITI DAN INOVASI UMP 2018

- Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC)
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
- Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)
- Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM)
- Anugerah ICT (K-Portal)
- Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKKP)
- Anugerah Penerbitan
- Anugerah Sukan
- Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

## PEMENANG ANUGERAH

### ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC)

Seramai dua orang staf telah menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (AKPC).

### ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Seramai 142 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

### ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC)

Penerima Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) adalah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Manakala penerima Perpustakaan menerima Anugerah Merit.

### ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (AKIM)

- a) **Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Akademik):**
  - Tempat Pertama: Dr. Noormazlinah Ahmad, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Alam.
  - Tempat Kedua: Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin, Pengarah, Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik.
- b) **Anugerah Kualiti Kerjasama Industri (Bukan Akademik):**

Zainal Bahari, Pengurus Besar, UMP Advanced.
- c) **Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Akademik):**
  - Tempat Pertama: Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin, Pengarah Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat.
  - Tempat Kedua: Ts. Dr. Saifful Kamaluddin Muzakir @ Lokman, Pensyarah Kanan Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- d) **Anugerah Rakan Industri Terbaik:**

Motorola Solutions (M) Sdn. Bhd.

### ANUGERAH ICT (K-PORTAL)

- Kategori Akademik: Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)
- Kategori Pentadbiran: Perpustakaan

### ANUGERAH KECEMERLANGAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKKP)

- Kategori Fakulti: Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)
- Kategori Pentadbiran: Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)

### ANUGERAH PENERBITAN

Dr. Sitansu Panda, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Industri (FPI)  
Judul Buku: *Managing Performance for Excelling Organization*

## **ANUGERAH SUKAN**

Muhammad Syazwan Husin, Pembantu Belia & Sukan, Pusat Sukan & Kebudayaan.

## **ANUGERAH EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

- Kategori Fakulti: Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).
- Kategori Pentadbiran: Perpustakaan (Kampus Gambang).
- Kategori Pentadbiran Skala Kecil: Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHMO).

## PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

UMP secara rasminya telah melaksanakan program Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) setelah cadangan pelaksanaannya diluluskan oleh pihak pengurusan universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali Ke-108 Bil. 6/2017 (Sambungan 2) pada 21 Disember 2017.

Pelaksanaan SPK di UMP adalah selari dengan Panduan Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 Dalam Sektor Awam 2015 yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai panduan untuk melaksanakan SPK dengan lancar dan berkesan. MS ISO 9001:2015 telah mula diperkenalkan pada tahun 2015 bagi menggantikan MS ISO 9001:2008.

### OBJEKTIF PELAKSANAAN

- i. Memastikan pengurusan dan pentadbiran UMP sentiasa berada pada tahap yang efektif dan efisien;
- ii. Memastikan *core business* universiti dan jabatan-jabatan utama diuruskan dengan cekap dan berkesan;
- iii. Memastikan budaya kerja cemerlang sentiasa diamalkan oleh semua lapisan staf di UMP bagi pencapaian misi dan visi universiti; dan
- iv. Memastikan keperluan pihak *stakeholder* yang menjalankan audit penarafan dapat dipenuhi.

### SKOP PELAKSANAAN SPK

Pelaksanaan SPK di UMP melibatkan skop dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Jabatan seperti berikut:

SKOP	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)/JABATAN
Akademik	i. Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) ii. Fakulti dan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iii. Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Penyelidikan & Inovasi	Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I)
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)
Kewangan	Jabatan Bendahari
Sumber Manusia	Jabatan Pendaftar


## WEBOMETRICS

Sebagai sokongan terhadap kedudukan UMP dalam *Webometrics*, Perpustakaan telah dilantik sebagai pentadbir bagi tiga inisiatif. Inisiatif tersebut adalah:

### BLOG PERIBADI UMP

Dengan menggunakan domain UMP (<http://blog.ump.edu.my>), Perpustakaan telah menganjurkan sebanyak lima bengkel berkaitan blog sepanjang tahun 2018. Pencapaian bagi blog peribadi UMP adalah seperti rajah di bawah:

**Statistik pencapaian blog peribadi ump pada tahun 2018**



## UMP SURVEY

Platform segmen soal selidik UMP *survey* merupakan satu platform soal selidik atas talian yang menggunakan perisian sumber terbuka *Lime survey*. Domain rasmi boleh dicapai melalui <http://survey.ump.edu.my> bertujuan menyokong salah satu inisiatif *webometrics* universiti; ia juga platform rasmi dalam pengumpulan data bagi tujuan berkaitan tugas rasmi, penyelidikan, proses pengajaran dan pembelajaran di universiti serta kesahihan sumber dalam proses pengumpulan data. Promosi melalui *e-Community* UMP dan media sosial Perpustakaan bagi menggalakkan warga universiti menggunakan pautan tersebut.

The infographic is titled "UMP SURVEY LimeSurvey" and includes the URL <http://surveys.ump.edu.my/>. It features the LimeSurvey logo and the Universiti Malaysia PAHANG logo. The content is organized into several sections:

- OBJECTIVES:**
  - A** To support UMP webometric initiatives
  - B** To create and publish online survey, quizzes, collect responses, statistics and export resulting data to other application.
  - C** To create the culture of using and promoting our domain [surveys.ump.edu.my](http://surveys.ump.edu.my) among UMPIAN
- WHO SHOULD USE?:**
  - 01** For ALL UMPIAN
  - 02** Academicians
  - 03** Non-Academician
  - 04** STUDENT Postgraduate / Undergraduate
- TECHNICAL FEATURES:**
  - 01 TEMPLATE:** In-built template by FTK using Limesurvey open source application, Limesurvey Community Edition (CE).
  - 02 IN HOUSE HOSTING:** All of survey data securely held on UMP server.
  - 03 UNLIMITED MEMBERSHIP:** Give administrative access to respondent as you can allow who may see which surveys edit certain aspect or survey administration user may create surveys.
  - 04 IP ADDRESSES:** Can track the IP addresses of the participants.
  - 05 EXPORT:** Export your responses using Microsoft Excel, Word, SPSS, PDF, or as CSV file format.
- USAGE FEATURES:**
  - Invite and remind
  - Open and close survey
  - Reuse survey content
  - Skip logic / branching
  - Multilingual
  - Quiz management
  - Dynamic question
  - Visualize your response data
  - What you see is what you get
  - Adapt to your survey needs
- UMP Survey Training Guide:**
  - 01** Create Account (request from the administrator)
  - 02** Notify by Email (Forgot email, Username & Password, Login fail)
  - 03** Demo Training
- Contact us:**

For more information contact UMP Surveys team Gambang and Pekan Campus:

**GAMBANG CAMPUS (Promotion Team)**  
 Noor Azura Omar | [azura@ump.edu.my](mailto:azura@ump.edu.my) | 09-54931136  
 Nor Azhlin Ahmad | [azhlin@ump.edu.my](mailto:azhlin@ump.edu.my) | 09-54931140  
 Mohd Afzanah Aslan | [afzan@ump.edu.my](mailto:afzan@ump.edu.my)

**PEKAN CAMPUS (Promotion & Technical Team)**  
 Muhammed Feroze Abdul Rohid | [feroze@ump.edu.my](mailto:feroze@ump.edu.my) | 09-4245051  
 Aman Shah Muhammed Shah | [amanshah@ump.edu.my](mailto:amanshah@ump.edu.my) | 09-42266451

Survey\_admin ([survey\\_admin@ump.edu.my](mailto:survey_admin@ump.edu.my))



## PENDEPOSITAN *UMP INSTITUTIONAL REPOSITORY (UMPIR)*

Pautan *UMP Institutional Repository* atau UMPIR (<http://umpir.ump.edu.my>) telah diindeks oleh *Google Scholar*, membantu kepada kriteria *visibility* dan *openness* yang diambil kira dalam penarafan laman web *Webometrics*. UMPIR telah berjaya melonjakkan kedudukan di tempat ketiga berbanding UA lain di Malaysia.

### Pencapaian 10 tangga teratas dalam *Google Scholar*


<b>WORLD RANK</b>	<b>REPOSITORIES</b>	<b>INDEXED BY GOOGLE SCHOLAR</b>
284	<i>UPM Institutional Repository</i>	1,1700
291	<i>UTM Institutional Repository</i>	1,1500
<b>298</b>	<b><i>UMP Institutional Repository</i></b>	<b>11,100</b>
430	<i>IIUM Repository</i>	7,770
470	<i>University of Malaya Students' Repository</i>	6,880
581	<i>UTHM Institutional Repository</i>	5,440
601	<i>UUM IRepository</i>	5,170
631	<i>UUM e-Theses</i>	4,900
841	<i>UM Repository</i>	3,270
880	<i>UMK Institutional Repository</i>	3,020

**\*Sumber : *Google Scholar***

# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi

## QS RANKING



UMP melakar sejarah membanggakan apabila mencatatkan pencapaian terbaik dalam QS *University Ranking Asia*: 2019 dengan memperbaiki kedudukan dari 251-300 ke kedudukan 188 terbaik di Asia. Lebih membanggakan lagi pencapaian ini diperolehi sebaik sahaja UMP dianugerahkan Penarafan 5 Bintang oleh *Quacquarelli Symonds* pada 17 Julai 2018 lalu.

Bukan itu sahaja malahan sepanjang tahun ini UMP mencapai kecemerlangan apabila meraih cemerlang lima bintang dalam semua penarafan pencapaian termasuklah Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMohaS) dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara.

Dengan keputusan *QS Asian University Rankings* 2019 yang telah diumumkan baru-baru ini, UMP merupakan universiti pertama dalam kalangan universiti teknikal (MTUN) yang berjaya berada pada tahap kedudukan terbaik Asia. Pencapaian ini mengambil kira 11 kriteria penilaian iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah fakulti dan pelajar, jumlah sitasi bagi penerbitan, jumlah penerbitan saintifik per fakulti, jaringan penyelidikan antarabangsa, staf akademik antarabangsa, pelajar antarabangsa, pertukaran pelajar ke luar negara, pertukaran pelajar antarabangsa ke dalam negara.

Selain itu, UMP mencatatkan perkembangan positif bagi dua kriteria utama iaitu reputasi akademik dan reputasi majikan yang perlihatkan bahawa asas dan hala tuju universiti yang semakin kukuh dan matang. Penarafan ini merupakan satu instrumen penanda aras yang membolehkan UMP mengkaji dan memperbaiki pencapaian universiti dari pelbagai perspektif. UMP menjadi di antara universiti yang agak muda di Malaysia juga merupakan cabaran terutamanya dalam menjalin kerjasama penyelidikan dengan pihak industri dan ahli akademik dan universiti terkemuka.

Walau bagaimanapun, UMP mampu bersaing dan menempatkan diri antara universiti terbaik Asia dengan hasil usaha berterusan selari dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Ia bertepatan dengan tema menjana kegemilangan UMP akan terus memfokuskan lima lonjakan strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Keunggulan Jenama dan Kemampuan Sosioekonomi dan Persekitaran.

UMP akan terus memperkasa bidang pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi dengan lebih kreatif juga inovatif yang dapat memanfaatkan masyarakat di negara ini.

## UI *GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING*



Agenda penghijauan kampus antara yang sering menjadi keutamaan bagi UMP dalam setiap perancangan belajawan tahunan. Kampus utama UMP yang terletak di Mukim Kuala Pahang dibangunkan di atas tanah paya yang ditambah dengan tanah pasir merupakan antara cabaran utama kepada survival pokok-pokok yang ditanam. Struktur tanah pasir yang tidak menyimpan kelembapan dan air sekali lagi antara cabaran yang perlu didepani oleh UMP apabila tibanya musim tengkujuh.

Walaupun bagaimanapun, cabaran ini bukanlah alasan untuk UMP mengetepikan fokusnya untuk mewujudkan kampus yang hijau dan lestari untuk warganya. Dewasa ini, terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa pengenalan baja organik sama ada dari bahan tumbuhan atau sisa haiwan kepada tanah pasir akan meningkatkan kesuburannya dan sifat fizikalnya. Pendekatan ini telah digunakan oleh UMP untuk meningkatkan status peningkatan nutrien pasir di tapak projek.

Tanah pasir juga mesti dibajak dengan lebih kerap berbanding tanah dari tekstur lain kerana nutrien tidak dapat disimpan pada permukaan pasir dan di sekitar akar pokok untuk jangka masa yang lama. Menambah bahan organik akan meningkatkan kedua-dua kapasiti penahan air dan pemakanan nutrien tanah berpasir. Tanah pasir juga kurang memberikan sokongan fizikal yang mencukupi untuk pokok tumbuh dengan baik terutamanya pokok kayu. Oleh itu, pokok-pokok yang ditanam memerlukan sokongan untuk beberapa musim pertama pertumbuhan selain untuk mengelakkan ia tumbang akibat tiupan angin.

Hasil usaha dan hala tuju yang jelas di bawah kepimpinan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Daing Nasir Ibrahim, UMP telah berjaya mentransformasikan kampus yang tandus kepada kampus yang lebih hijau. Sebagai sebuah Universiti Teknikal,

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## Memasyarakatkan Teknologi

UMP tidak mampu untuk berdiam diri tanpa berbuat apa-apa mengenai struktur tanah yang tandus. Satu usaha yang menyeluruh telah digerakkan melalui pemantauan rapi Naib Canselor sendiri.

Hasilnya telah dapat dilihat pada hari ini apabila UMP telah berjaya untuk menempatkan diri di kedudukan ke-97 terbaik dunia dan ke-6 di Malaysia di dalam Penarafan *UI GreenMetrics World University Ranking 2018* yang telah diumumkan pada 19 Disember 2017 di Balai Sidang, Universitas Indonesia, Indonesia.

Pencapaian di dalam Penarafan *UI GreenMetrics World University Ranking 2018* menyaksikan UMP telah berjaya memperbaiki sebanyak sepuluh kedudukan berbanding di kedudukan ke-107 dalam penarafan 2017. Penilaian yang dibuat melalui enam kriteria utama iaitu *Setting & Infrastructure, Energy & Climate Change, Waste, Water, Transportation* dan *Education* memperlihatkan UMP memperbaiki perolehan markah secara keseluruhannya. Ia turut menjadikan UMP berada pada kedudukan ke-28 terbaik Asia dan kedudukan ke-16 Asia Tenggara berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar yang telah diumumkan baru-baru ini.

### Kedudukan UMP dalam *UI GreenMetrics World University Ranking 2018*

PERINGKAT	KEDUDUKAN
Nasional	6
Asia Tenggara	16
Asia	28
Dunia	97

## UMP MENANG ANUGERAH BUKU NEGARA 2018



Kecemerlangan UMP dalam bidang penerbitan terus menyinar apabila buku 'Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj' terbitan Penerbit UMP menang Anugerah Buku Negara 2018 (Buku Umum Terbaik – Kategori Biografi Diraja) sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIBF) 2018.

Buku setebal 269 halaman ini mengisahkan riwayat hidup Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta'in Billah yang juga Canselor UMP adalah cetusan inspirasi Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan dihasilkan oleh Pensyarah Undang-undang di Fakulti Pengurusan Industri, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Pereka Kanan di Pejabat Naib Canselor, Azman Md. Diah.

## ***SAINS, TECHNOLOGY & MATHEMATICS (STEM)***

### Program Inisiatif STEM



PROJEK TELAH  
DIJALANKAN

**216**  
SEKOLAH



JUMLAH  
KESELURUHAN  
PROJEK

**1,841**  
PELAJAR SEKOLAH



PROJEK YANG  
BELUM  
DILAKSANAKAN

**382**  
MENTOR UMP

**RM226,331.13**

KOS DIBELANJAKAN

## INISIATIF PENGHIJAUAN KAMPUS - PROGRAM MYTREEVOLUTION KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG



## SEMINAR LITERASI KEWANGAN KERJASAMA AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD (ASNB)



PROMOSI PERKHIDMATAN ASNB	LOKASI PROGRAM	PENGLIBATAN PELAJAR
<ul style="list-style-type: none"> <li>Seminar Kewangan Pelaburan 360 hari</li> <li>Pembukaan Akaun Baharu</li> <li>Pemberian Baucer Akaun RM10</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Minggu Induksi Siswa UMP 2018/2019 (MINDS)</li> <li>Expoconvo 2018</li> <li>Seminar Pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>3009 pelajar yang hadir ke program</li> <li>2281 akaun baharu telah dibuka</li> </ul>

## PROFESSIONAL TALK SERIES

Program melibatkan tokoh/pakar dari industri/ komuniti- inisiatif *CEO Faculty Programme / Industrial Talk dan INAP Talk*.

### SENARAI PROFESIONAL TALK SERIES

- Datuk Wan Nazri Wan Aria (Ketua Pegawai Eksekutif Gruppe Consultant Sdn. Bhd.)
- Dr. Hari Narayanan (Pengarah Urusan Motorola Solution)
- Tariq Umar Mohamed (Pengurus Kanan Operasi & Penyelenggaraan MRL Sdn. Bhd.)
- Lim Kok Wee (Jurutera MMC-Gamuda KVMRT(T) Sdn. Bhd)
- Syamsul Fariz Ramli (Naib Presiden, e-Channel Etiqa Insurance)
- Mohd Faiz Zulkifli (Pengurus Besar Permula Sdn. Bhd.)

### ANUGERAH TOKOH INDUSTRI

#### DR. HARI NARAYANAN (Pengarah Urusan Motorola Solution)

- Sumbangan dan komitmen beliau dalam menggerakkan *CEO Faculty @Programme*

## BENGKEL *COMMERCIALIZING TECHNOLOGY THROUGH CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY CSR & CORPORATE SOCIAL INNOVATION CSI*

### AGENSI TERLIBAT

	Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat
	Malaysia Collective Impact Initiatives
	Malaysia Global Innovation & Creativity Centre
	Yayasan Sejahtera
	Khazanah Scholarship Alumni Association

### BILANGAN PENYERTAAN

**36 AKADEMIA UMP**


**2 FASILITATOR UMP**

**2 JURI INDUSTRI**



## PUSPANITA

### SEMINAR EKSPEDISI PERNIAGAAN DIGITAL KERJASAMA PUSPANITA KEBANGSAAN CAWANGAN NEGERI PAHANG ANJURAN UMP, PERSATUAN MATAHARI UMP DAN PERSATUAN PENGAWAI TADBIR & IKHTISAS UMP (PPTI)



## KARNIVAL STEM KERJASAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG



## PELAJAR UMP MENANG TEMPAT KETIGA DALAM PERTANDINGAN *CHINESE BRIDGE* KE-17 PERINGKAT MALAYSIA 2018 DAN DIANUGERAHKAN BIASISWA CHINA UNTUK KEM MUSIM PANAS DI SHANGHAI POLYTECHNIC UNIVERSITY



Ketua PALAPES LAUT UMP, Fahmi Muhamad Rasyid Rabuan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli telah memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan *Chinese Bridge* ke-17 bagi peringkat Malaysia 2018 di Institut Kong Zi, Universiti Malaya (UM).

Seramai 31 pesaing dari 15 universiti mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Pertandingan itu terdiri daripada beberapa ujian termasuk pengucapan umum, sesi soal jawab dan pertunjukkan bakat seni Cina. Semua calon dikehendaki memberi pengucapan mengenai 'Pengalaman Pembelajaran Budaya Cina' dalam bahasa Mandarin.

Beliau dianugerahkan Biasiswa China untuk Kem Musim Panas di Shanghai Polytechnic University selama empat minggu bermula pada 18 Jun hingga 15 Julai 2018. Seramai 20 orang pelajar terpilih dari 11 negara, iaitu Malaysia, Rusia, Korea, Belgium, Perancis, Mongolia, Kazakhstan, Laos, Thailand, United Kingdom dan Kenya mengambil bahagian dalam Program Musim Panas Bahasa dan Kebudayaan Cina.

Program Musim Panas Bahasa dan Kebudayaan Cina adalah program untuk pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin dari universiti di seluruh dunia bagi mereka untuk meningkatkan pemahaman dan komunikasi dengan penutur asli. Peserta terdedah kepada kelas bahasa Mandarin dan siri pembelajaran budaya Cina, iaitu Teh Cina, kaligrafi Cina, perubatan tradisional Cina, masakan Cina, Tai chi, tarian singa dan tarian naga. Mereka juga melawat kilang pembuatan berus kaligrafi Cina dan juga beberapa muzium di Su Zhou, Wu Zhen dan Nanjing.

FAKULTI



## FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (FKEE)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) merupakan antara fakulti yang terawal ditubuhkan iaitu pada 16 Februari 2002 serentak dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM). Matlamat penubuhan fakulti ialah untuk melatih dan melahirkan pekerja profesional dan separa profesional yang berkemahiran tinggi dalam urusan teknikal sama ada di peringkat sarjana muda ataupun diploma. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, fakulti telah mengambil pendekatan iaitu semua program yang ditawarkan oleh fakulti adalah berasaskan gabungan antara kejuruteraan dan teknologi dengan mengintegrasikan gunaan dan kemahiran (*applied and skills*). Fakulti ini menawarkan program yang memfokuskan kepada keperluan industri berat di Koridor Raya Industri Timur Semenanjung Malaysia, terutamanya bidang-bidang berkaitan dengan sektor kimia, petrokimia, pembuatan dan automotif.

### SEMINAR TEKNIKAL KEBANGSAAN KE-10



Seminar Teknikal Kebangsaan ke-10 mengenai Teknologi Sistem Bawah Laut 2018 (NUSYS'18) telah dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) pada 26 dan 27 September 2018 di Perpustakaan UMP Kampus Pekan. Tema bagi tahun 2018 adalah '*Deeper Discoveries*'. Objektif seminar adalah untuk membincangkan pelbagai teknologi sistem bawah air antara universiti dan industri, menyebarkan teknologi terkini dalam bidang kejuruteraan bawah air dan memberi peluang kepada para penyelidik untuk membentangkan kertas kerja mereka dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan teknologi sistem air bawah laut.

## PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR



Program pertukaran pelajar di antara UMP dan Okayama University, Jepun telah diadakan selama seminggu mulai 21 Julai hingga 29 Julai 2018 di Okayama University, Jepun. Program yang diketuai oleh Dr. Mohd Mawardi Saari ini disertai seramai empat orang pelajar iaitu Mohd Afa Hadi Putera Zaini, Nazatul Sharreena Suhaimi, Nurul A'in Nadzri dan Syamimi Abdul Ghani. Program ini bertujuan untuk melakukan penyelidikan bersama di antara kedua-dua universiti dan mempelajari perbezaan budaya di antara Jepun dan Malaysia.

## MISI KEMANUSIAAN *MYCARE* KE PALU SULAWESI



FKEE dengan kerjasama *MyCare* telah mengadakan misi kemanusiaan di Palu, Sulawesi. Program ini diadakan bagi membantu penduduk di Pulau Sulawesi yang memerlukan bantuan selepas ditimpa gempa dan tsunami. Tragedi gempa bumi dan tsunami di Palu dan Donggala pada 28 September 2018 yang lalu telah mengorbankan kira-kira 1,558 mangsa dan memusnahkan sebanyak 65,735 kediaman. Di samping melaksanakan misi kemanusiaan, misi ini juga diadakan dengan tujuan untuk memberi motivasi dan inspirasi kerja kepada peserta yang terlibat.

## PAHANG FOXHUNTING 2018



Seiring dengan arus globalisasi yang bergerak kian pantas, perkembangan komunikasi kini dilihat dapat membantu dalam menyampaikan dan memahami penyampaian sesuatu maklumat itu dengan lebih tepat dan pantas. Perkembangan komunikasi radio kini dapat dijadikan agen pendidik kepada para pelajar. Pendekatan menyampaikan maklumat, pendidikan dan hiburan dapat disifatkan sebagai komponen penting yang boleh memberi kesan mendalam kepada para pelajar dalam memahami penyampaian maklumat dengan lebih jelas. Cakna terhadap senario semasa ini, UMP menerusi FKEE menganjurkan Pahang Fox Hunting 2018 yang berlangsung baru-baru ini melibatkan seramai 101 pelajar dari sembilan buah sekolah sekitar negeri Pahang dan Terengganu termasuk Kuala Lumpur yang berlangsung di Makmal STEM UMP, Pekan. Pertandingan Fox Hunting ini merupakan suatu pertandingan yang memerlukan pelajar mencari beacon (pemancar) yang telah ditetapkan di beberapa lokasi sekitar kampus UMP Pekan. Mereka perlu mencari lima beacon yang memancarkan isyarat Kod Morse dan mengenal pasti Kod Morse bagi menentukan check point. Pelajar yang berjaya melengkapkan pencarian beacon dalam masa yang ditetapkan dikira sebagai pemenang. Pertandingan menyaksikan Sekolah Kebangsaan Biram memenangi kategori sekolah rendah manakala Regen International School memenangi kategori sekolah menengah.



## STEM OUTREACH



Program STEM *Outreach* di Sekolah Kebangsaan Sungai Talam telah diadakan pada 30 Oktober 2018. Program ini diadakan dengan tujuan untuk memperkasakan pendidikan Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada pelajar. Program pendidikan STEM perlu diperkasakan kerana semakin banyak aplikasi teknologi melibatkan mesin dan komputer telah direncanakan di dalam Revolusi Industri Keempat. Fenomena ini bukan lagi terfokus dalam konteks industri malahan dalam segala operasi rutin dan harian di dalam komuniti. Melalui program ini, pelajar sekolah ini dilatih berfikir secara kritikal dan logik melalui hasil uji kaji Sains dan Matematik menggunakan sumber yang terdapat di kampung halaman.

Selain itu, program ini juga membimbing pelajar memupuk sikap berkeyakinan tinggi dalam membuat keputusan melalui kaedah hipotesis bersandarkan fakta dan menunjukkan suri teladan terhadap aspek kerohanian termasuklah menanam sifat jujur, amanah, suka berkongsi ilmu juga kepimpinan. Program ini juga diharapkan akan dapat memberi pendedahan STEM secara khusus kepada pelajar sekolah bagi membolehkan mereka cenderung untuk mengikuti program dalam bidang Kejuruteraan terutama dalam bidang Elektrik dan Elektronik sekali gus meningkatkan kualiti permohonan pelajar ke UMP untuk pengambilan pada masa depan.

## PAHANG HACKATHON 2018



Penganjuran *Hackathon* dilihat selaras dengan inisiatif pengukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang dibangunkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) terhadap pencapaian peratusan penglibatan murid dalam program berunsurkan STEM. Merealisasikan hasrat ini, FKEE dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM) menjayakan Pahang *Hackathon* 2018 yang berlangsung di Makmal STEM, UMP Kampus Pekan. Seramai 123 orang pelajar yang berumur antara sembilan tahun hingga 16 tahun terlibat membabitkan penyertaan sekolah bukan sahaja dari Negeri Pahang malahan sekolah sekitar Kelantan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

## PROGRAM LITERASI DIGITAL PEKAN



Penggunaan teknologi kini semakin berkembang dengan pesat dan golongan kanak-kanak juga tidak ketinggalan dalam menjadikan teknologi sebagai salah satu komponen penting yang diperlukan dalam pendidikan masa kini. Teknologi pada masa kini banyak memberikan kesan kepada pendidikan awal kanak-kanak. Di samping itu, teknologi media mahupun pelbagai teknologi baharu banyak membantu meningkatkan kefahaman terhadap maklumat yang ingin disampaikan dan meningkatkan perkembangan pengetahuan dan literasi kanak-kanak.

Cakna terhadap perkembangan ini, FKEE menjalankan Program Literasi Digital membabitkan seramai 25 pelajar prasekolah dari Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar anjuran UMP STEM *Lab* bertempat di *KP House* Kuala Pahang. UMP STEM *Lab* dilaksanakan di bawah Unit Pengembangan Inovasi FKEE sebagai satu platform yang berperanan dalam memupuk minat pelajar sekolah dalam mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.



# FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI (FKKSA)

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ditubuhkan pada 15 Februari 2002. Program-program ini adalah berasaskan kepada kemahiran dan aplikasi, menitikberatkan kepada kombinasi teori, kemahiran praktikal dan proses pembelajaran dalam mengenalpasti masalah dan cabaran di industri. Pengajian ini merangkumi *separation process*, *chemical reaction engineering*, *process engineering*, *system control* dan *environmental engineering*. Sepanjang tahun 2018, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan pelbagai pengiktirafan telah dicapai oleh FKKSA. Antara aktiviti utama FKKSA adalah aktiviti akademik, penyelidikan dan pembangunan, jaringan industri dan khidmat komuniti.

FKKSA adalah di antara fakulti yang mempunyai jumlah bilangan enrolmen mahasiswa prasiswazah antarabangsa yang paling tinggi iaitu seramai 126 pelajar. Ini adalah termasuk Program Sarjana Muda (63 orang), Program Musim Panas (40 orang), Program Mobiliti (17 orang) dan Program *Preparatory Intensive English* (6 orang). Pada tahun ini, Program Mobiliti dan Program Musim Panas telah menerima kemasukan pelajar antarabangsa dari negara Sudan, Indonesia, China dan India. FKKSA juga turut menghantar pelajar FKKSA ke luar negara seperti di Sepanyol, Turki, India dan Indonesia. Selain itu, Dr. Rosmawati Naim, telah mendapat pengiktirafan daripada presiden "*Malaysia Energy Professional Association*" dalam penubuhan *EI-UMP Student Chapter*.

FKKSA sangat memperkasa kerjasama bersama industri dan kerajaan melalui pelbagai aktiviti akademik dan penyelidikan & pembangunan seperti INSTEP, BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd., Malaysian Chamber of Mines, JAKIM, Ain Medicare, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Jabatan Geosains dan sebagainya. Tahun ini, FKKSA telah berjaya penubuhan dua program sarjana dengan penglibatan industri iaitu *MSc. in Mining with Mineral Technology* dan *MSc. in Process Plant Operation*.

FKKSA terus berusaha untuk mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui penyelidikan dan pembangunan pada tahun 2018. FKKSA telah berjaya memperoleh sebanyak RM4,637,972.00 dari pelbagai geran penyelidikan dalaman, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dari segi penerbitan, FKKSA menyumbang sebanyak 301 artikel termasuk artikel Berindeks *Scopus* dan Tidak Berindeks *Scopus*, *Prosiding* dan *Persidangan* dan penerbitan Bab Buku. Antara akademik yang telah diiktiraf di peringkat kebangsaan adalah Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui yang telah menerima *Top Peer Review Award*. Manakala, pelbagai pengiktirafan di peringkat Antarabangsa juga turut dicapai oleh penyelidik-penyelidik FKKSA di antaranya adalah *Seoul International Invention Fair*, *British Invention Show 2018*, dan *The International Trade Fair for Inventions 2018*.

Di samping itu juga, FKKSA sentiasa menyumbang tenaga dan kepakaran dalam khidmat komuniti di antaranya Kempen Kesedaran, Kem motivasi Q-GEN, *Kid Fun Day* dan *Star Track Charity Fun Run*

# LAPORAN TAHUNAN 2018


Memasyarakatkan Teknologi

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2018, FKKSA telah mendapat sebanyak RM4,637,972.00 bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan. Jumlah tersebut merangkumi geran dalaman, geran kebangsaan dan geran antarabangsa. Di samping itu, FKKSA telah menerbitkan sebanyak 301 artikel-artikel termasuk artikel Berindeks *Scopus* dan Tidak Berindeks *Scopus*, *Prosiding* dan *Persidangan* dan penerbitan Bab Buku.


### KATEGORI GERAN PENYELIDIKAN

Statistik geran penyelidikan FKKSA pada tahun 2018



### KATEGORI PENERBITAN

Statistik penerbitan FKKSA pada tahun 2018



## PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PADA MAJLIS KONVOKESYEN KE-13 UMP

Hadiah Kecemerlangan Yayasan Pahang  
Loo Wennie – Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia

Hadiah Kecemerlangan BASF-Petronas Chemicals Sdn. Bhd. (Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli)  
Kee Keing Lee – Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia

Hadiah Kecemerlangan Setegap Ventures Petroleum Sdn. Bhd. (Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli)  
Nurhuda Dini Faridon – Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

Hadiah Emas Fakulti  
Ong Pui Jun – Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia

Hadiah Buku  
Toh Kah Yang – Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia  
Nurnatasha Eizreena Atiqah binti Abdullah – Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

Hadiah Projek Sarjana Muda Terbaik  
Chong Sin Yee – Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia

# FKKSA JALIN KERJASAMA ERAT DENGAN BASF PETRONAS CHEMICALS SDN. BHD.

UMP menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. pada 18 Disember 2018 dalam usaha mengukuhkan hubungan kerjasama dalam pertukaran teknologi dan pembangunan modal insan di antara kedua-dua institusi serta meningkatkan kebolehpasaran graduan (GE) berkompentensi. Hubungan strategik antara UMP dan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. telah dimulakan oleh Pasukan Inisiatif Jerman dari FKKSA. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan mengenai kerjasama ini telah diadakan hasil susulan lawatan rasmi oleh Pengarah, Jan Peter Bredehoeft dan pengurusan BASF PETRONAS Chemicals ke FKKSA awal tahun ini. Memorandum Persefahaman (MoU) ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Urusan BASF PETRONAS Chemicals, Dr. Sven Crone. Majlis ini juga telah disaksikan oleh Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail dan Pengarah Sumber Manusia BASF PETRONAS Chemicals, Zairul Alwi. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Dekan FKKSA, Profesor Zulkafli Hassan.



Pertemuan di antara Pengarah, Mr. Jan Peter Bredehoeft dan pengurusan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. dalam merangka kerjasama yang akan dijalankan.



Pertemuan di antara pengurusan FKKSA dengan Pengarah dan pengurusan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. dalam merangka kerjasama yang akan dijalankan.



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd.



Wakil industri dan wakil UMP turut hadir bagi memeriahkan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UMP dan BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd.

## PENCAPAIAN STAF



Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui menerima Top Peer Review Award anjuran *Malaysia's Research Star Award* dan *The 2018 CREAM Journal of Current Research*.



Dr. Rosmawati Naim menerima pengiktirafan daripada presiden *Malaysia Energy Professional Association* dalam penubuhan *EI-UMP Student Chapter*.



Profesor Madya Dr. Sumaiya Zainal Abidin@Murad memenangi *Best Award* di *British Invention Show 2018*.



Dr. Jun Haslinda Sharifuddin menerima anugerah Emas di *The International Trade Fair for Inventions 2018*.



Profesor Madya Dr. Arun Gupta (dalam gambar) dan Profesor Dr. Abdurhaman Hamid Nour memenangi pingat emas manakala Profesor Madya Dr. Maksudur Rahman Khan dan Profesor Madya Dr. Fatmawati Adam menerima pingat Perak di *Malaysia Technology Expo 2018*.



Pengiktirafan di *Seoul International Invention Fair* kepada Profesor Dr. Hayder A. Abdulbari dengan pingat emas. Dr. Noormazlinah Ahmad dan Najib Razali mendapat pingat Perak.



Dr. Jun Haslinda Sharifuddin dan Dr. Ida Amalina Ahamad Nordin, Profesor Madya Dr. Sumaiya Zainal Abidin@ Murad, Profesor Madya Dr. Arun Gupta, Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan and Profesor Dr. Hayder A. Abdul Bari berjaya meraih emas di *International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2018*.

## JARINGAN INDUSTRI



FKKSA menjalin kerjasama dengan INSTEP bagi Program *MSc. in Process Plant Operation*.



Lawatan pemantauan audit halal di Jepun oleh Dr. Farhan Mohd Said bersama juruaudit dari Persatuan Muslim Profesional Jepun (MPJA) ke kilang pemprosesan minuman, Dainichi Seiyaku Co. Ltd. dan rumah sembelihan, Zenkai Meat Corporation.



Sesi perkongsian bersama staf BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd. mengenai *Unit Operation and Heat Exchanger Design* dan promosi Kursus Separuh Masa Kejuruteraan Kimia dan *MSc. in Process Plant Operation*.



Perbincangan bersama panel industri mengenai program *MSc. in Mining with Mineral Technology*.



Perbincangan bersama panel industri mengenai program *MSc. in Process Plant Operation*.



Lawatan dan mesyuarat kerjasama di antara FKKSA dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).



*Malaysia Process Control Seminar 2018 (MPCS 2018) yang dianjurkan oleh kluster ProSES FKKSA dengan kerjasama Malaysia Process Control Society (MyPCS).*



*Mesyuarat penubuhan jawatankuasa PEMANDU (Steering Committee) di antara Jabatan Geosains (JM) dan FKKSA, UMP.*



*Lawatan dan mesyuarat kerjasama oleh pihak UMP di Ain Medicare, Kelantan.*



*Lawatan Industri ke Myah Mines Sdn. Bhd., Sungai Lembing bagi subjek Excavation and Geomechanics untuk program MSc. in Mining with Mineral Technology.*

## PROGRAM MOBILITI

Pada tahun 2018, FKKSA telah menghantar pelajar ke luar negara melalui program mobilti dan program musim panas ke Sepanyol, Turki, India dan Indonesia. FKKSA juga menerima pelajar antarabangsa melalui program yang sama dari negara Sudan, Indonesia, China dan India.



Mohd Anis Shah menerima biasiswa dari *University of A Coruña* di Sepanyol bagi mengikuti program musim panas di sana.



Program Pertukaran Pelajar FKKSA ke *SRM Institute of Science and Technology*, di Chennai India.



Program Pertukaran Pelajar FKKSA ke Karabuk University (kiri) dan Yildiz University (kanan) di Turki.



Program Pertukaran Pelajar FKKSA ke Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), Indonesia.





Pelajar tahun akhir dari Omdurman Islamic University, Sudan, menjalani program musim panas anjuran FKKSA.



Program pertukaran pelajar ke FKKSA dari Universitas Ahmad Dahlan, Indonesia dan Hebei University of Science and Technology, China.



Aktiviti mendaki di Bukit Panorama Sungai Lembang bersama pelajar CHEST dan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pertukaran di FKKSA. Mereka adalah dari Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia, Kongu Engineering College, India dan SRM Institute of Science and Technology, India.

## KHIDMAT KOMUNITI

FKKSA turut menyumbangkan tenaga dan kepakaran untuk khidmat komuniti di antaranya adalah Kempen Kesedaran Penggunaan Asbestos pada bangunan awam, kem motivasi *Q-GEN* 2018 dan *Star Track Charity Fun Run*.



Kem motivasi *Q-GEN* 2018 di Cempaka Beach Resort Kuantan anjuran FKKSA bersama-sama peserta daripada tingkatan 4 dan 5 sekolah sekitar Kuantan.



FKKSA bekerjasama dengan FKM dan ECO 24 Jepun dalam Kempen Kesedaran Penggunaan Asbestos pada bangunan awam.




Pelajar FKKSA memeriahkan program *Kids Fun Day* anjuran BASF PETRONAS CHEMICALS Sdn Bhd.



*Star Track Charity Fun Run*.

# FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2018



# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi



## JALINAN PINTAR DENGAN PIHAK LUAR

JENIS JALINAN	RAKAN KERJASAMA
Memorandum Persefahaman (MoU)	Lembaga Lebuhraya Malaysia
Penyelidikan dan Konsultasi	Rapid Bus Kuantan
Perkongsian Kepakaran	Soh Wind Engineering LLC
Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia	Staxus E&C Sdn Bhd
Penyelidikan dan Konsultasi	Malakoff Corporation Berhad
Penyelidikan dan Konsultasi	Jabatan Meteorologi Malaysia
Penyelidikan dan Konsultasi	CIDB MyIBS
Perkongsian Kepakaran	Beijing Jiaotong University
Perkongsian Kepakaran	Ningxia University
Perkongsian Kepakaran	Universitas Aisyiah Yogyakarta
Penyelidikan dan Konsultasi	Badan Kawal Selia Air, Pejabat Setiausaha Negeri Pahang
Pelan Tindakan Pengurusan Kualiti Air Pahang	Pejabat Setiausaha Negeri Pahang

## KEJAYAAN STAF

NAMA PENYELIDIK	ANUGERAH	PAMERAN
Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan Malaysian	<i>Gold and Best Of The Best Award</i>	<i>Technology Expo 2018</i>
Dr. Lim Kar Sing	<i>Best Presenter Award</i>	<i>The International Conference on Advances in Civil Engineering and Science Technology</i>
Abdul Syukor Abd Razak	Pingat Emas	<i>Anugerah Teknologi Hijau 2018</i>
Dr. Ngien Su Kong	<i>Gold and Best Of The Best Award</i>	<i>Malaysian Technology Expo 2018</i>
Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy	Gangsa	<i>Malaysian Technology Expo 2018</i>
Dr. Sharifah Maszura Syed Mohsin	Gangsa	<i>Seoul International Invention Fair</i>
Dr. Doh Shu Ing	Perak	e-Reka

## KEJAYAAN PELAJAR



## PROGRAM BERIMPAK TINGGI



Lawatan Penanda Aras  
Linton University College, Negeri Sembilan  
15 Januari 2018



Lawatan Penanda Aras  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  
9 Februari 2018



Centre of Construction Excellence on Peat Soils  
(COPS)-CREAM  
24 Februari 2018



Majlis MOU UMP-LLM  
8 Mac 2018



Lawatan Rasmi Universitas 'Aisyiyah Yogyakarta  
15 Mac 2018



Tactical NBOS Meeting on Road Safety  
4 April 2018



Perkongsian Pintar CISB myIBS  
13 April 2018



Program Mobiliti Pelajar Universitas 'Aisyiyah Jogjakarta  
20 April 2018



International Summer School of Sustainable Infrastructure,  
Beijing Jiaotong University Senior Expert  
2 hingga 15 Ogos 2018



Kolokium Kebangsaan Kejuruteraan Angin dan Gempa Bumi Kali  
Kedua  
18 hingga 19 Ogos 2018



Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut  
Penganjuran bersama Jabatan Meteorologi Malaysia  
11 Oktober 2018



Kem Kesedaran Alam Sekitar  
Jabatan Alam Sekitar, Pahang  
20 Oktober 2018

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*



Program Penanaman Pokok Bakau - program khidmat komuniti bagi membersihkan pantai serta menanam 500 pokok bakau di Pantai Chendor Kuantan  
27 Oktober 2018



Jalinan Strategik  
SOH Wind Engineering LLC  
15 November 2018



Lawatan Penanda Aras EKSA  
Politeknik METrO Kuantan  
28 November 2018



Program Pengurusan Kompetensi Berasaskan Bakat  
AKEPT, MIM & Southern Cross University  
4 hingga 6 Disember 2018



Lawatan Rasmi  
Sudan Technological University  
18 Disember 2018



Sesi Kelas Antara Benua  
Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara  
19 Disember 2018



# FAKULTI SISTEM KOMPUTER & KEJURUTERAAN PERISIAN (FSKKP)

Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) telah ditubuhkan pada 16 Februari 2002 untuk menghasilkan graduan yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang Kejuruteraan Perisian, Sistem dan Rangkaian Komputer. Pada peringkat awal penubuhan FSKKP, fakulti menawarkan dua bidang pengajian iaitu Kejuruteraan Perisian dan Rangkaian Komputer. Kini, FSKKP menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia) dengan Kepujian.

## *DEGREE TRANSFER PROGRAMME*



Pada 3 dan 4 Oktober 2018, FSKKP telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara dua buah universiti di Dhaka, Bangladesh. Ini adalah kesinambungan daripada kerjasama yang telah terjalin sebelum ini hasil lawatan delegasi UMP ke beberapa buah universiti di sana bagi tujuan mengenal pasti rakan kerjasama yang berpotensi terutamanya di dalam bidang akademik. Dua buah universiti di Bangladesh yang terlibat ialah Northern University of Bangladesh (NUB) dan Manarat International University (MIU). Ringkasnya, MoA ini adalah berkisar berkenaan dengan *Degree Transfer Programme* di mana pelajar daripada NUB dan MIU berpeluang untuk menyambung dan menghabiskan pengajian mereka di UMP. Pelajar hanya perlu belajar selama sekurang-kurangnya satu tahun di Bangladesh sebelum melayakkan mereka menyambung pengajian untuk tiga tahun seterusnya di UMP. Program ini merupakan julung-julung kalinya dilaksanakan di UMP.

Objektif utama program ini ialah untuk memperkenalkan UMP dan FSKKP secara khususnya di Bangladesh sekaligus dapat meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa yang belajar di sini. Pelajar-pelajar daripada NUB dan MIU dijangka akan mula mendaftar di UMP pada Semester II Sesi 2018/2019 akan datang. Jika program ini berjaya, maka ia boleh dijadikan penanda aras dan model kerjasama ini boleh digunapakai oleh program-program lain yang ditawarkan oleh UMP. Malah model yang sama boleh dicadangkan kepada mana-mana universiti di luar negara yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan UMP.

## LAWATAN PIHAK LUAR KE FSKKP

Tahun 2018 turut menyaksikan FSKKP menerima beberapa lawatan daripada pihak luar terutamanya institusi pengajian daripada luar negara. Ini membuktikan semakin ramai pihak luar sudah mengenali dan mengetahui mengenai UMP dan FSKKP khususnya. Berikut adalah senarai pihak luar yang mengunjungi fakulti di sepanjang tahun 2018:

NAMA INSTITUSI	NEGARA	TARIKH
Sudan Technology University	Sudan	Disember 2018
Politeknik Medan	Indonesia	September 2018
Universitas Muhammadiyah Jakarta	Indonesia	Julai 2018
Universitas Ahmad Dahlan	Indonesia	April 2018
Universitas 'Aisyiyah Yogyakarta	Indonesia	Mac 2018



Lawatan daripada Sudan Technology University.



Lawatan daripada Universitas Ahmad Dahlan.



Lawatan daripada Universitas Muhammadiyah Jakarta.



Lawatan daripada Universitas 'Aisyiyah Yogyakarta.

## KURSUS *DEPLOYING HYPER-HEURISTIC & META-HEURISTIC ALGORITHMS*



Pada 26 dan 27 Disember 2018, FSKKP telah menganjurkan satu kursus pendek di bawah tajuk *Deploying Hyper-Heuristic & Meta-Heuristic Algorithms*. Penceramah yang dijemput merupakan Dekan FSKKP, Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli. Kursus ini berjaya menarik penyertaan seramai kira-kira 60 orang peserta di mana sebahagian daripada mereka adalah penyertaan daripada luar UMP. Antaranya adalah daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Kursus ini merupakan salah satu inisiatif fakulti dalam menjana pendapatan selain menjadikannya sebagai platform untuk mempromosi kepakaran yang dimiliki oleh FSKKP.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Tahun 2018 merupakan tahun yang aktif bagi FSKKP menjalankan program khidmat masyarakat yang melibatkan beberapa buah sekolah rendah dan menengah di sekitar Pekan dan Kuantan. Ini merupakan antara inisiatif yang dijalankan oleh fakulti dalam mendekati diri dengan masyarakat setempat sekali gus dapat mempromosi UMP dan FSKKP secara khususnya. Antara aktiviti yang dijalankan ialah latihan penggunaan Microsoft Excel kepada guru-guru sekolah, pertandingan robot Lego *Mindstorms* dan gotong-royong mencantikkan kawasan dan bangunan sekolah.



**Sekolah-sekolah yang terlibat dalam setiap program yang dianjurkan.**

NAMA SEKOLAH	TARIKH	PROGRAM
Sekolah Kebangsaan Seri Melati	21 April 2018	Gotong-royong membersihkan dan mengecat bangunan sekolah
Sekolah Kebangsaan Ganchong, Pekan	26 Julai 2018	Lego <i>Mindstorm Competition &amp; Microsoft Excel Training</i>
Sekolah Rendah Kebangsaan Tanah Putih	16 September 2018	Jaringan Pintar Korporat
Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom	6 Oktober 2018	<i>Fun With Lego Mindstorms EV3 Robot</i>
Sekolah Menengah Teknik Kuantan		
Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah		

Penganjuran program ini sedikit sebanyak dapat mendedahkan komuniti setempat dengan teknologi dan kepakaran yang dimiliki oleh fakulti. Ini sekaligus dapat menarik minat pelajar-pelajar sekolah untuk menyambung pengajian di UMP nanti. Hampir keseluruhan peserta berpuas hati dengan program yang dianjurkan dan mereka merancang untuk mengadakannya semula pada masa akan datang.

## ***MONSOON SYMPOSIUM & GALA DINNER***



FSKPP menutup tahun 2018 dengan penganjuran *Monsoon Symposium & Gala Dinner* pada 28 Disember 2018. Program ini melibatkan semua staf fakulti dan pelajar pascasiswazah. Program dimulakan dengan penganjuran simposium di mana pelajar pascasiswazah akan membentangkan kertas kerja masing-masing dan ia akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik dalam kalangan pensyarah FSKPP. Sebanyak 61 kertas kerja telah dibentangkan di dalam sesi tersebut.

Pada malamnya pula, fakulti menganjurkan majlis makan malam bagi menghargai semua sumbangan staf fakulti di sepanjang tahun 2018. Majlis makan malam tersebut turut dijadikan platform untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam kalangan pelajar dan staf. Program ini telah dijalankan di Mangala Resort, Gambang. Dalam majlis tersebut, terdapat beberapa anugerah dan penghargaan yang diberikan. Kemuncaknya ialah kumpulan penyelidikan *SysNetS* berjaya merangkul anugerah kumpulan penyelidikan paling aktif di sepanjang tahun 2018.

# FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

## PENINGKATAN DALAM PERHUBUNGAN ANTARABANGSA




Pada tahun 2018, jaringan kerjasama pengantarabangsaan terus digiatkan apabila FKM menerima hampir 13 perwakilan institusi mengadakan lawatan ke fakulti. Pada tahun ini juga, Fakulti menandatangani 13 Memorandum Persefahaman (MOU) dan 2 Surat Niat (LOI) dari universiti dan institusi tinggi dari negara-negara seperti India, Indonesia dan Oman.

## PERKONGSIAN TEKNOLOGI PINTAR DENGAN UNIVERSITI NINGXIA KEPADA



Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sentiasa berusaha gigih untuk menjalinkan kerjasama peringkat antarabangsa dengan meningkatkan jumlah pelajar dalam projek mobiliti sama ada *inbound* dan *outbound*. Antara inisiatif pengantarabangsaan, FKM bekerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi peringkat antarabangsa yang berlainan di seluruh dunia untuk menjalankan projek mobiliti untuk bukan sahaja kepada para pelajar tetapi juga turut melibat pensyarah. Pada tahun 2018 sahaja, fakulti menerima sejumlah 22 pelajar masuk (*inbound*) dari China, Indonesia, dan Jerman. Pada tahun yang sama, fakulti menghantar 48 pelajar keluar (*outbound*); 26 daripadanya, disertai oleh Dr. Ahmad Fitri Yusop (sebagai Pensyarah Pelawat), ke Ningxia University, China selama satu semester. Semasa mereka berada di Ningxia University, mereka berpeluang melakukan lawatan perindustrian ke salah satu syarikat perkilangan terbesar, iaitu Kocel Group Limited di Ningxia.

## FKM ANJUR PERSIDANGAN SISWAZAH KEJURUTERAAN MEKANIKAL PERTAMA (IPCME)



Persidangan Siswazah Kejuruteraan Mekanikal Pertama (IPCME) yang julung kalinya diadakan ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar pascasiswazah dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan bimbingan penasihat di kalangan pensyarah dan staf pentadbiran pada 31 Oktober 2018 di Auditorium Perpustakaan, UMP. Persidangan ini meliputi tujuh bidang tematik iaitu *combustion, energy & fuels, human & biomechanics, thermal & fluid engineering, manufacturing system & process, structural integrity* dan *vibration, computational analysis & advanced materials*. Sebanyak 109 kertas kerja telah dikemukakan kepada persidangan ini yang terdiri dari lapan negara dan enam belas institusi yang berlainan. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP, Profesor Dr Rizalman Mamat.

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANCELOR



FKM meraikan Anugerah Kualiti Naib Canselor pertama (AKNC), anugerah antara fakulti yang paling berprestij sejak ia diperkenalkan pada tahun 2012 oleh UMP. Anugerah ini berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan oleh Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian fakulti yang signifikan dalam tiga kriteria utama, iaitu organisasi fakulti, perkhidmatan teras, dan pengurusan pelanggan. Di samping memenuhi ketiga-tiga kriteria utama, FKM sekali lagi meletakkan kedudukannya dalam Kedudukan QS oleh Subjek; satu-satunya di UMP akan disenaraikan di seluruh dunia.

## PROGRAM KOMUNITI



Staf Akademik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UMP berpeluang untuk memberi sumbangan khidmat masyarakat dengan merekacipta 'Kerusi Adam'. Adik Adam, 8, Sekolah Rendah Serandu di Pekan, Malaysia, yang merupakan pelajar pada tahun dua, yang mempunyai *cerebral palsy* sejak lahir dan bergantung kepada *stroller* untuk bergerak. Cerebral palsy adalah satu gangguan di mana otak terjejas hingga mengganggu pergerakan mahupun postur badan penghidapnya. Menyedari *stroller* terlalu kecil baginya untuk bergerak, Timbalan Dekan Akademik & Hal Ehwal Pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki Nik Mohamed, UMP membuat keputusan untuk mereka cipta kerusi roda khas bagi adik Adam. Kerusi Adam dinamakan sempena dengan nama beliau, dijangka membantu Adam menghadapi cabaran masa depan dalam hidupnya.

## PENYERTAAN PD3C 2018



UMP telah menghantar dua kumpulan pelajar untuk menyertai pertandingan PROTON-DRB-HICOM U Concept Car Challenge 2018 atau singkatannya PD3C 2018. Pusingan akhir pertandingan ini yang dijalankan pada 6 hingga 8 Disember 2018 di DRB-Hicom University (DHU), Pekan, Pahang menyaksikan cabaran kepada para peserta muda dalam kalangan UA dan swasta seluruh negara untuk mereka bentuk kenderaan konsep berasaskan model asal proton.

Pasukan *Team Racing@UMP* (TR@UMP) telah menjuarai sesi *pitching session* pada 7 Mac 2018 yang melayakkan mereka untuk menerima dua buah kenderaan model kompak IRIZ dan kenderaan pelbagai guna EXORA untuk diubah suai menjadi kereta konsep untuk pusingan akhir PD3C 2018 kali ini. Dua kumpulan ini terdiri daripada para pelajar FKM dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP. Dana yang ditaja dari FKM, FKP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) universiti dan syarikat D'Man Garage telah diguna pakai untuk menyelesaikan tugas ini.

Terdiri daripada dua kumpulan, iaitu UMP Team 1, yang diketuai oleh Hussein Al-Faiz Bin Mohamed Ahmed Hafez dan diselia oleh dua orang pensyarah, Dr. Azri Alias dan Dr. Mohd Adnin Hamidi. UMP Team 2, yang diketuai oleh Alyxie Anthony dan juga diselia oleh dua orang pensyarah, Dr. Ahmad Fitri Yusop dan Dr. Saiful Anwar Che Ghani. Para pelajar telah diterapkan dengan nilai-nilai lakaran kejuruteraan dan juga kejuruteraan bagi mengubahsuai kenderaan terbabit. Selain itu, pihak DHU juga banyak memberi ilmu dan juga bantuan teknikal bagi menjayakan program ini. Pihak pengurusan FKM juga banyak membantu bagi menjayakan program ini dan meletakkan nama UMP di tahap yang tertinggi bagi kejuruteraan kenderaan automotif.



# FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI (FSTI)

Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mei 2008. FSTI menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri, Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri dan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Bahan. Objektif penubuhan FKM ialah bagi menghasilkan tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam bidang Sains dan Teknologi. Ia selaras dengan usaha untuk meningkatkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran terutamanya bekalan saintis dan jurutera penyelidik (RSE) serta staf sokongan dalam industri berasaskan kimia, petrokimia, oleokimia, hasilan semula jadi dan bahan termaju.

## AKTIVITI KOLABORASI, KONSULTANSI, KHIDMAT TEKNIKAL BERSAMA AGENSI, INDUSTRI

Sepanjang tahun 2018, pihak fakulti telah meneruskan agenda kerjasama bersama industri. Berikut adalah senarai industri yang telah terlibat dengan kerjasama bersama FSTI:

SENARAI INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN	
Institut Latihan Statistik Malaysia Kaneka Malaysia Sdn. Bhd. Jabatan Veterinar ERLA Technologies Sdn. Bhd. Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST) BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. Emery Oleochemicals (M) Sdn. Bhd.	Bio Tree Biotechnology Sdn. Bhd. Petronas Gas Berhad Universitas Aisyiyah Yogyakarta, Indonesia Medical Technology Link Alliance (USA) Kaneka Apical Sdn. Bhd. Royal Society of Chemistry (RSC) Emas Impresif Sdn. Bhd.



Institut Latihan Statistik Malaysia.



Bio Tree Biotechnology Sdn. Bhd.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*



Kaneka Malaysia Sdn. Bhd.



Analytical Technology Section, Petronas Gas Berhad



Jabatan Veterinar Kuantan, Malaysia



Universitas Aisyiyah Yogyakarta, Indonesia



Medical Technology Link Alliance (USA) dan ERLA Technologies Sdn. Bhd.



Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST).



Kaneka Apical Sdn. Bhd.



Royal Society of Chemistry (RSC)



Emas Impresif Sdn. Bhd.



BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.



Emery Oleochemicals (M) Sdn. Bhd.

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (KOLOKIUUM/ *GLOBAL CLASSROOM*)

### KOLOKIUUM/SIMPOSIUM



University of Oxford, United Kingdom



Noritake Co. Ltd, Jepun



Suleyman Demirel University, Kazakhstan



Ming Chi University of Technology, Taiwan



Interscience Sdn. Bhd.



Profesor Pelawat



UMP-Shizuoka University Minisymposium

## GLOBAL CLASSROOM



University of Oxford, United Kingdom



Shizuoka University, Japan



Suleyman Demirel University, Kazakhstan



Universitas Bandar Lampung, Indonesia



Binus University, Indonesia



Universitas Aisyiyah Yogyakarta, Indonesia

## PROGRAM MOBILITI DALAM DAN LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2018, fakulti telah menerima pelajar mobiliti berkehadapan daripada Indonesia, Thailand, China dan India. Di samping pembelajaran formal, pelajar juga didedahkan dengan aktiviti-aktiviti luar seperti kebudayaan dan cara hidup masyarakat setempat serta interaksi dengan komuniti dan industri berkaitan.

Fakulti juga menerima pelajar-pelajar mobiliti daripada universiti tempatan seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sehubungan itu, fakulti juga telah menghantar pelajar-pelajar fakulti menjalani mobiliti ke luar negara seperti ke Thailand, China, Turki, dan Indonesia.



## PROGRAM ANJURAN FSTI



Saintis Turun ke Desa di Sekolah Kebangsaan Kuala Wau, Maran.



*Lighting Up the Community* di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap Murni, Kuantan.



*Chemistry Exploration Programme* di Sekolah Kebangsaan Chong Hwa, Kuantan.



*Math Bootcamp 1.0* di Sekolah Kebangsaan Seri Melati, Sekolah Kebangsaan Mat Kilau dan Sekolah Kebangsaan Bunut Rendang, Kuantan.



Olimpiad Matematik di Maktab Rendah Sains Mara Kuantan dan Pekan, dan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) Kuantan.



Program Jalinan Inovasi UMP di Sekolah Kebangsaan Taman Rinting 2, Johor.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*



Lawatan sekolah ke Fakulti Sains & Teknologi Industri di Sekolah Kebangsaan Liang Batu, Johor, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bera, Pahang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Layang-layang, Johor.



Program *Sustainable Production of Azolla Biomass High Nutrient Feedstock for Veterinary Community* bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pengusaha-pengusaha ternakan daerah Kuantan dan Maran.



# FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

Objektif utama penubuhan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) adalah untuk mengeluarkan tenaga profesional di dalam bidang kejuruteraan pembuatan dan mekatronik serta melahirkan lebih ramai jurutera-jurutera berkompeteren tinggi yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan kehendak industri. Sejak penubuhan FKP pada tahun 2008, FKP telah beroperasi di Kampus UMP Gambang. Pengambilan pelajar pertama telah dilakukan pada sesi pengajian 2008/2009 dengan pelajar seramai 62 orang. Pada Februari 2012, FKP telah beroperasi di UMP Kampus Pekan dan sehingga tahun 2018, FKP mempunyai kekuatan staf akademik dan bukan akademik seramai 73 orang dan jumlah pelajar terkini seramai 778 orang.

## ***SYMPOSIUM ON INTELLIGENT MANUFACTURING AND MECHATRONICS 2018 (SympoSIMM 2018)***



Satu simposium dalam bidang kejuruteraan pembuatan pintar dan mekatronik hasil kerjasama FKP dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang dinamakan *Symposium on Intelligent Manufacturing and Mechatronics* (SympoSIMM 2018) telah dianjurkan di Perpustakaan UMP Pekan, Pahang, Malaysia pada 29 Januari 2018.

Simposium yang berlangsung selama satu hari ini diserikan dengan ucap tama daripada Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff bertajuk *The Ideas of Mechatronics*. Sebanyak 120 permohonan kertas kerja penyelidikan telah diterima, disemak dan dinilai oleh ahli panel penilai dan hanya 65 kertas kerja penyelidikan telah diterima, 15 kertas kerja telah menarik diri dan 40 kertas kerja ditolak atas pelbagai sebab. Kertas kerja yang diterima telah dibahagikan kepada lima bidang kumpulan iaitu *Intelligent Manufacturing, Robotics, Artificial Intelligence, Instrumentation, dan Modelling and Simulation*. Simposium ini mendapat penyertaan penyelidik-penyelidik dari UMP, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Multimedia Universiti (MMU).

## PERSIDANGAN ANTARABANGSA RITA FOKUS PENYELIDIKAN TEKNOLOGI KECERDASAN ROBOT DAN APLIKASI



Persidangan Antarabangsa Teknologi Kecerdasan Robot dan Aplikasinya edisi keenam (ICRITA 2018) di Putrajaya, pada 20 Disember yang bertemakan *Robotics and Machine Intelligence: Building Blocks for Industry* berjaya mengumpul hampir 60 penyertaan dari dalam dan luar negara termasuk Korea, Jepun, Portugal, Australia, Singapore, India, Norway, Columbia, Netherlands dan United Kingdom yang merangkumi ahli akademik, penyelidik, pakar dan pengamal industri bagi mengfokuskan mengenai penyelidikan dalam bidang penyelidikan teknologi kecerdasan robot. Persidangan ini telah dianjurkan oleh Makmal *Innovative Manufacturing, Mechatronics and Sports* (iMAMSLab) di bawah FKP dengan kerjasama Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST). Ia turut mendapat tajaan dan sokongan daripada Korea Robotics Society (KROS), UMP Holdings Sdn. Bhd., Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Malaysia (CREST), Springer, Silterra (Malaysia) Sdn. Bhd., Malaysian Journal of Movement, Health and Exercise, MyDuino.com dan DZUKI Consultancy & Training.

## MoA DENGAN HP MALAYSIA MANUFACTURING SDN. BHD.



Satu majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) di antara UMP dan HP telah berlangsung pada 25 Jun 2018 bertempat di HP, Batu Kawan Pulau Pinang. Ia membabitkan FKP bagi membangunkan Sistem RFID yang dapat meningkatkan kecekapan logistik penghantaran dan semakan produk untuk dimanfaatkan pekerja dalam industri ini. Jaringan kerjasama tersebut merupakan platform terbaik untuk membangunkan pelbagai kaedah dan pendekatan dalam penyelidikan terutama membabitkan teknologi pembuatan di samping bidang-bidang lain berkaitan mengikut keperluan industri. Majlis pertukaran MoA berlangsung di HP Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd., Batu Kawan Pulau Pinang. Hadir mewakili UMP, Profesor FKP, Profesor Dr. Zahari Taha manakala pihak HP Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan, Sunil Chandiramani.

## ANUGERAH PENYELIDIKAN

### MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2018)



Profesor Madya Ir. Dr Faiz Turan dan Puan Kartina Johan telah memenangi pingat emas untuk penemuan mereka dalam *Sustainability Self Assesment - Competency Development Evaluation (SSA-CoDE)* di Ekspo Teknologi Malaysia 2018 (MTE 2018). SSA-CoDE adalah alat yang mempercepat pelaksanaan amalan kemampunan organisasi dalam perniagaan Malaysia. MTE 2018 diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 22 Februari hingga 24 Februari 2018.

### CITREX 2018



Projek penyelidikan yang dijalankan oleh Dr. Mohammad Abdo Hashem bertajuk *Autonomous Road Marks Painting System* memenangi Anugerah Khas Emas dan yang ditaja oleh IBM Centre of Excellence (IBM CoE). Di samping itu juga, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Razlan Yusoff memenangi dua pingat emas menerusi penelidikannya mengenai *Nano-Mmt: Nanocoolant for Martensitic Material Transformation and Sustainable Machining Process*. Dua pelajar memenangi dua pingat emas dalam kategori pelajar.

## PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR



Pada tahun ini, seramai 13 orang pelajar FKP telah terlibat dalam program pertukaran pelajar melibatkan dua buah universiti iaitu Ningxia University (NXU), China dan Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia. Manakala FKP menerima pelajar dari dua buah universiti iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKa), Jerman dan Universiti Ahmad Dahlan (UAD), Indonesia seramai enam orang.

## HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN SEKOLAH KLUSTER



Hasil jaringan strategik FKP UMP dengan sekolah kluster membuahkan hasil apabila pasukan *Dex-rac Racing* dari Sekolah Menengah Sultanah Hajah Kalsom menerima anugerah *FIA Women in Motorsports* dalam pertandingan *F1 in Schools World Finals* di Singapura. Pasukan dengan nama *Dex-rac Racing* tersebut adalah terdiri daripada empat orang ahli iaitu Ainul Jannah Hasim, Nur Sabrina Riduan, Nur Alia Natasha Amizi dan Sofiyya Nabilah Azuddin Shah. Guru pembimbing bersama pelajar ini kerap mengadakan perundingan berkaitan penggunaan teknologi pembangunan prototaip dalam pemesinan dan penggunaan perisian reka bentuk dan analisis serta membina hubungan dengan pelajar universiti dari Indonesia dan Jerman sebagai persiapan model F1. Dengan dibantu Shahandzir Baharom selaku Pembantu Teknikal Pasukan, Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom yang merupakan sekolah angkat atau kluster FKP sejak tahun 2012 ini telah berjaya mengharumkan nama UMP di persada tanah air dan antarabangsa di Amerika dan Singapura.

# FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTeK)

Fakulti Teknologi (FTeK) ditubuhkan pada bulan September 2011 dengan menawarkan dua bidang utama iaitu Pengurusan Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan. FTeK merupakan fakulti pertama di Malaysia yang menawarkan program Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan program Sarjana Muda Pengurusan Projek. Program Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan direka bentuk dengan fokus menjurus ke arah Sains yang menjadikan ia berbeza dengan program lain. FTeK berperanan menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Pengurusan Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan menerusi pendekatan kilang pembelajaran *teaching factory*. Selain itu, objektif fakulti adalah untuk melatih dan menghasilkan graduan profesional yang kompeten. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini fakulti menawarkan program akademik yang mencakupi elemen pengetahuan yang tinggi, kemahiran teknikal/amali, pemikiran kritikal dan pendekatan saintifik, kemahiran komunikasi, kemahiran sosial/kebertanggungjawaban, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran pengurusan dan keusahawanan, profesionalisme serta kemahiran kepimpinan.

## MAKMAL FTeK MENERIMA PERSIJILAN OHSAS 18001:2007 & MS 1722:2011

Pada 1 Februari hingga 4 Februari 2018 Makmal FTeK telah menerima kunjungan juruaudit daripada Bureau Veritas Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi tujuan persijilan OHSAS18001:2007 & MS 1722:2011 bagi skop perkhidmatan dan aktiviti di dalam Makmal Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Hasil daripada audit yang dijalankan tersebut, Makmal FTeK telah memperoleh persijilan OHSAS18001:2007 & MS 1722:2011 dengan jayanya sekali gus meningkatkan lagi keyakinan pemegang taruh terhadap penawaran program di FTeK serta meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Makmal FTeK.



## UMP-TECH MEWAKILI MALAYSIA DI SHELL *ECO-MARATHON* 2018 ASIA



Seramai 35 orang pelajar Sarjana Muda FTek berganding bahu membentuk sebuah pasukan yang dinamakan UMP-TECH bagi menyertai *Shell Eco-Marathon* 2018 bagi kategori *Prototype Electric Battery Vehicle*. Setelah melalui beberapa sesi ujian dan saringan (fasa 1 dan fasa 2), pasukan UMP-TECH telah berjaya terpilih mewakili Malaysia ke pertandingan *Shell Eco-Marathon* 2018 Asia yang telah diadakan di Changi Exhibition Centre Singapura pada 8 hingga 11 Mac 2018. Sebanyak 125 pasukan termasuk UMP-TECH yang telah melepasi peringkat akhir saringan melalui tiga peringkat.

Kenderaan yang diketengahkan oleh UMP-TECH dalam pertandingan ini dinamakan sebagai *EV-Tech* dengan menggunakan kuasa Bateri Elektrik (60 volt/ 1000watt). Antara pencapaian yang diperolehi pasukan UMP-TECH adalah:

1. Pasukan terbaik Malaysia bagi kategori prototaip bateri elektrik;
2. Pasukan kesembilan terpentas Asia sesi pemeriksaan teknikal dan keselamatan; dan
3. Pasukan ke-14 terbaik Asia keseluruhan dengan catatan kadar kecekapan kuasa 84 kwh/km.

## PROGRAM SWITCHING ON GREEN TECHNOLOGY(SOGT)

Program *Switching on Green Technology (SOGT)* telah dilaksanakan secara dua fasa melibatkan penyertaan guru-guru dan murid-murid sekolah terpilih di negeri Pahang serta penduduk setempat. Secara dasarnya, matlamat dan tujuan program ini untuk mengembangkan capaian kesedaran, pendidikan dan pemindahan ilmu kepada guru-guru dan murid-murid sebagai ejen perubahan berkaitan dengan penghasilan tenaga elektrik daripada tenaga suria.

### FASA 1



Program *Switching on Green Technology* Fasa 1 (SOGT 1) telah diadakan pada 10 hingga 11 Julai 2018 bertempat Dewan Astaka UMP Kampus Gambang. Program ini dijalankan secara kerjasama antara FTeK dengan MALAKOFF Corporation Berhad dan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia. Program ini disasarkan kepada sekolah-sekolah terpilih di negeri Pahang yang menjadi jaringan terdekat dengan lokasi UMP. Seramai 200 orang peserta dari kalangan guru dan murid sekolah telah hadir mengikuti program ini dengan jayanya. Objektif utama program ini adalah untuk pemindahan ilmu berkaitan teknologi solar secara asas dan memberi latihan praktikal secara berkesan bagi memastikan teknologi tersebut dapat diaplikasikan secara meluas sejajar dengan perkembangan STEM dan Teknologi Hijau di sekolah-sekolah.

### FASA 2



Program *Switching on Green Technology* Fasa 2 (SOGT 2) dilaksanakan secara kerjasama di antara FTeK dengan Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia (JPS) pada 21 hingga 23 September 2018 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tekek dan KEMAS Kampung Tekek, Pulau Tioman. Program ini disasarkan kepada sekolah terpilih di Pulau Tioman yang tidak berpeluang menyertai program SOGT 1 di UMP. Pada masa yang sama, program ini juga telah diperluas melibatkan masyarakat setempat melalui program pemindahan ilmu berkaitan teknologi solar secara asas dan latihan praktikal secara berkesan bagi memastikan teknologi tersebut dapat diaplikasikan secara meluas sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

## LAWATAN DAN SESI PERKONGSIAN ILMU



Pada 2 Mei 2018, *Vice Provost for Faculty Affair, Office of The Provost*, Northern Illinois University (NIU), Profesor Dr. Murali Krishnamurthi telah mengadakan lawatan kerja dan sesi perkongsian ilmu bersama warga FTeK bertempat Dewan Senat Canseleri UMP Kampus Gambang. Sesi Perkongsian Ilmu membincangkan beberapa perkara seperti Program Mobiliti Staf Antarabangsa, Revolusi Industri 4.0 dan isu-isu berkaitan program Teknologi Kejuruteraan serta persediaan *Accreditation Board for Engineering and Technology* (ABET) bagi tiga program akademik di FTeK yang ditawarkan secara Dwijjazah (Program Kerjasama Dengan NIU, USA) iaitu program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Tenaga dan Persekitaran) dengan Kepujian. Sebelum itu, majlis makan malam telah diadakan di San Feng Chinese Restaurant, The Zenith Hotel pada 1 Mei 2018 bagi meraikan kedatangan pertama kali Profesor Dr. Murali Krishnamurthi ke negeri Pahang khususnya UMP. Majlis turut dihadiri Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP.

## PROGRAM BAKTI IHSAN FTeK PRIHATIN SIRI 1



Program Bakti Ihsan FTeK Prihatin Siri 1 telah dilaksanakan pada 11 Jun 2018 di sekitar daerah Kuantan dengan mengambil semangat bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Warga FTeK tidak melepaskan peluang untuk turut sama melakukan amal jariah melalui perkongsian rezeki dengan asnaf dan fakir miskin untuk persediaan mereka menyambut ketibaan Syawal. Melalui program ini, FTeK telah menyampaikan sumbangan berupa bahan makanan asas kepada 100 buah keluarga yang dikenal pasti melalui kerjasama pihak Majlis Ugama Islam Daerah Kuantan (MUIP) yang membekalkan senarai nama asnaf di sekitar daerah Kuantan. Matlamat program ini selain daripada memupuk budaya tolong-menolong dan bantu-membantu sesama masyarakat yang memerlukan, ia juga sebagai tanda keprihatinan warga FTeK terhadap komuniti dan masyarakat setempat yang kurang berkemampuan.



## MAHASISWA FTeK JOHAN PERTANDINGAN *INDUSTRIAL HYGIENE CATALYST COMMITTEE (IH2C) INTERVARSITY SHORT VIDEO COMPETITION*



Pada 29 November 2018, dua kumpulan mahasiswa FTeK (*Safety Memeda dan OSHCrew Gen9*) telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan *Industrial Hygiene Catalyst Committee (IH2C) Intersarsity Short Video Competition* Sempena penganjuran *5th Scientific Conference on Occupational Safety and Health (SciCOSH 2018)* anjuran Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH). Kumpulan ini masing-masing telah memenangi johan bagi dua kategori Bunyi Bising (*Noise*) Exposition dan Ergonomik (*Ergonomic*). Mereka telah berjaya membawa pulang hadiah bernilai RM1,000.00 bagi setiap kategori dimenangi. Pertandingan terbahagi kepada tiga kategori iaitu bunyi bising (*noise*) Exposure, kimia (*chemical*) dan ergonomik (*ergonomic*) dengan melibatkan sebanyak 115 penyertaan dari seluruh universiti di Malaysia.

## FTeK *PRODUCT DESIGN & TECHNOLOGY EXHIBITION 2018*



Sebanyak 165 poster projek pelajar tahun akhir FTeK yang daripada 290 pelajar tahun akhir FTeK telah dipamerkan di *FTeK Product Design & Technology Exhibition 2018* bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 19 Disember 2018. Pembangunan projek ini merupakan salah satu kursus wajib yang perlu diikuti pelajar-pelajar tahun akhir FTeK. Pameran ini diadakan secara tahunan bagi memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar mempersembahkan hasil kajian dan produk yang mereka bangunkan kepada juri profesional yang terdiri daripada wakil industri dan ahli akademik. Tiga projek yang paling inovatif telah dipilih untuk menerima anugerah khas dan hadiah berupa wang tunai *Diamond* (RM1,000), *Platinum* (RM500) dan *Double Gold* (RM300) tajaan FTeK.

## FAKULTI PENGURUSAN INDUSTRI (FPI)

Fakulti Pengurusan Industri (FPI) ditubuhkan pada bulan Julai 2014 dan menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian (Dengan Kerjasama Reutlingen University, Jerman).

### AKREDITASI CILT UK DAN AKREDITASI GAC PMI



Pada Oktober 2018, FPI telah mendapat *Akreditasi daripada Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT, UK)* bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian. Akreditasi tersebut secara automatiknya melayakkan graduan mendapat pengecualian bagi syarat keperluan akademik sepertimana yang telah ditetapkan oleh CILT untuk memohon *Membership (MILT)* atau *Chartered Membership (CMILT)* bermula September 2018. Manakala pada Julai 2018 pula, pihak fakulti telah membuat permohonan akreditasi dengan pihak *Global Accreditation Centre for Project Management Education Programs (GAC PMI)*. GAC merupakan badan akreditasi terulung bagi pengurusan projek dan program-program sarjana lain yang berkaitan baik di peringkat sarjana muda sehinggalah ke peringkat program siswazah. Pada Mac 2019, satu Lawatan Akreditasi telah dijadualkan ke UMP bagi tujuan penilaian.

### GRADUATE SUMMER PROGRAMME 2018



Enam belas pelajar Master of Business Administration (MBA) dari GRG School of Management Studies (GRGSMS), Coimbatore, India mengikuti *Graduate Summer Programme* selama dua minggu di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) bermula 30 Jun sehingga 13 Julai 2018.

## GRADUAN PERTAMA PROGRAM *BUSINESS ENGINEERING* UMP PADA MAJLIS KONVOKESYEN KE-13 UMP



Pada November 2018, buat pertama kalinya program Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dengan kerjasama ESB *Business School*, Reutligen University, Germany menghasilkan graduan pertama pada Majlis Konvokesyen Ke-13 UMP. Lima graduan tersebut ialah Fleck Felix Oliver, Simon Julius Funken, Constantin Gehling, Natalie Christiane Isabella Gerth, dan Theresa Stohr. Kelima-lima graduan ini mula mengikuti pengajian di UMP pada September 2016 yang lalu dan telah menghabiskan dua tahun pengajian mereka di sini dan turut mengikuti penempatan industri. Kecemerlangan graduan tersebut membuktikan bahawa program kerjasama akademik ini merupakan sebuah program yang berkualiti, berdaya saing dan mampu menghasilkan graduan pelbagai negara. Graduan tersebut juga dimaklumkan telah mendapat pekerjaan di negara masing-masing dan ada yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

## CONFERENCE ON ICBIEM 2018



FPI telah menganjurkan '1st International Conference on Business Intelligence, Industrial Engineering and Management (ICBIEM 2018)' pada 11 dan 12 Disember 2018 di UMP Kampus Gambang. ICBIEM 2018 adalah persidangan antarabangsa yang menyasarkan untuk menyebarkan, membincangkan dan mengumpulkan pengetahuan tentang teori, isu dan amalan terkini dalam bidang multidisiplin yang berkaitan dengan industri. Misi ICBIEM 2018 adalah untuk menyokong dan menggalakkan para sarjana di seluruh dunia berkongsi pengetahuan mereka dan menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal yang bereputasi yang pada akhirnya akan menyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi.

## PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN (PBMSK)

Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan (PBMSK) ditubuhkan pada Mei 2002 dan ia dikenali sebagai Sekolah Sains Sosial sebelum ia dinamakan semula sebagai PBMSK pada April 2003. Ia terdiri daripada empat jabatan utama iaitu Jabatan Bahasa Inggeris (DEL), Jabatan Sains Kemanusiaan (DHS), Jabatan Bahasa Asing (DFL) dan Jabatan kemahiran Insaniah (DSS). Selain daripada itu, PBMSK juga mempunyai sebuah pusat iaitu Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan Cina (MLCC) iaitu sebuah projek kerjasama di antara UMP dan Universiti Hebei, China

Objektif penubuhan PBMSK adalah sebagai hab pembelajaran untuk peningkatan bahasa, komunikasi dan pembangunan kemahiran sumber manusia pelajar, staf akademik dan juga pelanggan. Di samping itu, ia juga memainkan peranan utama dalam menyokong fakulti dan pusat pembelajaran untuk menyediakan kursus dan latihan dalam bidang yang berkaitan di universiti.

## PERSIDANGAN *2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON LANGUAGE LEARNING AND TEACHING (ICoLLT) 2018*



Persidangan *2<sup>nd</sup> International Conference on Language Learning and Teaching (ICoLLT)* anjuran PBMSK telah diadakan pada 25 hingga 26 Jun 2018. Persidangan yang bertemakan *Innovation and Global Challenges in Language Education* ini telah dirasmikan oleh Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab. Seramai 100 orang peserta daripada pelbagai IPT tempatan serta luar negara dan juga guru sekolah rendah dan menengah telah menghadiri persidangan ini. Persidangan yang diadakan dua tahun sekali ini memberi *platform* kepada ahli akademik untuk berkongsi dan menyebarkan pengetahuan mengenai ilmu, teknik dan kaedah terbaik bagi pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa di sekolah dan juga universiti.

## PROGRAM TRIZ DI UMP



TRIZ telah dipraktikkan oleh lebih 50 buah negara di dunia. Antara syarikat terkemuka yang menggunakan TRIZ di dalam jabatan penyelidikan dan pembangunan produk masing-masing adalah Alibaba, Adidas, Facebook, Intel, Apple, Samsung, Rolls-Royce, Bentley Motors, Nissan, British Nuclear Group, Esso, Glaxo, Pilkington, Amazon, Microsoft, IBM, General Electrics dan HTC. Penggunaan TRIZ di dalam *Soft Skills 2* akan membantu menambah nilai Graduan *Employability* pelajar UMP memandangkan TRIZ digunakan di kebanyakan syarikat-syarikat.

## PERLANCARAN SUDUT BAHASA MELAYU SEMPENA PROGRAM HILANG BAHASA LENYAPLAH BANGSA



Salah satu inisiatif untuk memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu sekaligus memperkasakan sebagai bahasa tamadun tinggi, seramai 38 ahli pelajar Briged Siswa Seksyen 16g Semester 1 Sesi 2018/19 telah merangka satu program Sudut Bahasa Melayu yang bertemakan 'Hilang Bahasa Lenyaplah Bangsa' dengan kerjasama Pusat Kokurikulum, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Jabatan Bahasa Asing PBMSK, Perpustakaan UMP, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negeri Pahang dan Perpustakaan Negara yang telah berlangsung dengan jayanya pada 21 November 2018 di perkarangan Perpustakaan UMP Kampus Pekan.

## **BENKEL *INTEGRATING TECHNOLOGY IN ENGLISH LANGUAGE TEACHING AND LEARNING***



Dalam usaha menyokong agenda Revolusi Industri ke Empat (IR 4.0) dalam konteks pendidikan bahasa, keperluan untuk mengintegrasikan teknologi kepada P&P bahasa amatlah penting. Justeru, usaha yang diambil untuk menggunakan teknologi adalah satu langkah awal yang baik. Sehubungan itu, satu bengkel tentang agenda ini telah diadakan oleh PBMSK pada 14 Disember 2018 di Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang.

Seramai 60 orang peserta daripada pelbagai institusi pendidikan seperti guru sekolah di Kuantan iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Abd Rahman Talib (SMART), Sekolah Kebangsaan LKTP Panching Selatan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Mahkota. Peserta juga terdiri daripada para pensyarah daripada Universiti Kolej Widad, Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Kolej Profesional MARA dan Kolej Matrikulasi, Pahang termasuk juga pegawai Pendidikan Daerah (DEO).

Bengkel ini mengetengahkan aplikasi penggunaan Web 2.0 seperti *Quizlet* yang disampaikan oleh Dr. Azwin Arif Abdul Rahim dan Dr. Nor Yazid Khamis. Peserta dilibatkan dalam pelajaran *game* menggunakan *Quizlet* yang memerlukan penggunaan pengajaran kolaboratif, aktif dan kemahiran berkomunikasi sesama sendiri yang akhirnya mewujudkan sesi pengajaran yang menggemirakan. Malah mereka juga didedahkan bagaimana membangunkan pengajaran menggunakan *Quizlet*.

Sesi seterusnya adalah penerangan tentang program pasca siswazah di PBMSK yang menawarkan Program *Master of Science in Technology Integrated Language Studies* (M.Sc.TiLS) yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan diakhiri dengan taklimat pembiayaan kewangan oleh Aisyahruil Azyati Abdullah daripada Bank Rakyat. Pada akhir sesi para peserta diharap mendapat banyak manfaat dan mampu untuk membangunkan permainan yang diajar dalam kelas mereka.

# PUSAT KECEMERLANGAN (CoE)



# PUSAT KELESTARIAN SUMBER BUMI (ERAS)



Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2018 pada 19 Februari 2018 telah bersetuju meluluskan cadangan penggabungan Pusat Kajian Nadir Bumi atau *Rare Earth Research Centre* (RERC) dengan Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam atau *Centre For Earth Resources Research & Management* (CERRM) dan dikenali sebagai Pusat Kelestarian Sumber Bumi atau *Earth Resources & Sustainability Centre* (ERAS).

Penggabungan ini adalah bagi memastikan UMP terus dapat merebut peluang meraih projek-projek penyelidikan dan perundingan selain menyokong agenda pembangunan negara melalui Rancangan Fizikal Negara Ke-2 (RFN 2). RFN Ke-2 adalah merupakan rangka kerja strategik jangka panjang bagi polisi spatial negara merangkumi langkah-langkah yang diperlukan dalam membentuk hala tuju dan corak guna tanah, pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan fizikal sehingga tahun 2020 bagi Semenanjung Malaysia.

Ia juga adalah usaha untuk membina dan mengukuhkan lagi imej terdahulu CERRM dan RERC dalam kalangan pelabur berpotensi kepada suatu jenama baharu iaitu ERAS yang lebih komited dan mampu memberikan kualiti terbaik dalam setiap projek penyelidikan dan perundingan yang disertai.

Membuka peluang kepada ERAS untuk menguasai bidang pengurusan dan kelestarian sumber bumi yang dijangka akan terus diberikan perhatian oleh semua pihak dalam menuju Wawasan 2020 dan juga sejajar dengan pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Penguksuhan semula melalui proses penggabungan dan penjenamaan ini juga adalah penting bagi membantu ERAS dan UMP khususnya dalam memainkan peranan aktif berkaitan isu-isu alam sekitar dan pencemaran selain menjadi tempat rujukan utama pelbagai pihak dalam menyediakan perkhidmatan sokongan dan pelan tindakan kecemasan dalam isu-isu alam sekitar dan pengurusan sumber bumi secara lestari di Malaysia khususnya di negeri Pahang Darul Makmur sendiri.

## PROJEK PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN	KETUA PENYELIDIK	JANGKAMASA PROJEK	AMAUN DILULUSKAN (RM)
<i>Feasibility Survey For Utilizing Super Well Point Method for Soft Ground Improvement and Flood Prevention, Malaysia</i> - Geran Antarabangsa JICA	Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan	2018 – 2019	130,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>130,000.00</b>



## PROJEK PERUNDINGAN & KONSULTANSI

TAJUK PROJEK	VOT PROJEK	KOS PROJEK (RM)
Penyediaan <i>Material Analysis Report (Armourstone) Volume II</i> bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II, Parcel II.	UCT1801116	6,837.00
Penyediaan Laporan Interim Data-data Khusus Geoteknik (Volume VIII) yang merangkumi <i>Field Density Testing &amp; Standard Proctor Test</i> dan Laporan <i>Roadbase &amp; Subbase Volume VI (CBR In-Situ)</i> termasuk kerja-kerja berkaitan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir.	UCT1801104	5,851.20
Penyediaan Laporan Interim Data-data Khusus Geoteknik (Volume VII) yang merangkumi <i>Field Density Testing &amp; Standard Proctor Test</i> termasuk kerja-kerja berkaitan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Pekan Pahang Fasa II.	UCT1801093	4,261.19
Penyediaan Laporan <i>Material Quality Analysis &amp; Kerja-kerja Berkaitan</i> Bagi Projek Membina & Menyiapkan Masjid Baru Benta, Lipis Pahang.	UCT1801092	18,600
Penyediaan <i>Material Analysis Report (Armourstone)</i> bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan Fasa II, Parcel II.	UCT1801078	6,450.00
Penyediaan Laporan <i>Mackintosh Probe Test Volume II &amp; Laporan Interim FDT &amp; Standard Proctor Test Volume 6</i> bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Pekan Pahang Fasa II.	UCT1801076	28,040.00
Penyediaan <i>Material Analysis Report</i> Bagi Projek Membina dan Menyiapkan Klinik Kesihatan Jenis 7B (Tanjung), Kampung Kuala Wau, Daerah Maran, Pahang Darul Makmur.	UCT1801074	4,950.00
Cadangan Reka Bentuk dan Ubah Suai Dapur Rumah Lot 554, Lorong 12, Taman Gambang Damai, Kuantan, Pahang.	UCT1801065	500.00
Penyediaan <i>Soil Analysis Report (Acidity Test &amp; Mackintosh Probe Test)</i> termasuk Data-data Khusus Geoteknik dan Kerja-kerja berkaitan bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Pekan Pahang Fasa II.	UCT1801055	4,980.00
Penyediaan Laporan <i>Roadbase &amp; Subbase Volume 5</i> , Laporan <i>Unsuitable Material Analysis Volume 18</i> & Laporan Interim <i>FDT &amp; Proctor Test Volume 5</i> bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Bandar Pekan, Pekan Pahang Fasa II	UCT1801050	23,120.00
Kajian Pasaran dan Latar Belakang Industri Perlombongan di Malaysia.	UCT1801049	383.56
<i>Single Beam Crack Analysis Checking For Lot 3907 Shop Lot</i> , Taman Layout Padang Luas, 22000 Jertih , Besut, Terengganu.	UCT1801045	500.00
<i>Timber Formwork Assessment For Lot 3907 Shop Lot</i> , Taman Layout Padang Luas, 22000 Jertih, Besut, Terengganu.	UCT1801044	500.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>104,972.95</b>

## KEJAYAAN PENYELIDIKAN

PENYELIDIK	TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN	PAMERAN	ANUGERAH
Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan	Encased Bottom Ash Column (EBAC): A Technology for Sustainable Contraction.	<i>British Invention Show</i> (BIS 2018)	<i>Double Gold</i> dan <i>Emas</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy</li> <li>▪ Dr. Fadzil Mat Yahaya</li> <li>▪ Muhammad Nazrin Akmal Ahmad Zawawi</li> <li>▪ Mohd Hanafi Hashim,</li> <li>▪ Mohamad Hafizuddin Rasid</li> <li>▪ Nur Azzimah Zamri</li> <li>▪ Ir. Dr. Saffuan Wan Ahmad</li> </ul>	<i>ECO-LITCRETE : From Waste To Wealth</i>	<i>International Invention &amp; Innovation Exhibition</i> (ITEX 2018)	Emas
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dr. Sharifah Maszura Syed Mohsin,</li> <li>▪ Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy</li> <li>▪ Dr. Nurfarhayu Ariffin</li> <li>▪ Sayed Javid Azimi</li> <li>▪ Abdullah Omar Baarimah</li> <li>▪ Dr. Gul Ahmed Jokhio</li> </ul>	<i>KENCRETE – Green Material for Building Structures</i>	<i>International Invention &amp; Innovation Exhibition</i> (ITEX 2018)	Emas
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan</li> <li>▪ Anas Mohamad Husian Kassim</li> <li>▪ Wan Nursyafiqah Wan Jusoh</li> <li>▪ Norhayani Pangee</li> </ul>	<i>Encapsulated Polypropylene (PP) Column: Sustainable Ground Improvement Method</i>	<i>Malaysia Technology Expo</i> (MTE 2018)	Emas dan <i>Best Of The Best Award</i> (Anugerah Khas)
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dr. Ngien Su Kong</li> <li>▪ Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.</li> </ul>	<i>Peak Flow Factor in Sanitary Flow System</i>	<i>Malaysia Technology Expo</i> (MTE 2018)	Perak
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy</li> <li>▪ Ir. Dr. Saffuan Wan Ahmad</li> <li>▪ Shariza Mat Aris</li> <li>▪ Dr. Fadzil Mat Yahaya</li> <li>▪ Dr. Nurul Nadrah Aqilah Tukimat</li> <li>▪ Dr. Nurfarhayu Ariffin</li> </ul>	<i>Environmental Friendly Brick – Everly Brick</i>	<i>Malaysia Technology Expo</i> (MTE 2018)	Gangsa
Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan	<i>COCO-SHELL Concrete Pile Foundation</i>	<i>Creation Innovation Technology Research Exposition</i> (CITREx) 2018	Emas

PENYELIDIK	TAJUK PROJEK PENYELIDIKAN	PAMERAN	ANUGERAH
Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy	<i>ECO-LITECRETE: From Trash To Fortune</i>	<i>Creation Innovation Technology Research Exposition (CITREx) 2018</i>	Emas
Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy	<i>Clin Brick: Fight For The Earth</i>	<i>Creation Innovation Technology Research Exposition (CITREx) 2018</i>	Emas
Dr. Abdul Aziz Mohd Azoddein	<i>Mercury Spillage Kit (MERKIT)</i>	<i>Creation Innovation Technology Research Exposition (CITREx) 2018</i>	Emas
Profesor Madya Dr. Khairunisa Muthusamy	<i>Sun Crete : Lesser Waste, Greener World</i>	<i>Creation Innovation Technology Research Exposition (CITREx) 2018</i>	Perak

## TAJAJAN/SUMBANGAN/ GIFT

TAJUK	KETUA PENYELIDIK	AGENSI	JUMLAH TAJAJAN
<i>Laboratory Testing For Geotechnical Properties of Kuantan Bauxite Samples</i>	Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan	Yamaguchi University	RM50,000.00 (JPY1,500,000.00)

## UMP RAIH GERAN ANTARABANGSA JICA



UMP sekali lagi menempa nama di peringkat antarabangsa apabila staf akademiknya, Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan telah berjaya meraih Geran Antarabangsa *Japan International Cooperation Agency* (JICA) dari negara Jepun pada 17 Oktober 2018.

Geran Antarabangsa berjumlah RM130,000.00 (JPY3,500,000.00) ini telah dipohon oleh Pusat Kelestarian Sumber Bumi (*Earth Resources & Sustainability Centre – ERAS*), UMP melalui rakan kerjasama strategik syarikat Asahitechno Co. Ltd., Jepun, bagi menjalankan penyelidikan bertajuk *Feasibility Survey for Utilizing Super Well Point Method for Soft Ground Improvement & Flood Prevention, Malaysia*. Satu majlis pemeteraian Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement – MoA*) telah diadakan di Dewan Bankuet, Canseleri Tun Abdul Razak, UMP di antara UMP dan Asahitechno Co. Ltd. UMP diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim sementara Asahitechno Co. Ltd diwakili oleh Presiden, Shigeyoshi Takahashi.

# PUSAT KECEMERLANGAN IBM



Pusat Kecemerlangan IBM (IBM CoE), merupakan salah sebuah pusat kecemerlangan yang terdapat di UMP melalui inisiatif Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP). Majlis Pelancaran penubuhan IBM CoE telah disempurnakan pada 9 Mac 2011 melalui perakuan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMP pada 10 Jun 2011. Penubuhan IBM CoE ini adalah merupakan salah satu perancangan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dalam KRA 2 iaitu kelestarian kewangan dimana Pusat Kecemerlangan berperanan untuk meningkatkan pendapatan universiti melalui khidmat perundingan dan teknikal, Latihan Profesional dan geran penyelidikan. Bagi tahun 2018, IBM CoE dalam usaha menjalinkan kolaborasi dengan pelbagai industri dan universiti di seluruh Malaysia. Kolaborasi ini bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama dan mencari potensi dalam menawarkan perkhidmatan yang ditawarkan di IBM CoE terutama dalam dunia teknologi maklumat. Antaranya syarikat dan universiti tersebut adalah:

- Management and Science University
- Mydin Holdings Berhad
- University of California, Los Angeles
- Pelabuhan Bintulu, Sabah
- Infor (Malaysia) Sdn. Bhd.
- ACE Identity
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)
- DRB-Hicom University of Automotive Malaysia
- East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Tenaga Switchgear Sdn. Bhd. (TSG)

## ***MOBILE WALLET & CERTIFICATED AUTHENTICATION (BLOCKCHAIN)***



Pusat Kecemerlangan IBM membangunkan dua aplikasi iaitu UMP CXhange (*Mobile Wallet*) & UMP Valid8 (*Certificated Authentication*) yang menggunakan kaedah teknologi *Blockchain*. *Blockchain* menggunakan konsep data dikongsi bersama secara pantas merentasi rangkaian dan pelbagai tapak (*distributed Ledger Concept*) yang mana data tidak berpusat dan hampir mustahil untuk digodam dan

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## Memasyarakatkan Teknologi


dimanipulasikan. Aplikasi ini menggunakan Unik Identiti iaitu QR Code kepada teknologi Blockchain. QR Code merupakan sistem 2D barcode yang banyak digunakan dalam pelbagai domain.

## SUMMER COURSE FOR LUTCHINA



IBM CoE menjalankan latihan dengan penyertaan pelajar pertukaran negara dari China di bawah kelolaan Pejabat Antarabangsa (IO). Kursus ini mendedahkan peserta dengan perkakasan bagi tujuan penggubahan (mengubah, menggabung dan mencantikkan) fail video, gambar dan bunyi. Semasa kursus dijalankan, peserta dikehendaki terus mengaplikasikan pembelajaran ini dalam menggubah fail video berkenaan lawatan mereka ke Malaysia.

## CORBEAU CHATBOT FOR BMMB SOP



Satu kerjasama telah dijalankan di antara IBM CoE bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dalam membangunkan aplikasi *Hi Muamalat* versi *mobile* (*Android* dan *iOS*) dan laman sesawang. *Hi Muamalat* adalah aplikasi *Chatbot* yang dibangunkan menggunakan enjin *Corbeau* hasil penyelidikan oleh IBM CoE. Aplikasi *Chatbot* ini adalah dibangunkan bagi kegunaan staf BMMB

dalam mendapatkan maklumat berkaitan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang terdiri daripada empat kategori iaitu HR SOP, *Operating Division* SOP, AMLA SOP dan juga *Whistle Blowing* SOP.

## ***INFOR MONGOOSE TRAINING***



Pada 18 sehingga 27 September 2018, IBM CoE dengan kerjasama *Infor* telah dijalankan satu latihan berkenaan *Infor Mongoose*. Latihan ini telah melibatkan seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan juga staf dari Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK). *Mongoose* adalah satu subjek efektif yang akan diserapkan ke dalam FSKKP.

## ***MALAYSIA MARINE AND HEAVY ENGINEERING SDN. BHD. (MMHE) (TO DEVELOP, TO TEST, TO DEPLOY A MOBILE SOLUTION IN ANDROID MOBILE OPERATING SYSTEMS FOR CONSTRUCTION PROGRESS TRACKING (CPT SYSTEM)***

IBM CoE telah membangunkan satu aplikasi mudah alih untuk mengesan perkembangan dan status bagi operasi di tapak pembinaan Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd. (MMHE). Melalui aplikasi ini, pekerja di MMHE boleh mengemas kini status bagi kerja-kerja yang dijalankan secara dalam talian dari tapak operasi tanpa perlu melaporkan secara manual.

## ***E-BOOK CONVOCATION***



Aplikasi ini telah dibangunkan sebagai satu sumber rujukan serta maklumat bagi majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang. Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan bakal graduan dan tetamu mendapatkan maklumat berkenaan Majlis Konvokesyen. Di dalam aplikasi ini terdapat maklumat berkenaan buku cenderamata konvokesyen, aktiviti dan maklumat sepanjang Majlis Konvokesyen berlangsung. Buku Konvokesyen pada tahun ini telah digitalize ke dalam aplikasi ini dengan konsep mesra pengguna dan mudah untuk diakses.



## LAWATAN KERJA RASMI KE UNIVERSITY SOUTHERN CALIFORNIA, LOS ANGELES



Pada 15 hingga 18 November 2018, Pengarah IBM CoE, Dr. Mohamed Ariff Ameen telah mengadakan satu Lawatan Kerja Rasmi ke Universiti Southern California, Los Angeles bagi membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan *Blockchain* bersama *Blockchain Research Center*. Lawatan kerja rasmi ini juga bertujuan sebagai satu platform tambahan kepada IBM CoE dan juga UMP khasnya untuk mempromosikan UMP di luar negara selain mendapatkan tajaan dalam bidang penyelidikan antarabangsa.

## *IEEE FUTURE TECHNOLOGIES CONFERENCE (FET 2018)*



Pada 13 hingga 14 November 2018, Pengarah IBM CoE, Dr. Mohamed Ariff Ameen menghadiri satu persidangan IEEE FUTURE TECHNOLOGIES CONFERENCE (FET 2018) yang diadakan di Vancouver, Kanada. Ketika persidangan ini, Dr. Mohamed Ariff Ameen telah mempersembahkan berkenaan produk *Chatbot* yang telah dibangunkan oleh IBM CoE.

## UMP - IBM Z ACADEMY INITIATIVE PROGRAM - INDUSTRIAL TALK



Program ini adalah satu usaha sama daripada IBM CoE dengan IBM Malaysia dan HeiTech Padu. Program ini juga merupakan salah satu program tahunan IBM CoE. Tujuan perkongsian ini dijalankan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai Sistem Zos yang telah diserapkan sebagai subjek efektif bagi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP). Pengenalan teknologi baharu ini didedahkan bagi membantu para pelajar melihat perkembangan dunia teknologi terkini.

Selain itu juga, program ini juga dapat membantu pelajar tahun akhir memilih bidang yang akan diceburi bagi latihan industri dan kerjaya kelak. Program ini telah dijalankan pada 19 Disember 2018 bertempat di ZDK 04, UMP (Kampus Gambang). Pada 20 Disember 2018 pula diadakan Sesi Temu Duga Bersama Pihak Heitech Padu Berhad bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang. Alumni FSKKP UMP turut serta di dalam *Industrial Talk* ini bagi berkongsi pengalaman mereka sepanjang berkhidmat di Heitech Padu.

# PUSAT KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (AEC)



Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) telah mengadakan beberapa kerjasama dengan pelbagai rakan sektor automotif seperti Sapura Industrial & Miyazu Malaysia menerusi konsep Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) selain HICOM Automotive Manufacturers & Modenas. AEC juga turut menjalinkan kerjasama dengan Pusat Penyelidikan Automotif (CAR) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), institusi pengajian luar negara seperti National Kaohsiung University of Applied Science (KUAS) of Taiwan, Japan Iwate University of Japan (IWATE) dan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI).

Objektif AEC adalah komited dalam menjadikan AEC sebagai Pusat Penyelidikan Berimpak Tinggi (HICoE) dalam penyelidikan kejuruteraan automotif yang berkaitan dalam tempoh sepuluh tahun, berusaha mengukuhkan rangkaian dan menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan institusi penyelidikan automotif tempatan dan antarabangsa, institusi pengajian tinggi dan industri berkaitan dan membangunkan sejumlah tenaga penyelidik profesional berinovatif dalam bidang kejuruteraan automotif dan jurutera automotif dengan integriti yang utuh.

## ***INTERNATIONAL CONFERENCE ON AUTOMOTIVE INNOVATION AND GREEN ENERGY VEHICLE (AiGEV 2018)***



AEC berjaya melaksanakan persidangan kali ketiga *International Conference On Automotive Innovation and Green Energy Vehicle Conference (AiGEV 2018)* pada 25 hingga 26 Julai 2018 bertempat di Hotel Seri Manja Boutique Kuantan, Pahang. Persidangan yang melibatkan ahli akademik, pelajar pascasiswazah, ahli profesional dan industri ini merupakan platform bagi para penyelidik dalam membentangkan kertas kerja berkaitan teknologi-teknologi terkini dan mempertingkatkan lagi penyelidikan dalam bidang kejuruteraan teknologi hijau, pengangkutan, keselamatan, produk dan perkhidmatan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah selaku Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) UMP manakala *Keynote Speaker* yang telah dijemput adalah Profesor Ir. Dr. Azhar Dato' Abdul Aziz daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Profesor Dr. Horizon Walker Gitano-Briggs daripada *Focus Applied Technologies*. Persidangan AiGEV 2018 kali ini telah disertai seramai 68 orang peserta dari pelbagai universiti, pusat penyelidikan dan latihan serta industri dalam dan luar negara. Diantara peserta dari luar negara yang terlibat adalah University of Meiji, Jepun, Baghdad Institute Middle Technology University, Iraq, University of Ulsan, Korea Selatan, Prince of Songkla University, Thailand, Institut Sains & Technology Akprind Yogyakarta, Indonesia dan Al-Furat Al-Awsat Technical University, Iraq.

## PENGANJURAN BERSAMA PERSIDANGAN *INTERNATIONAL CONFERENCE ON SCIENCE, ENGINEERING & TECHNOLOGY (i-SET2018)* DAN *INTERNATIONAL CONFERENCE ON BUSINESS MANAGEMENT & SOCIAL SCIENCE (i-BUSS2018)*




UMP melalui AEC bersama dengan Riset, Teknologi dan Pendidikan Tinggi Aceh (KOPERTIS), Universitas Muhammadiyah dan Universitas Abulyatama, Universitas Serambi Mekah dan Universitas Iskandar Muda Aceh, Indonesia telah menganjurkan dua persidangan peringkat antarabangsa iaitu *International Conference On Science, Engineering & Technology (i-SET2018)* dan *International Conference On Business Management & Social Science (i-BUSS2018)* pada 2 hingga 3 Mei 2018.


Seramai 82 peserta pembentang kertas kerja penyelidikan dan 200 orang peserta jemputan telah hadir ke persidangan ini yang berlangsung di Dewan Ahmad Dahlan, Universitas Muhammadiyah Aceh. Melalui persidangan ini, UMP dapat mengukuhkan penjenamaan dan melaksanakan kerjasama strategik dengan universiti-universiti di Banda Aceh, Indonesia untuk memperluaskan jaringan akademik di kalangan penyelidik-penyelidik Malaysia dan antarabangsa. Ini adalah sejajar dengan hasrat UMP untuk menjadikan UMP sebagai universiti bertaraf dunia sebagai peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.

# GERAN PENYELIDIKAN PUSAT KEJURUTERAAN AUTOMOTIF PADA TAHUN 2018

Statistik Geran Dalaman dan Luar 2018



Statistik Jumlah Geran Mengikut Tahun



Pada tahun 2018, Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) telah membuka permohonan geran dalaman (RDU) bermula pada awal bulan Februari 2018 dan sebanyak 42 permohonan telah diterima. Hanya 28 sahaja yang berjaya setelah melalui proses penilaian oleh pihak Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP dan selebihnya akan dinilai dari semasa ke semasa bergantung kepada peruntukkan belanjawan geran dalaman UMP.

Nilai keseluruhan geran dalaman yang telah berjaya dipohon adalah berjumlah RM 825,100.00. Pemohon adalah terdiri daripada pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK). Berdasarkan kepada graf di atas, didapati jumlah geran dalaman yang telah berjaya menunjukkan sedikit peningkatan bagi tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya, Ini kerana keutamaan pihak Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMP adalah untuk memberi peluang kepada setiap pensyarah muda untuk mengetuai sekurang-kurangnya satu geran dalaman.

Bagi permohonan geran luaran dan antarabangsa pula, pihak AEC hanya berjaya mendapat enam geran FRGS (KPT) yang bernilai RM427,150.00 daripada lapan permohonan yang telah dihantar. AEC juga telah menerima lima permohonan geran PRGS tetapi tiada permohonan yang berjaya. Nilai keseluruhan geran dalaman dan geran luar yang telah berjaya dipohon AEC bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM 1,252,250.00.

## **KUALA LUMPUR INTERNATIONAL MOTOR SHOW 2018 (KLIMS18)**



Pada 23 November hingga 2 Disember 2018, Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) telah menyertai pameran *Kuala Lumpur International Motor Show 2018* (KLIMS18) bertempat di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) Kuala Lumpur. Pameran ini telah diketuai oleh Dr. Mohamad Heerwan Peeie, Felo Penyelidik AEC dan tiga orang pelajar pascasiswazah UMP serta dua orang staf teknikal AEC. KLIMS18 merupakan salah satu acara terbesar di Malaysia yang melibatkan bidang dan industri automotif. Pertunjukan dan pameran selama sepuluh hari ini diadakan bertujuan untuk mempamerkan pelbagai teknologi dan mesin pemotoran dari kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal, aksesori, dan sebagainya.

## **PROGRAM KERJASAMA PUSAT KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (AEC) BERSAMA SYARIKAT G-CAR MANUFACTURING SDN. BHD.**



Bagi meningkatkan mutu dan kualiti servis penyelenggaraan kenderaan di Pusat Servis Kenderaan, pihak AEC telah melaksanakan beberapa program kerjasama dengan pihak G-Car Manufacturing Sdn. Bhd. di mana syarikat ini merupakan sebuah syarikat pengeluar minyak kenderaan jenama Go Auto dan juga sebuah syarikat yang menyediakan khidmat baik pulih serta penyelenggaraan kenderaan berpusat di Shah Alam, Selangor.

## KURSUS TEKNIK MENGECAT *AEROSOL* DAN *WATER TRANSFER*



Kursus Teknik Mengecat *Aerosol* dan *Water Transfer* telah dijalankan pada 17 hingga 18 Oktober 2018. Kursus dua hari ini telah dijalankan di Pusat Servis Kenderaan AEC, UMP kampus Pekan. Seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada staf, pelajar dan pihak luar telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah dikendalikan oleh tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman iaitu Joyce Eng dari Syarikat Orientus Industry Sdn. Bhd. yang juga merupakan pengilang cat jenama Samurai dari Jepun. Sepanjang perjalanan kursus peserta telah memperolehi pengetahuan mengenali kaedah dan teknologi baharu serta terkini dalam bidang mengecat dan *styling*. Kursus ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang memandangkan terdapat permintaan daripada pelajar-pelajar dan juga staf UMP.

## *WORLD SKILLS MALAYSIA (WSMC) 2018*



Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) UMP telah menyertai Pertandingan *World Skills Malaysia Championship (Automobile Technology Category)* pada 12 hingga 15 April 2018 bertempat di Stadium Darul Makmur Kuantan, Pahang. Sebanyak 25 kumpulan telah menyertai pertandingan ini mengikut pelbagai kategori yang telah dipertandingkan. WSMC ini diadakan bagi meningkatkan daya saing dan kemahiran dalam kalangan peserta dari pelbagai institut latihan kemahiran, kolej dan universiti-universiti awam serta swasta di Malaysia. Selain itu, tujuan penganjuran pertandingan ini juga adalah untuk menyokong usaha kerajaan dalam membangunkan latihan kemahiran bagi mencapai matlamat menghasilkan tenaga mahir negara dalam pelbagai bidang kemahiran. Pertandingan *World Skills Malaysia* adalah pertandingan kemahiran tahunan diadakan bagi memilih dan mengiktiraf pelatih yang berkemahiran dan pekerja mahir dalam bidang teknologi automotif.

## **KURSUS *REVERSE ENGINEERING (3D SCANNER) AND RAPID PROTOTYPING (3D PRINTER)***



Kursus *Reverse Engineering (3D Scanner) & Rapid Prototyping (3D Printer)* telah diadakan pada 16 hingga 19 Januari 2018 dengan kerjasama DRB-Hicom University of Automotive (DUAM) melibatkan pelajar dan pensyarah bagi Program Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Kursus empat hari ini telah diadakan di Makmal Reka Bentuk Automotif AEC. Melalui kursus ini, peserta telah didedahkan dengan asas penggunaan alat Alat Pengimbas 3D (*Perceptron 3D Scanner*). Alat Pengimbas 3D ini biasanya digunakan untuk menghasilkan lukisan kejuruteraan 3D yang diimbas kepada sesuatu komponen fizikal. Selain itu, peserta juga terdedah kepada pengetahuan teknikal Pencetak 3D dan cara Pencetak 3D digunakan. Dalam bidang Kejuruteraan, Pencetak 3D ini digunakan untuk menghasilkan komponen prototaip yang lebih cepat dan efisien.

## **PROGRAM PERKONGSIAN PELAKSAAN SISTEM PUSAT SERVIS KENDERAAN AEC BERSAMA PIHAK UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UniKL)**



Pusat Service Kenderaan AEC telah dijemput oleh pihak Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) dalam Program Perkongsian Pelaksanaan *Service Centre Invoice System (SCIS)* pada 27 September 2018 bertempat di Bilik Latihan UniKL MFI Bandar Baharu Bangi, Selangor. Program perkongsian pelaksanaan sistem SCIS yang dianjurkan oleh pihak UniKL MFI ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan tentang pelaksanaan sistem SCIS yang dilaksanakan di Pusat Servis Kenderaan AEC UMP memandangkan pihak UniKL MFI juga mempunyai pusat servis kenderaan mereka sendiri.



# PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN BIO AROMATIK



## PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN TEKNOLOGI



Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bioaromatik mula beroperasi sejak tahun 2014 dan memfokuskan kepada penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan produk berasaskan wangian (komponen aromatik). Bangunan pusat kecemerlangan ini telah dibina bermula pada pertengahan tahun 2017 dan dijangka dapat beroperasi pada awal tahun 2019. Pembinaan bangunan yang menelan belanja sebanyak RM 5 juta ini mempunyai empat makmal yang terdiri dari makmal molekular, makmal fermentasi, makmal analitikal dan juga makmal pengekstrakan. Setiap makmal akan dilengkapi dengan peralatan yang terkini bagi menjalankan kerja penyelidikan setanding dengan pusat penyelidikan di peringkat antarabangsa .

Antara fokus penyelidikan yang diketengahkan oleh pusat ini ialah teknologi pengekstrakan tumbuhan aromatik dan hasil penyelidikan ini dapat membangunkan produk seperti penghasilan minyak wangi, kosmetik, sensor dan alat pengekstrakan . Selain itu, teknologi biosintetik turut diketengahkan di pusat ini bagi menghasilkan komponen aromatik daripada modifikasi genetik yis yang bernilai tinggi.

## MAKMAL PENGESTRAKAN DAN MAKMAL ANALITIKAL



Makmal ini berfokuskan kepada teknologi pengestrakan dan analisis produk berasaskan tumbuhan aromatik. Terdapat beberapa alat berteknologi tinggi yang digunakan seperti GC-FID, GC-MS dan HPLC yang digunakan bagi tujuan penentuan kualiti berasaskan produk aromatik.

## MAKMAL MOLEKULAR DAN MAKMAL FERMENTASI



Makmal ini berfokuskan kepada penyelidikan berasaskan teknologi sintetik biologi dan fermentasi di mana penghasilan produk akan dilakukan menggunakan proses pemodifikasian genetik. Antara kajian yang sedang dijalankan adalah penghasilan produk biosintetik yang bernilai tinggi.

## GERAN-GERAN PENYELIDIKAN

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bioaromatik berjaya mendapatkan dua geran komuniti (*UMP-Community Technology Solution Platform*), dua geran peringkat Nasional (NRGS dan FRGS) dan satu geran antarabangsa. Keseluruhan lima geran penyelidikan diperoleh pada tahun 2018 yang bernilai RM492,631.43. Berikut adalah maklumat terperinci geran tersebut:

### GERAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

TAJUK PROJEK	JENIS GERAN	KEJAYAAN PENYELIDIKAN	JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)
<i>A Method of Determining Grade of Agarwood At Ambient Temperature</i>	UMP-Community Technology Solution Platform	Penyelidik berjaya mencipta prototaip sensor gaharu bagi menentukan kualiti dan pembentukan resin di pokok gaharu.	18,000.00
<i>Characterization of Malaysia Agarwood Species (Gaharu) Based On Volatile Marker Compounds Fingerprint and Olfactometry Evaluation</i>	FRGS (Kementerian Pendidikan Malaysia)	Penyelidik berjaya mengenal pasti pelbagai spesies pokok gaharu yang terdapat di semenanjung Malaysia dan didokumenkan secara saintifik.	60,000.00
<i>High Quality Agarwood Chipwood Formation Based On Inoculant Techniques</i>	UMP-Community Technology Solution Platform	Penyelidik berjaya mencipta kaedah inokulan gaharu secara saintifik di mana ia berkesan untuk menghasilkan gaharu bermutu tinggi.	44,650.00
<i>Evaluation of The Effective Factors And Predatory Prevention Technique To Attract Swiftlet To Enter And Roost Inside Birdhouse</i>	NRGS (Kementarian Asas Tani)	Penyelidik dalam kajian menghasilkan produk aroma bagi menarik burung walit masuk dan menghasilkan sarang berkualiti dalam rumah burung.	156,200.00
<i>Agarwood Research &amp; Development, Consultancy &amp; Services and Product Development</i>	Geran Antarabangsa Ajmal Perfume Industry	Penyelidik dalam kajian menghasilkan produk minyak wangi bermutu tinggi berasaskan wangian asap gaharu.	213,781.43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>492,631.43</b>

## PROJEK PENGKOMERSIALAN DAN KONSULTANSI

TAJUK PROJEK	JENIS GERAN	KEJAYAAN PENYELIDIKAN	JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)
Prototype of Agarwood Sensor (OudSense) kerjasama dengan Sybion Sdn. Bhd. (UMP Holdings).	High Impact Project, PLatcom Ventures Sdn. Bhd.	Projek prapengkomersialan sensor bagi mengesan kualiti gaharu berasaskan profile resin yang terdapat dalam pokok dan minyak gaharu.	545,056.00
Projek Inokulasi Pokok Gaharu.	Geran Antarabangsa	Projek sedang berjalan bagi mengkomersialkan produk inokulasi di pokok gaharu bagi menghasilkan resin yang berkualiti di Ladang pokok gaharu Assam, India.	112932.40
Projek Pembasmian anai-anai di ladang gaharu.	Geran Antarabangsa	Projek sedang berjalan bagi pembasmian anai-anai di Ladang pokok gaharu Assam, India.	100025.84
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>758,014.24</b>

## HARTA INTELEK

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bioaromatik telah menfailkan sebanyak enam harta intelek pada tahun 2018 menerusi empat *copyright* dan dua *trademark*. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

FILE NO	PI NO /SERVICE/MARK/ TRADEMARK/ COPYRIGHT/ INDUSTRIAL DESIGN	INVENTOR	INVENTION TITLE	TYPE
UMP.05/28.15/1/(505)	LY2018000778	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin	High Quality Agarwood Oil (Aquilaria Crassna) - Gas Chromatography Analysis	Copyright
UMP.05/28.15/1/(506)	LY2018000783	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin	High Quality Agarwood Oil (Aquilaria Subintegra) - Gas Chromatography Analysis	Copyright
UMP.05/28.15/1/(508)	LY2018000785	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin	High Quality Agarwood Oil (Aquilaria Agallocha) - Gas Chromatography Analysis	Copyright

<b>FILE NO</b>	<b>PI NO /SERVICE/MARK/ TRADEMARK/ COPYRIGHT/ INDUSTRIAL DESIGN</b>	<b>INVENTOR</b>	<b>INVENTION TITLE</b>	<b>TYPE</b>
UMP.05/28.15/1/(511)	LY2018000788	Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin	<i>High Quality Agarwood Oil (Aquilaria Malaccensis) - Gas Chromatography Analysis</i>	<i>Copyright</i>
UMP.05/28.15/3/(540)	2018008059	Profesor Madya Dr. Muhammad Sharfi Najib	e-Anfun (kelas 9)	<i>Trade Mark</i>
UMP.05/28.15/3/(541)	2018008062	Profesor Madya Dr. Muhammad Sharfi Najib	e-Anfun (kelas 42)	<i>Trade Mark</i>

## PERKEMBANGAN KOLABORASI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Ajmal Perfumes Manufacturing and Oudh Processing Industry L.L.C diasaskan oleh Haji Ajmal Ali pada tahun 1951 dan merupakan salah satu syarikat wangian berasaskan gaharu yang terkenal di rantau ini. Sebagai makluman, Ajmal Perfumes mempunyai ladang gaharu di Assam India. Assam merupakan pusat dagangan utama gaharu dan juga salah satu penanam dan pengeluar utama yang berfokus kepada memenuhi permintaan daripada Timur Tengah. Syarikat ini telah mendapat keuntungan sebanyak USD 300 juta pada 2015 hasil jualan minyak wangi di seluruh dunia.

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik amat berbangga telah dipilih oleh Ajmal Perfumes Manufacturing and Oudh Processing Industry L.L.C untuk bekerjasama dalam penyelidikan berkenaan penanaman gaharu dan minyak wangi .

Ajmal Perfumes Manufacturing and Oudh Processing Industry L.L.C. (Ajmal Perfumes) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama UMP pada 12 Februari 2018. Kerjasama Ajmal-UMP ini memberi tumpuan terhadap penyelidikan berkaitan gaharu yang merangkumi tiga projek kolaborasi yang bernilai USD110,908 bersamaan RM443,632. Tempoh pelaksanaan penyelidikan adalah selama dua tahun (2018 hingga 2020). Kerjasama Ajmal-UMP ini memberi tumpuan terhadap penyelidikan berkaitan gaharu yang merangkumi beberapa projek iaitu:

<b>PROJEK KOLABORASI</b>	<b>PROJEK TERLIBAT</b>
Penyelidikan dan Pembangunan R&D	Pembangunan produk minyak wangi berasaskan bau asap gaharu.
Pembangunan Produk	Pembangunan buku bacaan saintifik berkaitan industri wangian berasaskan Gaharu umum berkenaan gaharu.
Konsultasi dan Servis	<i>Inokulan</i> pokok gaharu dan kawalan anai- anai di ladang gaharu.

## LAWATAN KERJA AJMAL PLANTATION, HOJAI, ASSAM, INDIA



Pada 6 hingga 10 Ogos 2018, delegasi UMP seramai enam orang telah mengadakan lawatan kerjasama ke Ajmal Foundation di Hojai Assam, India. Pihak Ajmal yang diwakili Dr. Kanwal Deep, Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan Ajmal telah bersama-sama delegasi BARCE, UMP sepanjang lawatan di sana.

Objektif utama lawatan ini adalah bagi menjalankan aktiviti dan penyelidikan berkaitan inokulasi gaharu, kawalan anai-anai dan penyediaan buku saintifik untuk pihak Ajmal Perfumes.

Sepanjang tempoh lawatan tersebut, delegasi dari UMP turut dibawa melawat ke beberapa kawasan operasi Ajmal Group di sekitar Hojai. Antaranya adalah ladang penanaman gaharu, pusat penyelidikan, pusat memproses kayu gaharu dan kilang memproses minyak gaharu. Delegasi UMP telah dibawa melawat ladang penanaman gaharu milik Ajmal Perfumes di bawah penyeliaan Ajmal Plantation. Terdapat hampir dua juta pokok gaharu yang ditanam secara sistematik mengikut prosedur operasi standard (SOP). Kebanyakan spesis gaharu yang ditanam adalah *Aquilaria.malaccensis*.

# PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN ALIRAN BENDALIR TERMAJU (CARiFF)

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARiFF) yang ditubuhkan pada Disember 2011 adalah sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan yang memfokuskan penyelidikan dalam bidang Keselamatan Tenaga (*Energy Security*), terutamanya melalui Kejuruteraan Bendalir, sebagai bidang tujahan (*niche field*) utamanya. Selain Keselamatan Tenaga, CARiFF turut melaksanakan penyelidikan dalam bidang Penjagaan Kesihatan & Perubatan (*Healthcare & Medicine*) dan Alam Sekitar & Perubahan Iklim (*Environment & Climate Change*) berdasarkan Bidang Keutamaan Negara (*National Priority Area* atau NPA).

Sejak tujuh tahun penubuhannya, CARiFF telah mencapai pelbagai kejayaan yang memberikan sumbangan dan impak yang signifikan kepada pencapaian universiti. Antara sorotan pencapaian tahun 2018 berbanding tahun 2017 ialah:

- i) Berjaya memperoleh dua geran industri melibatkan syarikat Edotco Group Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Axiata Group Berhad (di bawah Khazanah Nasional Berhad).
- ii) Berjaya mendapatkan geran TRGS bernilai RM 519,785.00 yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (pertama kali untuk UMP).
- iii) Peningkatan lebih 10 kali ganda nilai geran luar dan industri daripada RM 90,100 pada tahun 2017 kepada RM946,070.08 pada tahun 2018.
- iv) Khidmat teknikal melibatkan syarikat besar seperti Petronas Research Sdn. Bhd., BI Technologies Corporation Sdn. Bhd. dan Kaneka Sdn. Bhd.
- v) Peningkatan kualiti penerbitan jurnal berimpak tinggi Q1 dan Q2 daripada 39 peratus pada tahun 2017 kepada 52 peratus pada tahun 2018.
- vi) Peningkatan jalinan penyelidikan antarabangsa daripada 27 peratus pada tahun 2017 kepada 45 peratus pada 2018.
- vii) Peningkatan kelulusan harta intelek (*patent granted*) oleh penyelidik CARiFF daripada hanya tiga pada tahun 2017 kepada 16 pada tahun 2018.

## BILANGAN DAN NILAI PROJEK PENYELIDIKAN SERTA KEJAYAAN PENYELIDIK

Bagi menyokong usaha penyelidikannya, CARiFF telah memohon dana-dana penyelidikan daripada pelbagai pihak termasuk geran penyelidikan dalaman UMP, skim-skim geran penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan termasuk juga geran penyelidikan daripada pihak industri.

Pertumbuhan yang jelas dapat diperhatikan pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya di mana CARiFF telah memperoleh 20 geran penyelidikan sepanjang tahun 2018 dengan nilai keseluruhan RM1,368,870.08.

Lebih membanggakan, penyelidik CARiFF merupakan salah seorang penerima geran TRGS bernilai RM519,785.00 yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini. Ini merupakan kali pertama UMP mendapat geran TRGS.

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## Memasyarakatkan Teknologi


CARiFF juga telah menerima projek penyelidikan kontrak industri daripada Edotco Group Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat Axiata Group Berhad (di bawah Khazanah Nasional Berhad) untuk projek melibatkan bahan lestari (*sustainable material*) menggunakan buluh terawat dengan bahan kimia untuk pembinaan menara komunikasi dan bangunan. Dua projek telah diperolehi daripada Edotco Group sehingga kini.

Secara keseluruhannya, peningkatan nilai geran melebihi empat kali ganda telah dicapai berbanding tahun 2017. Sebahagian besar peningkatan ini disumbangkan oleh geran luar dan industri. Berikut adalah ringkasan maklumat perolehan geran penyelidikan CARiFF bagi tahun 2017-2018.


### Bilangan dan nilai projek penyelidikan diperolehi

PERKARA	2017		2018	
	JUMLAH	NILAI (RM)	JUMLAH	NILAI (RM)
Projek Penyelidikan Dalam UMP	7	229,200.00	13	422,800.00
<i>Fundamental Research Grant Scheme</i> (FRGS)	1	90,100.00	4	358,650.00
<i>Trans-disciplinary Research Grant Scheme</i> (TRGS)	0	0	1	519,785.00
Projek Penyelidikan Kontrak (Industri)	0	0	2	67,635.08
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>8</b>	<b>319,300.00</b>	<b>20</b>	<b>1,368,870.08</b>


Bilangan projek penyelidikan diperolehi pada tahun 2017




Bilangan projek penyelidikan diperolehi pada tahun 2018



Nilai projek penyelidikan diperolehi pada tahun 2017




Nilai projek penyelidikan diperolehi pada tahun 2018





**Statistik perbandingan nilai projek penyelidikan diperoleh pada tahun 2017 dan 2018**




## PENERBITAN ILMIAH DAN HARTA INTELEK

Penerbitan ilmiah dalam jurnal dan prosiding berimpak tinggi adalah salah satu cara utama bagi CARiFF mengemukakan hasil penyelidikannya. Dengan kekuatan 17 felo penyelidik yang dilantik, CARiFF telah menghasilkan sebanyak 67 artikel dalam jurnal dan prosiding yang diindeks oleh Scopus dan WoS sepanjang tahun 2018 berbanding 49 pada 2017 (peningkatan 37 peratus), dengan 32 daripadanya atau 48 peratus adalah bertaraf Q1 dan Q2.


Selain itu, jumlah kumulatif sitasi penerbitan CARiFF juga turut meningkat daripada 151 pada tahun 2017 kepada 249 pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 65 peratus.

Berikut adalah ringkasan analisis penerbitan CARiFF bagi tahun semasa dan perbandingan dengan tahun sebelumnya:


**Statistik perbandingan pecahan penerbitan CARiFF dalam Jurnal dan Prosiding bagi tahun 2017 dan 2018**




Pecahan penerbitan CARiFF dalam Jurnal dan Prosiding pada Tahun 2017




Pecahan penerbitan CARiFF dalam Jurnal dan Prosiding pada Tahun 2018



Pecahan penerbitan CARiFF bertaraf Q1 dan Q2 pada Tahun 2017



Pecahan penerbitan CARiFF bertaraf Q1 dan Q2 pada Tahun 2018



Selain penerbitan akademik, penyelidik CARiFF juga turut menghasilkan produk penyelidikan dan didaftarkan sebagai harta intelek, terutamanya paten. Sehingga Disember, sembilan paten penyelidik CARiFF telah diluluskan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk tahun 2018. Manakala, tujuh permohonan baharu telah dimajukan kepada MyIPO untuk proses kelulusan.

**Harta intelek penyelidik CARiFF yang diluluskan dan difailkan pada tahun 2018**

PERKARA	JUMLAH
Paten diluluskan ( <i>Patent Granted</i> )	9
Paten difailkan ( <i>Patent Filed</i> )	7

# PERKEMBANGAN KOLABORASI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

## KOLABORASI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN


Dalam usaha menghasilkan penyelidikan berkualiti, para penyelidik CARiFF telah menjalinkan kerjasama dengan para penyelidik berwibawa dari seluruh dunia. Hal ini dapat diperhatikan apabila sejumlah 27 artikel penyelidikan atau 40 peratus daripada jumlah penerbitan akademik CARiFF diterbitkan daripada penyelidikan yang mempunyai kolaborasi antarabangsa, di mana 68 orang penyelidik antarabangsa telah terlibat sebagai penulis bersama.

Selain menjalinkan kerjasama dengan para akademia di peringkat antarabangsa, penyelidik CARiFF juga menjalinkan kerjasama dengan pihak industri dan para penyelidik tempatan dalam usaha memperkukuh penyelidikannya.


### Kolaborasi penyelidikan CARiFF melalui penerbitan akademik

PERKARA	TAHUN 2017		TAHUN 2018	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%
Jumlah penerbitan diindeks Scopus	49		67	
Penerbitan dengan kolaborasi antarabangsa	13	27	27	40
Penulis bersama antarabangsa	29		68	
Penerbitan dengan kolaborasi industri	1	2	1	1
Penulis bersama industri	1		1	
Penerbitan dengan kolaborasi tempatan (luar UMP)	4	8	12	18
Penulis bersama tempatan	6		19	
Penerbitan dengan kolaborasi dalaman UMP	31	63	27	40


### Statistik perbandingan kolaborasi CARiFF dalam penyelidikan dan penerbitan bagi tahun 2017 dan 2018



Pecahan penerbitan CARiFF berdasarkan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan pada tahun 2017



Pecahan penerbitan CARiFF berdasarkan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan pada tahun 2017



## PROJEK KOLABORASI DENGAN PIHAK INDUSTRI (PENYELIDIKAN KONTRAK)



CARiFF telah berjaya memperoleh dua projek penyelidikan kontrak daripada syarikat Edotco Malaysia Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Axiata Group Berhad (di bawah Khazanah Nasional Berhad), bagi mengenal pasti spesies buluh di Malaysia untuk aplikasi dalam pengukuhan konkrit yang boleh digunakan dalam pembangunan menara komunikasi. Projek yang diketuai oleh Ir. Dr. Chin Siew Choo ini turut dianggotai oleh Profesor Madya Dr. Jolius Gimbut serta Dr. Doh Shu Ing, dan bernilai RM 46,235.00. Kejayaan projek pertama dengan Edotco Group membuka ruang untuk projek kedua yang merupakan aplikasi hasil penyelidikan projek pertama dalam pembinaan Edotco Lab. Projek kedua diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jolius Gimbut melibatkan rawatan kimia buluh untuk pembinaan menara komunikasi dan bangunan. Nilai projek adalah RM 21,400.00.

### Projek penyelidikan kontrak CARiFF dengan pihak industri pada tahun 2018

TAJUK PROJEK	KOD PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
<i>Identification of Bamboo Species in Malaysia for Applications in Concrete Reinforcement or Bamboo Reinforced Concrete and Other Applications</i>	UIC180703	46,235.08
<i>Edotco Lab Bamboo Application</i>	Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani	21,400.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>67,635.08</b>

## PROJEK PENGKOMERSIALAN

CARiFF juga berjaya memperoleh satu projek prapengkomersialan yang dijalankan bersama syarikat Misatech PLT dan bernilai RM64,000.00. Projek yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Jolius Gimbun dan dilaksanakan bersama Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff ini telah bermula sejak Julai 2017 dan akan berakhir pada Januari 2019.

Lanjutan daripada itu, satu produk penyelidikan ekstrak Misai Kucing bernilai RM40,404.96 juga telah dijual kepada Misatech PLT. CARiFF juga telah menjalankan khidmat perundingan kepada Misatech PLT berkaitan teknologi penghasilan ekstrak Misai Kucing yang bernilai RM 21,200. Selain itu, UMP dan Misatech PLT bakal menandatangani *Market Validation Agreement* dalam masa terdekat. Jadual di bawah menunjukkan projek pengkomersialan CARiFF bagi tahun 2018.

TAJUK PROJEK	KOD PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
<i>Misai Kucing Based Supplement for Diuretic and Anti-Diabetic</i>	UIC170302	64,000.00
Penjualan Produk Penyelidikan Ekstrak Misai Kucing	Ruj. UMPH: UTGQ18-003; No. cek bayaran kepada UMPH: 4314013	40,404.96
<i>Consultancy on Misai Kucing Production</i>	UMPH Ref: UTGQ18-348	21,200.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>125,604.96</b>

## BENGKEL SEMAKAN PELAN KHIDMAT TEKNIKAL DAN PERUNDINGAN



Bengkel yang telah diadakan pada 26 hingga 27 November 2018 bertempat di Rocana Hotel, Kuantan, dirancang untuk membuat semakan semula terhadap pelan khidmat teknikal semasa bagi memastikan CARiFF sentiasa menawarkan harga yang kompetitif kepada klien dalam dan luar. Objektif utama program adalah bertujuan untuk membuat semakan terhadap pelan dan strategi semasa bagi perkhidmatan ujikaji teknikal dan kerja-kerja perundingan termasuk polisi-polisi yang terpakai. Selain itu, program ini bertujuan untuk merangka polisi dan harga sewaan peralatan kepada pihak industri dan penyelidik CARiFF melalui kerja-kerja perundingan dan penyelidikan kontrak.

## LAWATAN PIHAK INDUSTRI DAN AGENSI LUAR



Demonstrasi Peralatan *Needleless Electrospinning Machine* Semasa lawatan BASF Petronas

TARIKH	ORGANISASI/ AGENSI
4 Januari 2018	Lawatan daripada Dato' Sia Hak Kiang, Pengarah Urusan Maloco Mining Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
9 Januari 2018	NANOSiltech Sdn. Bhd. dari Shah Alam, Selangor.
26 Januari 2018	Petronas Carigali Sdn. Bhd., Kerteh Terengganu.
21 Februari 2018	Advanced Technology Training Center (ADTECH) Jerantut, Pahang.
23 Februari 2018	BASF Petronas Chemical, Gebeng, Pahang.
22 Mac 2018	Lawatan daripada Dr. Mubarak Ahmad Khan dari Bangladesh Jute Mills Corporation, Dhaka, Bangladesh. Lawatan ini adalah inisiatif Profesor Dr. Mohammad Dalour Hossen Beg dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).
16 April 2018	Lawatan delegasi dari Lab Management Department (LMD), Universiti Teknologi Petronas (UTP). Turut terlibat bersama dalam program lawatan ini adalah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) dan Makmal Berpusat UMP. LMD ingin menjadikan UMP sebagai penanda aras bagi perancangan penubuhan pusat baharu di UTP.
3 Julai 2018	Cenergi SEA Sdn. Bhd., Petaling Jaya Selangor.
4 September 2018	BASF Petronas Chemical, Gebeng, Pahang. Lawatan ini adalah inisiatif oleh Dr. Aainaa Izyan Nafsun dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).
22 November 2018	Lawatan daripada tiga orang pensyarah TATI University College (TATIUC).

# PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI (I-CoE)



## ICoE (KLUSTER AUTOMOTIF)

### PROGRAM PERSIJILAN PROFESIONAL DI BAWAH PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI (ICoE) KLUSTER AUTOMOTIF



Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) di bawah Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Kluster Automotif telah menjalankan kursus Persijilan Profesional pada bulan Januari 2018 yang melibatkan seramai 130 orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UMP kampus Pekan.

Sebanyak tiga program Persijilan Profesional yang telah berjaya dijalankan seperti Persijilan Profesional Catia V5, Pemeriksa Kimpalan Visual CSWIP 3.0 dan Ujian Tanpa Musnah (Partikel Magnetik) termasuk kursus *Softskill*. Objektif program ini adalah untuk membangunkan kepakaran dalam kalangan pelajar tahun akhir sebagai nilai tambah bagi meningkatkan kebolehpasaran bakal graduan UMP.

Kursus Persijilan Profesional Catia V5 dikawal selia oleh penyedia latihan yang kompeten dari syarikat Feiran Technology Sdn. Bhd. Program ini merangkumi modul latihan praktikal dan peperiksaan. Calon yang berjaya lulus dalam peperiksaan Catia V5 diiktiraf sebagai Pakar Reka Bentuk Mekanikal oleh *Dassault Systemes*.


Persijilan Profesional untuk Pemeriksa Kimpalan Visual (CSWIP 3.0) dan Ujian Tanpa Musnah (Partikel Magnetik) yang dikawal selia oleh penyedia latihan daripada TWI Services Sdn. Bhd. Sepanjang kursus ini, peserta perlu mengikuti sesi kuliah, praktikal dan peperiksaan. Calon yang berjaya untuk CSWIP 3.0 dan Ujian Tanpa Musnah (MT) akan diiktiraf oleh TWI Ltd. UK.



# ICoE BIOTEKNOLOGI


Semenjak ditubuhkan pada tahun 2013 sehingga kini, ICoE Bioteknologi telah berjaya menganjurkan sebanyak 83 program. Program-program yang dianjurkan melibatkan pelajar bioteknologi dari tahun pertama sehingga ke tahun akhir dari beberapa IPT seperti Kolej Komuniti, Politeknik, UA dan juga swasta. Fokus program-program yang dianjurkan adalah kebolehpasaran graduan yang berteraskan pembangunan modal insan. Bagi menjayakan program pembangunan modal insan ini, pihak ICoE Bioteknologi telah menjalinkan kerjasama bersama IPT dan juga industri meliputi perkongsian maklumat dan teknologi. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah pelajar yang menjalani program anjuran ICoE Bioteknologi adalah seramai 6,713 melebihi sasaran 6,424 orang.

**Statistik indeks petunjuk prestasi bagi pelajar yang dilatih oleh ICoE Bioteknologi**



Jumlah pensyarah yang menjalani latihan *Train of Trainer* anjuran ICoE Bioteknologi sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 722 orang melebihi sasaran 388 orang.

**Statistik petunjuk prestasi bagi pensyarah yang dilatih oleh ICoE Bioteknologi**



## PROGRAM LATIHAN BAHARU 2018

Pada tahun 2018, sebanyak tiga program latihan telah mendapat kelulusan dari pihak Jawatankuasa GE, Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikut adalah program yang sesuai dengan kriteria yang telah ditetapkan setelah beberapa mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Induk dilakukan. Program- program tersebut adalah:

### ***LIFE SCIENCE INDUSTRY TRAINING PROGRAMME***

Latihan khusus ini melibatkan latihan intensif selama sepuluh hari. Para pelajar akan didedahkan secara langsung dengan kemahiran teknologi tinggi sains hayat yang diperlukan oleh industri berkaitan. Hal ini kerana, industri semasa seperti bioteknologi dan farmaseutikal khususnya mengalami kekurangan bakat sedia ada di Malaysia. Program ini akan pelajar tahun akhir dari beberapa bidang seperti bioteknologi industri, kimia industri, dan kejuruteraan teknologi daripada pelbagai UA, swasta dan politeknik. Program latihan ini dijangka akan memberi kelebihan kepada pelajar kerana selain daripada menerima latihan praktikal secara langsung, pelajar juga akan dibekalkan dengan sijil profesional dari badan profesional yang diiktiraf oleh *Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industry* (MOPI) sejurus selepas tamat latihan.

Program latihan ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang perspektif teknologi di industri teknologi sains hayat serta kemahiran dalam mengendalikan:

- Makmal dan uji kaji;
- Pembangunan produk dan proses; dan
- Validasi dan kelayakan.

ICoE Bioteknologi telah mengenal pasti Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik yang boleh membantu dalam pembangunan sumber manusia untuk industri teknologi tinggi sains hayat yang boleh memberikan latihan khusus kepada peserta berserta tawaran kerja sejurus selepas tamat latihan bagi pelajar yang cemerlang di sepanjang program latihan tersebut.

### ***SIEMENS PROCESS CONTROL IN BIOTECHNOLOGY LEVEL 1***

Program latihan ini melibatkan latihan intensif selama lima hari dan para pelajar didedahkan secara langsung dengan kemahiran khusus iaitu *process control* yang akan diajarkan oleh SIEMENS (M) Sdn. Bhd. yang mana kemahiran ini sangat diperlukan oleh industri seperti bioteknologi, petrokimia, tenaga dan sumber asli dan yang berkaitan. Tujuan latihan ini diberikan kepada pelajar adalah kerana kekurangan tenaga mahir dikalangan graduan-graduan baru kerana kemahiran ini bersifat khusus yang memerlukan latihan khusus untuk membolehkan seseorang pelajar itu bekerja di dalam bidang yang tersebut. Program ini bakal melibatkan pelajar daripada beberapa buah universiti-universiti teknikal Malaysia (MTUN) dari beberapa bidang seperti Bioteknologi Industri, Kejuruteraan Bioteknologi, Sains Industri dan Kejuruteraan Kimia. Program latihan ini dijangka akan memberi kelebihan kepada pelajar kerana selain daripada menerima latihan praktikal secara langsung, pelajar juga akan dibekalkan dengan sijil profesional *Siemens Process Control in Biotechnology Level 1* yang diiktiraf di peringkat nasional sejurus selepas tamat latihan. Bagi permulaan program, UMP akan bertindak sebagai penganjur dan Solutas berperanan sebagai penyelia program dan SIEMENS pula akan menyediakan pusat latihan dan turut terlibat di dalam memberikan latihan secara *hands-on* dan praktikal di samping beberapa pelatih pakar dari agensi dan industri berkaitan.

ICoE Bioteknologi telah mengenal pasti dan memilih Solutas Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik dan pembekal latihan yang paling berkelayakan bagi memberikan latihan ini kepada para pelajar kerana Solutas Sdn. Bhd. sangat berpengalaman luas dan mempunyai ramai rakan strategik di dalam bidang *process control in Biotechnology* seperti SIEMENS Sdn. Bhd. yang boleh memberikan latihan khusus kepada peserta berserta tawaran kerja kosong dari beberapa rakan strategik yang lain bagi pelajar yang cemerlang di sepanjang program latihan tersebut selain pelajar itu juga haruslah berkelayakan di dalam mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan sejurus selepas menamatkan latihan tersebut.

## LEADER IN BIOTECHNOLOGY (BIO-DEGRADABLE PACKAGING)

Program latihan *Leader in Biotechnology (Bio-Degradable Packaging)* merupakan satu usahasama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia, UMP dan Might Meteor Advance Manufacturing. Latihan khusus ini melibatkan latihan intensif selama 16 hari di mana pelajar akan didedahkan secara langsung dengan kemahiran *bio-degradable packaging* yang diperlukan oleh industri berkaitan. Hal ini kerana, kesedaran industri semasa terhadap alam sekitar & teknologi hijau yang dapat memelihara keselamatan alam sekitar adalah semakin meningkat berbanding dengan penggunaan cara penghasilan plastik yang konvensional. Program ini bakal melibatkan pelajar daripada tujuh buah UA dari beberapa bidang seperti Bioteknologi Industri, Kejuruteraan Bioteknologi, Sains Industri & Kejuruteraan Kimia. Program latihan ini dijangka akan memberi kelebihan kepada pelajar kerana selain daripada menerima latihan praktikal secara langsung, pelajar juga akan dibekalkan dengan sijil profesional *Industrial Biotechnology in Bio-degradable Packaging* dari badan profesional yang diiktiraf seurus selepas tamat latihan. Bagi permulaan program, UMP akan bertindak sebagai penganjur dimana MIGHT akan menyediakan pusat latihan dan turut terlibat di dalam memberikan latihan secara *hands-on* dan praktikal di samping beberapa pelatih pakar dari agensi dan industri berkaitan.

ICoE Bioteknologi telah mengenal pasti dan memilih Might Technology Nurturing Sdn. Bhd. (MTN) sebagai rakan strategik dan pembekal latihan yang paling berkelayakan bagi memberikan latihan ini kepada para pelajar kerana MTN berpengalaman luas dan mempunyai ramai rakan strategik di dalam bidang *bio-degradable packaging* yang meliputi bidang pembuatan sehingga ke pemasaran yang boleh memberikan latihan khusus kepada peserta berserta tawaran kerja kosong bagi pelajar yang cemerlang di sepanjang program latihan tersebut selain berkelayakan dalam mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan seurus selepas menamatkan latihan tersebut. MTN dipilih untuk dilantik sebagai penyedia perkhidmatan bagi program latihan *Leader in Biotechnology (Bio-Degradable Packaging)* kerana ia adalah satu-satunya syarikat yang menawarkan program ini dan memberikan persijilan profesional.

Kos untuk menjalankan keseluruhan program latihan ini dibiayai melalui Dana Kebolehpasaran Graduan (GE) dan jumlah keseluruhan kos adalah sebanyak RM1,193,620. Pecahan kos mengikut program latihan adalah seperti berikut:

### Pecahan kos mengikut program latihan 2018

NAMA PROGRAM	KOS PROGRAM (RM)
<i>Leader in Biotechnology (Bio-degradable Packaging)</i>	467,500.00
<i>Life Science Industry Training Programme</i>	245,000.00
<i>SIEMENS Process Control in Biotechnology Level 1 oleh SIEMENS AG</i>	450,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,162,500.00</b>

Program-program latihan ini turut menyediakan surat jaminan pekerjaan kepada graduan yang berjaya menamatkan latihan yang disertai. Jumlah jaminan pekerjaan mengikut program latihan adalah seperti berikut:

PROGRAM LATIHAN	JUMLAH SYARIKAT MENAWARKAN PELUANG PEKERJAAN	TAWARAN PEKERJAAN
<i>Autorised Entrant and Standby Person for Confined Space</i>	-	-
<i>Life Science Industry Training Programme 2018</i>	3	50
<i>Siemens Process Control in Biotechnology Level 1</i>	8	100
<i>Leader in Biotechnology (Bio-Degradable Packaging)</i>	3	125
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>14</b>	<b>275</b>

## MENERUSKAN KERJASASAMA ERAT ICoE BIOTEKNOLOGI – INDUSTRI

Dalam membantu kebolehpasaran graduan, ICoE Bioteknologi sentiasa menjalin hubungan erat dengan pihak industri. Berbekalkan perbincangan secara rapat dan konsisten ICoE Bioteknologi bersama industri, para pelajar ini dilatih berdasarkan keperluan semasa industri bagi memenuhi keperluan industri Bioteknologi di Malaysia.

ICoE Bioteknologi juga telah melakukan perbincangan dan menjalin kerjasama baharu bersama pentadbiran baharu Johor Biotechnology & Biodiversity Corporation. Perbincangan mengenai hala tuju program yang dirancang bersama pada masa hadapan serta kehendak industri yang perlu dilengkapkan ke dalam diri setiap pelajar.



ICoE Bioteknologi juga mendekati beberapa rakan industri baharu untuk menerangkan fungsi ICoE Bioteknologi dan peranan serta kerjasama yang boleh dilakukan di antara kedua pihak. Berikut adalah perbincangan bersama AJ Pharma Holding Sdn. Bhd., Biotech Diagnostic dan juga Herbal Cambridge.





Pihak ICoE Bioteknologi akan sentiasa memastikan kerjasama baik yang telah dijalinan bersama UA dan swasta serta pihak industri seluruh Malaysia akan diteruskan. Hubungan yang baik telah memungkinkan semua program-program tersebut berjalan dengan lancar dalam usaha melahirkan modal insan yang berdaya saing dan memenuhi keperluan semasa industri. Berikut merupakan institusi-institusi *spoke* dan rakan industri ICoE Bioteknologi

## INSTITUSI SPOKE ICoE BIOTEKNOLOGI



## RAKAN INDUSTRI ICoE BIOTEKNOLOGI



# ICoE KLUSTER ICT

Pada tahun ini, Kluster ICT hanya memfokuskan kepada Latihan *Graduate Employability Accelerator Programme* (GEAP). Ia merupakan satu usaha sama di antara KPM, UMP dan Prestariang Systems Sdn. Bhd. selaku Syarikat Peneraju bagi program ini yang melibatkan 30 orang pelajar tahun akhir di universiti awam yang terpilih.

Program ini telah bermula dengan sesi Pengenalan Program GEAP dan seterusnya ke peringkat temu duga. Hanya tiga buah UA yang telah terpilih bagi mengikuti program ini termasuk UMP. Selain UMP, dua buah lagi UA yang turut serta terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Latihan khusus ini melibatkan latihan intensif selama 16 hari dan para pelajar akan didedahkan secara langsung dengan kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang diperlukan oleh industri berkaitan. Ini adalah kerana kesedaran industri semasa terhadap peningkatan kebolehpasaran graduan tempatan boleh dipengaruhi jika kemahiran, pengalaman dan pendedahan graduan ICT dipertingkatkan. Ia juga akan mengurangkan status pengangguran dalam kalangan graduan. Program latihan ini dijangka akan memberi kelebihan kepada pelajar UMP kerana selain daripada menerima latihan praktikal secara langsung. Program ini juga menjamin kesemua pelajar yang terlibat untuk diberi penempatan kerja di pasaran industri yang bersesuaian. Bagi pelajar UMP, temu duga telah dijalankan pada 15 hingga 16 November 2017 dan seterusnya mengikuti latihan Salesforce ADM 201 yang telah dijalankan pada 5 hingga 22 Mac 2018.



### Administration Essentials For New Admins

**Course Description**  
The Salesforce Certified Administrator designed for New Admins is the core training that ensures your success with Salesforce. It's a must for new administrators. Its recommend administrators take this course before starting a Salesforce deployment or when taking over an existing deployment.  
The participant should successfully complete the Administration Essentials course (ADM201) from Salesforce or an Authorized Training Centre or possesses the equivalent experience and knowledge prior to taking the exam.  
Here are some examples of the concepts participant should understand to pass the exam:  
• Manage users, data, and security  
• Maintain and customize Sales Cloud and Service Cloud applications  
• Build reports, dashboards, and workflows

**Course Duration**

Training (3 Day) → Exam Prep (1 Day) → Exam (1 Day)

**Course Structure**

Module Code	Topic	Day (s)
ADM201	Administration Essentials For New Admins	8
Prep	Examination Preparation	2
Exam CRT-101	Administrator Certification Exam	1
Total Days		11

**Learning Objectives**  
Upon successful completion of this subject the participant will be able to:

- Customize your application, including page layouts, fields, tabs, and business processes
- Create a secure Salesforce environment
- Maintain and import clean data
- Create high-value reports and dashboards
- Set up workflow automation

**Detailed Course Content**

**Topic and Objectives**

**Topic 1: Getting Around the App**

- Understand the data model and navigation
- Explore the Lightning Experience
- Find answers in Help & Training

**Certification Exam Details**

Exam Code	CRT-101
Exam Provider	KRYTERION
Exam Duration	90 Minutes
No of Questions	60 Multi Type
Passing Score	65%

**Requirements & Prerequisites**  
The prerequisites include a solid understanding of basic Salesforce concepts and functionality.  
• Getting Started: Navigating Salesforce  
• Getting Started: Using the Sales Cloud

**Target Audience**  
Administration Essentials for New Admins is designed for:  
• New system administrators responsible for the setup, configuration, and maintenance of their organization's Salesforce applications  
• Other groups that would benefit from deepening their knowledge of Salesforce, including power users, sales operators, and IT managers

**Learning / Delivery Method**  
Hands-on exercises throughout the course explore written instructor led training.



## MAKMAL BERPUSAT

### LATIHAN LANJUTAN *LIQUID CHROMATOGRAPHY QUADRUPOLE TIME-OF-FLIGHT MASS SPECTROMETRY (LCQTOF MS)*



Pada 12 sehingga 14 November 2018, dua orang Pegawai Sains Makmal Berpusat iaitu Siti Nurfashiha Mohd Yasin dan Nor Hafizah Zainal Abidin telah menyertai latihan lanjutan bagi alat LCQTOF MS (Vion IMS QTOF) jenama Waters. Latihan ini dijalankan di Waters Pacific Pte Ltd, Singapura. Latihan ini merupakan salah satu latihan yang ditawarkan oleh syarikat pembekal alat iaitu *Waters* bagi meningkatkan kepakaran dan kompetensi pengendali alat. Ia merangkumi teori, eksperimen dan amali instrumen bagi meningkatkan kemahiran menganalisis data dan penyediaan bahan uji kaji melalui tenaga pengajar yang terlatih dan berpengalaman. Dengan adanya latihan seperti ini, ia dapat memberi peluang kepada staf untuk berkongsi ilmu dan hasil kerja dengan ahli akademik, ahli sains, penyelidik dan pihak industri berkaitan analisis LCQTOF MS.

### PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-IHSAN, KUANTAN PAHANG



Pada 18 Disember 2018, seramai 15 orang staf Makmal Berpusat, UMP menyertai Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang diadakan di Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan Pahang. Program ini merupakan program CSR yang menitikberatkan kemas dan keselamatan di makmal. Tujuan utama program adalah untuk membantu dan memberi sumbangan kepada sekolah yang memerlukan. Sejalan dengan *tagline* "Memasyarakatkan Universiti", program sebegini dapat melahirkan staf yang berketerampilan dan berkarisma serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat setempat sekali gus memperkenalkan Makmal Berpusat dan UMP kepada umum.

Program CSR ini memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti pembersihan, mewujudkan dan menaik taraf sudut keselamatan. Makmal Berpusat juga berbesar hati memberi sumbangan *lab coat* kepada pihak sekolah, membantu menyediakan *Safety Data Sheet (SDS)*,



membantu mengurus *chemical waste* di makmal. Program yang berlangsung secara santai turut dihadiri oleh Pengarah Makmal Berpusat, Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam, Ketua Bidang Sains & Matematik, Zarina Mohd Nawi dan Pembantu Makmal, Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Norlelawati Mohd Shammuddi.

## PROGRAM JERAYAWARA & LAWATAN PROMOSI

Program ini merupakan inisiatif Makmal Berpusat untuk mempromosikan perkhidmatan teknikal yang ditawarkan kepada Institusi Pengajian Tinggi di semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Program ini merupakan program tahunan Makmal Berpusat yang melibatkan semua staf teknikal dan juga pengurusan. Melalui program ini, Makmal Berpusat dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan penyelidik dan pensyarah serta staf teknikal IPT.



Lawatan ke TATI University College (Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia) pada 15 Ogos 2018



Lawatan ke Curtin University Malaysia, Miri pada 15 Oktober 2018



Lawatan ke Kolej Teknologi Sarawak, Sibul pada 16 Oktober 2018

# LAPORAN TAHUNAN 2018

*Memasyarakatkan Teknologi*



Lawatan ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 17 Oktober 2018



Lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Fakulti Sains dan Sumber Asli) pada 29 Oktober 2018



Lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) (Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains) pada 29 Oktober 2018



# ICoE KLUSTER CIDB

## PROGRAM *GRADUATE EMPLOYABILITY (GE)* ICoE

### *PENSIJILAN PROFESIONAL CIDB BUILDING INFORMATION MODELLING TECHNICAL TRAINING (BIM-TT)*

BIM telahpun dimandatkan di bawah RMK11 dan juga CITP. Sebelum ini, penekanan diberikan kepada BIM Architecture dan juga BIM Structural, walau bagaimanapun, aspek M&E yang lebih kritikal tidak diberi penekanan dan sangat diperlukan dalam industri untuk mewujudkan satu BIM model yang komprehensif. Lebih kurang 20 projek hospital telahpun dimaklumkan akan mengguna pakai BIM secara menyeluruh, tetapi memandangkan BIM software adalah khusus untuk pembinaan, model 3D M&E tidak dapat dilakukan secara terus.

Modul kempentesi modelling 3D M&E dan juga BIM A&S untuk BIM bagi projek kerajaan ini dibangunkan melibatkan program latihan komprehensif selama 14 hari bagi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam menjayakan transformasi industri pembinaan melalui BIM. Peserta akan dilatih menggunakan software 3D dan juga BIM untuk memodelkan kelengkapan spesifik M&E medikal. *On the job training* juga diterapkan diakhir kursus bersama pihak JKR melibatkan projek hospital. Program ini merupakan usaha sama di antara Kementerian Kerja Raya (JKR & CIDB), Kementerian Pendidikan Tinggi (ICoE) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Latihan BIM dijalankan sebanyak 4 sesi bagi tahun 2018 melibatkan jumlah graduan sebanyak 85 orang dari pelbagai institusi pengajian tinggi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan beberapa buah politeknik, iaitu Politeknik Malaysia Kampus Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), dan Kolej Poly-Tech (KPTM) MARA Kuantan.

## LIBAT SAMA AKTIVITI JALINAN INDUSTRI

### KOLABORASI BERSAMA *MYHSRCORP* DALAM PROJEK KERETA API BERKELAJUAN TINGGI



UMP di bawah ICoE menjalinkan kerjasama dengan *Malaysian High Speed Rail Corporation* (MyHSRCorp) dalam merealisasikan pelan transformasi pengangkutan awam darat membabitkan kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Singapura. Dengan strategik ini ia dapat meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan dalam industri kereta api di negara ini apabila Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) ini bakal mewujudkan lebih 22,000 peluang pekerjaan.

Majlis pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bertukar dokumen MoU dengan Ketua Pegawai Eksekutif MyHSRCorp. Datuk Mohd Nur Ismal Mohamed Kamal disaksikan Menteri II.

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Ong Ka Chuan bersempena persidangan *National Supply Chain Conference On Rail Projects & Career Fair 2018* di Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur. Bersesuaian dengan pengalaman UMP dalam menjalankan Program Latihan Kemahiran Industri bagi Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan pembangunan pusat kecemerlangan industri (ICoE), ianya akan dapat membantu MyHSR Academy dalam melahirkan bakal pekerja berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang yang diperlukan bagi menjayakan projek MyHSR ini. Selain itu, kerjasama ini juga dapat memberi peluang dalam pembangunan penyelidikan,

## LAPORAN TAHUNAN 2018

### *Memasyarakatkan Teknologi*

perkongsian kepakaran dan teknologi. Tumpuan juga diberikan berkaitan program latihan kemahiran dan profesional serta Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Bagi tahun 2018, ICoE terlibat secara langsung dalam proses penubuhan MYHSR Adademy, pembangunan modul latihan dan pertandingan mereka logo MyHSR Academy.

## **KOLABORASI DAN ANJURAN BERSAMA *INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK (ICW 2018) DAN 1ST NATIONAL BIM DESIGN MARATHON COMPETITION***



*International Construction Week (ICW)* merupakan satu acara tahunan terbesar di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan juga CIDB. Pada tahun 2018, ICoE CIDB pertama kalinya diberi mandat untuk turut serta menganjurkan program temasya tahunan ini. Penglibatan ICoE CIDB adalah dalam merangka, merancang dan menganjurkan *BIM Day 2018* dan juga buat julung kalinya program *1st National BIM Design Marathon Competition*.

Pertandingan ini turut menempa sejarah dalam *Malaysia Book of Record* sebagai *Longest Non Stop Building Information Modelling Marathon Competition* apabila peserta berjaya menghasilkan model BIM dalam tempoh masa 66 jam tanpa henti sempena penganjuran pertandingan *Intersiverty BIM Marathon* ini.

Program ini dijalankan bagi memastikan keperluan semasa industri sentiasa dipenuhi dan selaras dengan agenda Program Transformasi Industri Pembinaan di bawah CIDB. Kemenangan ini akan menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada semua pihak dalam memperjuangkan pelaksanaan BIM di Malaysia. Selain itu penganjuran pertandingan ini dapat mempromosikan kaedah dan pelaksanaan BIM terhadap sesebuah projek. Di samping itu, ia juga mendedahkan peserta kepada penggunaan teknologi moden yang dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang seni bina, kejuruteraan dan pembinaan.

Sejarah mencatatkan bahawa UMP menjuarai Pertandingan *Intersiverty BIM Marathon* pada tahun 2018. Libat sama program ini telah berjaya memartabatkan ICoE CIDB dan UMP dalam industri pembinaan negara.

## KOLABORASI BERSAMA ALLIANCE STEEL (M) SDN. BHD.



Satu jalinan kerjasama diwujudkan bersama Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. bagi melebarkan lagi jaringan industri dan koleberasi ICoE CIDB. Syarikat ini merupakan syarikat penghasilan keluli karbon tinggi dan keluli berbentuk H dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 3.5 juta tan. Pada masa kini separuh daripada pekerja Alliance Steel merupakan rakyat tempatan. Bagi menampung operasi lebih banyak graduan tempatan diperlukan. Sehubungan dengan itu, kolaborasi diwujudkan bagi mengenal pasti keperluan dan unjuran *man power*.

Seramai 200 graduan tempatan dikenal pasti diperlukan oleh anak syarikat Guangxi Beibu Gulf Iron and Steel Co Ltd dari China ini melibatkan persijilan profesional bagi *Tower Crane Operator*. Satu perbincangan juga telah dijalankan bersama Sektor Personel Binaan, CIDB dan juga NIOSH bagi mewujudkan cadangan pelaksanaan program persijilan yang relevan.

## PENERBITAN DAN SITASI

### PEMBANGUNAN MODUL PENTAULIAHAN PROFESSIONAL CIDB

Selaras dengan BIM yang dimandat di bawah RMK11 dan juga CITP, beberapa modul pentauliahan persijilan profesional diwujudkan bagi memastikan jurang kemahiran dan kepakaran dalam BIM dapat direalisasikan dan dikawal selia oleh pihak berwajib. ICoE CIDB terlibat dalam Jawatankuasa Pembangunan Modul nasional di bawah CIDB dan juga MYBIM Centre. Bagi tahun 2018 sebanyak dua modul persijilan profesional telah pun diterbitkan melibatkan persijilan profesional *BIM Mechanical* dan *BIM Electrical*.

### PEMBANGUNAN DAN PENERBITAN POLISI NASIONAL

Sebanyak dua polisi dibangunkan dan diterbitkan bagi tahun 2018. Satu polisi berkaitan *National BIM Road map* dihasilkan di bawah Kementerian Kerja Raya bagi mewujudkan hala tuju strategik pelaksanaan BIM di Malaysia bagi tahun 2018-2023. Satu lagi polisi diterbitkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah *Higher Education Policy* berkaitan *Standard Operation Procedure* bagi Program ICOE bagi semua kluster di bawah NKEA.

## PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN KOS

### AKAUN AMANAH PERUNTUKAN PENGOPERASIAN & MENGURUS

Peruntukan belanja pengurusan dan mengoperasikan ICoE disalurkan melalui bahagian dasar Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2017. Peruntukan ini diberi bagi melancarkan perjalanan operasi ICoE yang melibatkan, kos operasi pejabat, pembayaran elaun kepada pengarah (ketua kluster) dan kos pengangkutan dan penginapan. Bagi tahun berakhir 2018, baki pendapatan tertunda (lejer jabatan bendahari UMP) adalah sebanyak RM42,368.84. Kos ini bagi menampung kos operasi ICoE pada masa akan datang.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan akaun amanah untuk pengoperasian dan mengurus.

	<b>BAKI AWAL 1 JAN 2018</b>	<b>PERBELANJAAN TAHUN SEMASA</b>	<b>BAKI TERTUNDA 30 DIS 2018</b>
Kod amanah 321012-7	RM58,056.01	RM15,687.17	RM42,368.84

### PERUNTUKAN DANA DAN GERAN LUAR PELAKSANAAN PROGRAM

Peruntukan tambahan diperoleh dari pelbagai agensi dan pihak bagi kelestarian perjalanan program GE ICoE CIDB. Sebanyak RM100,000.00 diperolehi dari pihak geran ICoE (RM 50,000) bagi pelaksanaan program BIM-TT Mechanical & Electrical. Selain itu juga sebanyak RM 50,000.00 diperolehi dari Sektor Personel Binaan CIDB bagi pelaksanaan program Persijilan Profesional BIM CIDB.

Program ICoE CIDB bagi tahun berakhir 2018 telah mencapai objektif di mana semua peserta yang hadir mempunyai kompetensi dalam 3D *modelling* bagi M&E serta telah mengurangkan jurang industri terutamanya dalam keperluan BIM. Di samping itu, semua peserta yang dilatih juga telah mendapat tawaran pekerjaan. ICoE CIDB meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GE) bagi UMP dalam sektor pembinaan. Berdasarkan prestasi kewangan sedia ada, program ICoE CIDB mampu meneruskan aktiviti bagi membantu GE, penarafan dan juga kelestarian kewangan UMP pada masa akan datang.

# PEMBANGUNAN KAMPUS



## PEMBANGUNAN KAMPUS



### BANGUNAN PENCAWANG ELEKTRIK 11KV

Bangunan Pencawang Elektrik 11kV di UMP Kampus Pekan dibina bagi menambah bangunan pencawang elektrik sedia ada seiring dengan pembangunan di UMP Kampus Pekan. Projek ini bermula pada 24 Ogos 2017 dan siap pada 28 Februari 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM4,455,822.55.



### MAKMAL STEM, MAKMAL NAVIGASI DAN MAKMAL ELEKTRONIK DIGITAL

Makmal STEM dan Makmal Navigasi di Makmal *Microprocessor and Embedded* serta Makmal Elektronik Digital, Blok 1, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, UMP Kampus Pekan dibina bagi menambah kemudahan makmal di UMP Kampus Pekan. Projek ini bermula pada 11 Januari 2017 dan siap pada 23 Januari 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM90,100.00.



### LONGKANG UTAMA SEPANJANG RUANG PARKIR DAN JALAN MASUK UTAMA KE DEWAN SERBAGUNA

Longkang utama sepanjang ruang parkir dan jalan masuk utama ke Dewan Serbaguna di UMP Kampus Pekan dibina bagi saliran air buangan. Projek ini bermula pada 18 Disember 2017 dan siap pada 4 Ogos 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM47,074.00.





## JETI DI TASIK A

Pembinaan Jeti Tasik A dibina bagi menaik taraf kawasan sekitar Tasik A dan memudahkan pelaksanaan pelbagai aktiviti di kawasan tasik. Projek ini bermula pada 18 Disember 2017 dan siap pada 4 Ogos 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM97,000.00.



## SURAU DAN TANDAS

Pembinaan surau dan tandas di Tasik B, UMP Kampus Pekan dibina bagi menambah kemudahan berikutan kedudukan Tasik B yang jauh dari bangunan di UMP Kampus Pekan. Projek ini bermula pada 18 Disember 2017 dan siap pada 4 Ogos 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM 358,970.00.



## LANTAI KONKRIT DAN TAMBAHAN BUMBUNG STOR BAHAN KIMIA BERPUSAT

Pembinaan Lantai Konkrit dan Tambahan Bumbung Stor Bahan Kimia Berpusat di Taman Teknologi Industri, UMP Kampus Gambang dibina bagi menambah kemudahan di UMP Kampus Gambang. Projek ini bermula pada 18 Disember 2017 dan siap pada 11 Februari 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM49,340.00.

## LALUAN PEJALAN KAKI BERBUMBUNG, PERGOLA DAN PENANAMAN POKOK BERHAMPIRAN MENARA JAM



Pembinaan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung, Pergola, dan Penanaman Pokok berhampiran Menara Jam, UMP Kampus Pekan dibina bagi memberi keselesaan kepada warga UMP khususnya para pelajar. Projek ini bermula pada 21 Februari 2018 dan siap pada 5 Januari 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM572,867.99.

## NAIK TARAF PUSAT PEMBANGUNAN ANJUNG MAKANAN LAUT DAN KOMPLEKS HASIL LAUT DI MUKIM KUALA PAHANG



Naik taraf Pusat Pembangunan Anjung Makanan Laut dan Kompleks Hasil Laut di Mukim Kuala Pahang, Pekan bagi mencantikkan lagi kawasan Mukim Kuala Pahang yang berdekatan dengan UMP Kampus Pekan. Projek ini bermula pada 14 Mac 2018 dan siap pada 31 Julai 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM350,885.44.



## LALUAN BASIKAL PELAJAR

Laluan Basikal Pelajar di UMP Kampus Gambang dibina bagi menjamin keselamatan para pelajar yang berbasikal di jalan raya. Projek ini bermula pada 16 April 2018 dan siap pada 20 Mei 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM 54,000.

## PEMASANGAN PAPAN TANDA GUNA SAMA



Papan tanda guna sama baharu di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Perpustakaan dan Canseleri Tun Abdul Razak (CTAR), UMP Pekan dipasang bagi menambahkan kemudahan di UMP Kampus Pekan. Projek ini bermula pada 8 Januari 2018 dan siap pada 25 September 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM 69,999.00.

## NAIK TARAF TANDAS PELAWAT VIP



Tandas Pelawat VIP di bangunan Blok 1, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), UMP Pekan dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada pelawat VIP. Projek ini bermula pada 9 April 2018 dan siap pada 15 Oktober 2018 dengan menelan belanja sebanyak RM 55,876.


# LAPORAN PENYATA KEWANGAN 2018

The background features a complex geometric pattern of overlapping triangles. The upper portion is dominated by various shades of teal and turquoise. In the lower right corner, there is a more vibrant and colorful section composed of triangles in shades of orange, red, and dark blue, creating a sense of depth and movement.

## PRESTASI KEWANGAN 2018


Bagi tahun 2018, pada keseluruhannya universiti telah membelanjakan sebanyak RM382.04 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.12% (RM38.23 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2017 sebanyak RM343.81 juta. Hasil universiti bagi tahun 2018 ialah sebanyak RM378.43 juta iaitu meningkat sebanyak 14.41% (RM47.66 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2017 (RM330.77 juta).

**CARTA 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2014 hingga 2018**



Perbelanjaan universiti telah dibiayai oleh pemberian dari Kerajaan berjumlah RM267.62 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM228.74 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM30.99 juta, Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM5.88 juta dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM2.01 juta.


**CARTA 2: Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2018 dan 2017**



Sebanyak RM382.04 juta telah dibelanjakan pada tahun 2018 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM262.19 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM13.14 juta, belanja pembangunan berjumlah RM30.99 juta, belanja amanah berjumlah RM15.50 juta dan belanja anak syarikat berjumlah RM60.22 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi emolumen iaitu RM151.36 juta atau 39.62%. Jumlah ini telah mencatatkan penambahan sebanyak RM5.41 juta atau 3.70% dibandingkan dengan jumlah emolumen pada tahun 2017.

Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM112.73 juta atau 29.51% menurun sebanyak RM1.83 juta atau 1.60% daripada RM114.56 juta pada tahun 2017.


**CARTA 3: Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2018 dan 2017**



## KUMPULAN WANG PENGURUSAN

Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan universiti melalui hasil yuran pelajar serta hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2018 meningkat sebanyak 2.62% (RM6.70 juta), daripada RM255.84 juta pada tahun 2017 kepada RM262.54 juta pada tahun 2018.

**CARTA 4: Perbandingan Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pengurusan tahun 2014 hingga 2018**




# LAPORAN TAHUNAN 2018

Memasyarakatkan Teknologi


Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM228.74 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh Kerajaan bagi tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 2.67% (RM5.94 juta) berbanding pada tahun 2017 sebanyak RM222.80 juta. Hasil dari pelajar meningkat daripada RM29.37 juta pada tahun 2017 kepada RM31.99 juta pada tahun 2018, peningkatan sebanyak 8.92% (RM2.62 juta).

**CARTA 5: Sumber pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan tahun 2018 dan 2017**



Manakala perbelanjaan pengurusan universiti bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM299.59 juta iaitu penurunan sebanyak 1.17% (RM3.54 juta) daripada RM303.13 juta pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, sebanyak RM142.92 juta atau 48.70% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM54.55 juta atau 18.21% daripada jumlah keseluruhan, peningkatan sebanyak RM3.82 juta berbanding pada tahun 2017.

**CARTA 6: Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018 dan 2017**







## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan Universiti Malaysia Pahang adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2018, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pendidikan Tinggi adalah sebanyak RM29.00 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM30.99 juta.

**CARTA 7: Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2014 hingga 2018**





**CARTA 8: Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2014 hingga 2018**



## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peratusan perbelanjaan telah menunjukkan penurunan dari RM13.38 juta dalam tahun 2017 kepada RM13.14 juta dalam tahun 2018. Terdapat penurunan kepada pendapatan iaitu daripada RM6.76 juta dalam tahun 2017 kepada RM5.88 juta dalam tahun 2018.

**CARTA 9: Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2014 hingga 2018**



## KUMPULAN WANG PENDAPATAN

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM10.46 juta. Hasil faedah dan dividen menunjukkan 55.74% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pendapatan iaitu sebanyak RM5.83 juta. Ianya menurun 28.55% atau RM2.33 juta berbanding tahun lalu. Baki hasil dari Kumpulan Wang Pendapatan adalah dari pendapatan sewa dan lain-lain pendapatan berjumlah RM4.63 juta.

## KUMPULAN WANG PINJAMAN

Bilangan staf yang mendapat pinjaman kenderaan pada tahun 2018 telah meningkat kepada 50 orang staf berbanding 22 orang staf pada tahun 2017. Manakala bagi pinjaman komputer pula telah meningkat kepada 15 orang staf bagi tahun 2018 berbanding 6 orang staf pada tahun 2017. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah digunakan sehingga tahun 2018 adalah sebanyak RM4.92 juta bagi pinjaman kenderaan dan RM0.42 juta bagi pinjaman komputer.


**CARTA 10: Bilangan staf yang mendapat pinjaman komputer dan kenderaan sehingga 2018**

Butiran	Nilai Tabung	Jumlah Pinjaman	Bilangan Staf yang mendapat Pinjaman		Baki Tabung
			2017	2018	
Pinjaman Kenderaan	RM6.0 juta	RM4.92 juta	22	50	RM1.08 juta
Pinjaman Komputer	RM0.5 juta	RM0.42 juta	6	15	RM0.08 juta
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM6.5 juta</b>	<b>RM5.34 juta</b>	<b>28</b>	<b>65</b>	<b>RM1.16 juta</b>

## PEROLEHAN HARTA MODAL

Pada tahun 2018, jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM7.66 juta menurun sebanyak 80.25% (RM31.13 juta) berbanding pada tahun 2017 sebanyak RM38.79 juta. Perolehan peralatan makmal merupakan perolehan yang terbesar daripada jumlah keseluruhan perolehan harta modal bagi tahun 2018.

**CARTA 11: Pecahan perolehan harta modal tahun 2018 dan 2017**







**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Pahang dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 11 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(LIM SOK KIANG)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
20 MAC 2019





**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, DATO' SRI IBRAHIM B. AHMAD dan PROFESOR DATO' SRI DR. DAING NASIR IBRAHIM, merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



DATO' SRI IBRAHIM B. AHMAD  
Pengerusi Lembaga Pengarah



PROFESOR DATO' SRI DR. DAING NASIR IBRAHIM  
Naib Canselor/Ahli Lembaga Pengarah


UMP, KUANTAN  
Tarikh : 15 MAR 2019

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, ZAINUDIN BIN OTHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ikhlasnya mengakui Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
ZAINUDIN BIN OTHMAN,  
di Kuantan pada **15 MAR 2019**

  
ZAINUDIN BIN OTHMAN  
No. K/P 660507-04-5253

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



203, Tingkat 2, Blok A, Kuantan Centre Point  
25000 Kuantan, Pahang

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
			<b>Dinyatakan Semula</b>		<b>Dinyatakan Semula</b>
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>5</b>	710,999,740	742,896,856	708,433,493	740,382,661
<b>ASET TIDAK KETARA</b>	<b>6</b>	1,368,832	2,118,146	1,186,246	1,761,450
<b>PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN</b>	<b>7</b>	92,960,471	56,888,648	88,848,386	54,330,768
<b>PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU</b>	<b>8</b>	129,532	96,968	-	-
<b>PELABURAN HARTANAH</b>	<b>9</b>	255,109,585	257,687,429	-	-
<b>PELABURAN LAIN-LAIN</b>	<b>10</b>	750,000	250,000	-	-
<b>PELABURAN ANAK SYARIKAT</b>	<b>11</b>	-	-	6,000,002	6,000,002
		<b>1,061,318,160</b>	<b>1,059,938,047</b>	<b>804,468,127</b>	<b>802,474,881</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	12	139,077	197,821	-	-
Kos Pembangunan	13	5,742,030	5,130,416	-	-
Penghutang	14	18,084,301	18,405,725	1,591,626	2,949,576
Pelbagai Penghutang	15	25,357,584	26,003,332	20,372,989	21,070,537
Pendahuluan kepada Anak Syarikat	16	-	-	18,408,757	18,914,790
Penghutang Pinjaman	17	3,706,137	2,945,381	3,706,137	2,945,381
Simpanan Tetap	18	174,143,406	191,970,000	156,980,000	182,520,000
Wang di tangan dan di bank	19	14,788,393	13,303,890	2,088,333	2,881,532
		<b>241,960,928</b>	<b>257,956,565</b>	<b>203,147,842</b>	<b>231,281,816</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pinjaman	21	11,500,000	11,500,000	-	-
Liabiliti Pajakan Kewangan		109,436	48,926		
Pemiutang	20	79,887,136	64,579,325	39,808,880	37,181,392
Pemiutang Perdagangan		1,961,050	3,825,807	-	-
		<b>93,457,622</b>	<b>79,954,058</b>	<b>39,808,880</b>	<b>37,181,392</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		148,503,306	178,002,507	163,338,962	194,100,424
		<b>1,209,821,466</b>	<b>1,237,940,554</b>	<b>967,807,089</b>	<b>996,575,305</b>
<b>DIBIYAI OLEH :</b>					
KUMPULAN WANG MENGRUS	22	271,133,762	276,275,482	13,575,482	56,119,285
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	23	713,372	8,601,756	713,372	8,601,756
KUMPULAN WANG AMANAH	24	28,794,484	23,720,250	28,794,484	23,720,250
KUMPULAN WANG PENDAPATAN	25	54,091,823	46,962,306	60,091,825	52,962,308
KUMPULAN WANG PINJAMAN	26	7,618,080	7,618,080	7,618,080	7,618,080
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK	27	500,000	500,000	500,000	500,000
ENDOWMEN	28	10,000,000	8,000,000	10,000,000	8,000,000
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) TERKUMPUL					
SYARIKAT SUBSIDIARI		(83,938,896)	(76,333,548)	-	-
KEPENTINGAN BUKAN MENGAWAL		19,583	55,722		
		<b>288,932,208</b>	<b>295,400,048</b>	<b>121,293,243</b>	<b>157,521,679</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman	21	73,984,515	103,300,664	-	-
Liabiliti Pajakan Kewangan	39	390,897	186,216	-	-
Liabiliti Pajakan Jangka Panjang	40	123,601	-	123,601	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	29	3,246,474	3,294,867	3,246,474	3,294,867
Pendapatan Tertunda - Pembangunan	30	814,734,237	816,697,923	814,734,237	816,697,923
Pendapatan Tertunda - Penyelidikan	31	25,546,433	16,966,650	25,546,433	16,966,650
Pendapatan Tertunda - Amanah	32	2,863,101	2,094,186	2,863,101	2,094,186
		<b>920,889,258</b>	<b>942,540,506</b>	<b>846,513,846</b>	<b>839,053,626</b>
		<b>1,209,821,466</b>	<b>1,237,940,554</b>	<b>967,807,089</b>	<b>996,575,305</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
		Dinyatakan Semula		Dinyatakan Semula	
<b>PENDAPATAN</b>					
Pemberian kerajaan	33	267,617,820	262,970,399	267,617,820	262,970,399
Yuran pengajian		17,713,728	16,493,643	17,713,728	16,493,643
Yuran pelbagai	34	16,763,805	16,004,722	16,763,805	16,004,722
Pendapatan lain	35	76,337,660	35,291,903	22,872,927	22,626,099
Bahagian keuntungan dari syarikat bersekutu		-	9,968	-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>378,433,013</b>	<b>330,770,635</b>	<b>324,968,280</b>	<b>318,094,863</b>
<b>Tolak : PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		151,355,937	145,950,189	142,926,585	138,149,850
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		8,136,323	7,507,916	8,136,323	7,507,916
Pengangkutan barang-barang		15,800	20,010	15,800	20,010
Perhubungan dan utiliti		15,045,608	16,395,321	15,045,608	16,395,321
Sewaan		18,225,001	14,924,618	55,627,084	51,299,501
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan		2,484,647	2,764,943	2,484,647	2,764,943
Bekalan dan bahan-bahan lain		-	-	-	-
Bekalan dan bahan-bahan lain		12,330,644	13,689,105	12,330,644	13,689,105
Penyelenggaraan / pembaikan kecil yang dibeli		34,033,671	31,398,460	34,033,671	31,398,460
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		40,681,355	42,782,052	40,681,355	42,782,052
Susut nilai		43,077,257	50,157,585	39,715,944	44,174,727
Kerugian dari syarikat bersekutu		27,436	-	-	-
Lain-lain perbelanjaan		56,623,982	18,220,830	8,215,069	10,310,641
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>382,037,661</b>	<b>343,811,029</b>	<b>359,212,730</b>	<b>358,492,526</b>
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(3,604,648)	(13,040,394)	(34,244,450)	(40,397,663)
Cukai		37,906	20,843	-	-
Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		(3,642,554)	(13,061,237)	(34,244,450)	(40,397,663)
Jumlah Kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai bagi tahun semasa diagihkan kepada :					
Pemilik syarikat		(3,678,693)	(13,140,748)	(34,244,450)	(40,397,663)
Kepentingan minoriti		36,139	79,511	-	-
		<b>(3,642,554)</b>	<b>(13,061,237)</b>	<b>(34,244,450)</b>	<b>(40,397,663)</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KUMPULAN**

	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Dinyatakan Semula		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Pinjaman		Kumpulan Wang Pembangunan Staf Akademik		Endowmen		Keuntungan Syarikat Subsidiari		Kepentingan Bukan Mengawal		Jumlah		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
<b>Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan Sebelum)</b>	274,958,274	17,653,654	17,653,654	26,209,859	45,274,325	7,618,080	-	6,000,000	(76,418,909)	8,195,687	135,233	301,430,516											
Pelarasan	6,704,125	(5,143,000)	(1,074,661)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan Semula)</b>	281,662,399	12,510,654	12,510,654	25,135,198	45,274,325	7,618,080	-	6,000,000	(8,223,222)	8,195,687	135,233	310,112,667											
Geran Kerajaan	222,795,310	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendapatan Lain	33,046,387	1,860,883	8,607,580	11,187,981	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	537,504,096	14,371,537	33,742,778	56,462,306	7,618,080	-	-	6,000,000	(53,726,619)	135,233	602,107,411												
<b>Tolak:</b>																							
Perbelanjaan	(266,768,055)	(6,069,781)	(8,693,087)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan ke Kumpulan Wang	(5,263,861)	-	(10,793,302)	(7,000,000)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan dari Kumpulan Wang	10,793,302	300,000	9,463,861	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan ke Anak Syarikat	-	-	-	(2,500,000)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kepentingan Minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2017</b>	<b>276,275,482</b>	<b>8,601,756</b>	<b>23,720,250</b>	<b>46,962,306</b>	<b>7,618,080</b>	<b>500,000</b>	<b>8,000,000</b>	<b>8,000,000</b>	<b>(76,333,548)</b>	<b>55,722</b>	<b>289,400,048</b>												
<b>Baki pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan Sebelum)</b>	276,275,482	8,601,756	23,720,250	46,962,306	7,618,080	500,000	8,000,000	8,000,000	(76,333,548)	55,722	289,400,048												
Pelarasan	2,272,513	(2,038,733)	(2,217,766)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan Semula)</b>	278,547,995	6,563,023	21,502,484	48,962,306	7,618,080	500,000	8,000,000	8,000,000	(75,522)	55,722	289,340,540												
Geran Kerajaan	228,740,200	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendapatan Lain	33,802,179	285,244	12,285,503	10,466,260	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pencairan Kepentingan dalam syarikat subsidiari	541,090,374	6,848,267	33,787,987	57,418,566	7,618,080	500,000	8,000,000	8,000,000	(22,628,142)	280,056	632,690,854												
<b>Tolak:</b>																							
Perbelanjaan	(262,185,712)	(6,739,882)	(13,486,159)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dividen Dibayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan ke Kumpulan Wang	(7,770,900)	(1,080)	-	(3,326,743)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan dari Kumpulan Wang	-	606,067	8,492,656	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kepentingan Minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>271,133,762</b>	<b>713,372</b>	<b>28,794,484</b>	<b>54,091,823</b>	<b>7,618,080</b>	<b>500,000</b>	<b>10,000,000</b>	<b>10,000,000</b>	<b>(83,938,896)</b>	<b>19,583</b>	<b>288,932,208</b>												

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**UNIVERSITI**

	Kumpulan Wang Mengurus		Kumpulan Wang Penyelidikan		Kumpulan Wang Amanah		Kumpulan Wang Pendapatan		Kumpulan Wang Pinjaman		Kumpulan Wang Pembangunan Staf Akademik		Endowmen		Jumlah	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan Sebelum)</b>	91,176,960	17,653,654	26,209,859	48,774,327	7,618,080	-	6,000,000	197,432,880								
Pelarasan	6,704,125	(5,143,000)	(1,074,661)	-	-	-	-	486,464								
<b>Baki pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan Semula)</b>	97,881,085	12,510,654	25,135,198	48,774,327	7,618,080	-	6,000,000	197,919,344								
Geran Kerajaan	222,795,310	-	-	-	-	-	-	222,795,310								
Pendapatan Lain	33,046,387	1,860,883	8,607,580	11,187,981	-	-	-	54,702,831								
	353,722,782	14,371,537	33,742,778	59,962,308	7,618,080	-	6,000,000	475,417,485								
<b>Tolak:</b>																
Perbelanjaan	(303,132,938)	(6,069,781)	(8,693,087)	-	-	-	-	(317,895,806)								
Pindahan ke Kumpulan Wang	(5,263,861)	-	(10,793,302)	(7,000,000)	-	-	-	(23,057,163)								
Pindahan dari Kumpulan Wang	10,793,302	300,000	9,463,861	-	-	-	500,000	23,057,163								
Baki pada 31 Disember 2017	56,119,285	8,601,756	23,720,250	52,962,308	7,618,080	-	8,000,000	157,521,679								
<b>Baki pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan Sebelum)</b>	56,119,285	8,601,756	23,720,250	52,962,308	7,618,080	-	8,000,000	157,521,679								
Pelarasan	2,272,513	(2,038,733)	(2,217,766)	-	-	-	-	(1,983,986)								
<b>Baki pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan Semula)</b>	58,391,798	6,563,023	21,502,484	52,962,308	7,618,080	-	8,000,000	155,537,693								
Geran Kerajaan	228,740,200	-	-	-	-	-	-	228,740,200								
Pendapatan Lain	33,802,179	285,244	12,285,503	10,456,260	-	-	-	56,829,186								
	320,934,177	6,848,267	33,787,987	63,418,568	7,618,080	-	8,000,000	441,107,079								
<b>Tolak:</b>																
Perbelanjaan	(299,587,795)	(6,739,882)	(13,486,159)	-	-	-	-	(319,813,836)								
Pindahan ke Kumpulan Wang	(7,770,900)	(1,080)	-	(3,326,743)	-	-	-	(11,098,723)								
Pindahan dari Kumpulan Wang	-	606,067	8,492,656	-	-	-	2,000,000	11,098,723								
Baki pada 31 Disember 2018	13,575,482	7,13,372	28,794,484	60,091,825	7,618,080	-	10,000,000	121,293,243								

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM Dinyatakan Semula	2018 RM	2017 RM Dinyatakan Semula
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Tunai diterima dari kerajaan	228,740,200	222,795,310	228,740,200	222,795,310
Tunai diterima dari pelanggan	149,130,753	82,300,405	60,138,485	59,045,316
Tunai dibayar kepada pembekal dan staf	(362,068,052)	(303,677,830)	(322,473,986)	(312,248,730)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI	15,802,901	1,417,885	(33,595,301)	(30,408,104)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian Hartanah,Loji dan Peralatan	(7,326,518)	(39,638,967)	(6,959,088)	(34,295,079)
Pembelian Aset Tidak Ketara	(11,700)	(1,191,268)	(4,000)	(988,912)
Terimaan daripada Pelupusan Hartanah,Loji dan Peralatan	13,879	80,275	13,878	80,275
Pembayaran Pembinaan dalam kemajuan	(32,767,992)	(15,715,098)	(31,064,071)	(15,715,099)
Pembayaran Tambahan Pelaburan Syarikat Bersekutu	(60,000)	(47,500)	-	-
Pembayaran Tambahan Pelaburan Lain-Lain	(500,000)	(250,000)	-	-
Pembayaran Tambahan Pelaburan Anak Syarikat	-	-	-	(2,500,000)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	(40,652,331)	(56,762,558)	(38,013,281)	(53,418,815)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Geran Pembangunan Diterima	29,000,000	2,100,000	29,000,000	2,100,000
Geran Penyelidikan Diterima	13,503,008	4,785,221	13,503,008	4,785,221
Geran Amanah Diterima	2,772,375	2,336,111	2,772,375	2,336,111
Pemulangan Geran Amanah	-	(8,495,052)	-	(8,495,052)
Dividen Dibayar	(1,495,834)	(1,000,001)	-	-
Pembayaran balik pemiutang sewabeli	(52,809)	(76,815)	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman Berjangka	(29,589,493)	(28,385,700)	-	-
Faedah Diterima	236,415	-	-	-
Faedah Dibayar	(5,866,323)	-	-	-
ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN	8,507,339	(28,736,236)	45,275,383	726,280
<b>PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN</b>				
	(16,342,091)	(84,080,909)	(26,333,199)	(83,100,639)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>				
	205,273,890	289,354,799	185,401,532	268,502,171
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>				
	188,931,799	205,273,890	159,068,333	185,401,532
<b>TUNAI DAN KESETARAAN Simpanan Tetap</b>				
<b>18</b>	174,143,406	191,970,000	156,980,000	182,520,000
<b>Wang di tangan dan di bank</b>				
<b>19</b>	14,788,393	13,303,890	2,088,333	2,881,532
	188,931,799	205,273,890	159,068,333	185,401,532

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**1. KENYATAAN AM DAN AKTIVITI UTAMA**

**a. Am**

Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.

Universiti ini telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Universiti ini mula beroperasi pada Mei 2002. Fokus utama Universiti ini adalah bagi membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia serta sumber asli dan industri pembuatan. Pada setakat 31 Disember 2018, Universiti ini menempatkan seramai 14,147 orang pelajar dan disokong oleh staf akademik dan bukan akademik seramai 824 dan 994 orang masing-masing.

Penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

Matawang fungsian universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan matawang fungsian universiti, dan matawang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

**b. Aktiviti Utama**

Aktiviti utama Universiti adalah sebagai pusat pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat. Selain menjalankan aktiviti di atas, Universiti juga menjalankan beberapa aktiviti bercorak komersil yang dijalankan oleh entiti perniagaan seperti :-

- i. Kegiatan-kegiatan di dalam bidang pengurusan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengumpulan dan penyebaran ilmu dan juga menjalankan aktiviti perundingan pengurusan.
- ii. Kegiatan-kegiatan di dalam perkhidmatan pakar runding dan pengendalian kursus jangka pendek dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

**c. Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti secara edaran pada 15 Mac 2019.

**2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING**

**a. Asas penyediaan**

Penyata kewangan ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan mematuhi piawaian perakaunan dibawah '*Malaysian Private Entities Reporting Standards*' (MPERS) yang diluluskan di Malaysia.



**b. Penyatuan akaun**

**i. Subsidiari- subsidiari**

Syarikat-syarikat subsidiari adalah di mana Universiti mempunyai wakil dalam lembaga pengarah serta mempunyai pengaruh ke atas pengurusan syarikat.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan universiti dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti syarikat-syarikat tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilan, hasil-hasil subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan diambil kira dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh berkuatkuasa pengambilan atau tarikh berkuatkuasa pelupusan mengikut kesesuaian.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai ini ditunjukkan dalam lembaran imbangan disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama bahagian aset bersih kumpulan atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul atas penyatuan.

Urusniaga, baki dan hasil laba belum direalisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasikan telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

**c. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Harta Tetap meliputi pembelian tanah, bangunan, kenderaan dan jentera serta peralatan tak luak yang dibeli atau yang didermakan dan mempunyai jangka hayat melebihi empat (4) hingga lima (5) tahun. Kos minima Harta Tetap ialah RM3,000.00 seunit. Kos kenderaan meliputi bayaran aksesori, pendaftaran dan lain-lain kos berkaitan (*on the road price*). Bagi perabot, penentuan harta tetap tertakluk kepada had minima iaitu RM3,000.00 seunit. Perabot/peralatan yang dibina dalam atau *attached* pada bangunan dan menjadi *permanent feature* pada bangunan tersebut tidak dikira sebagai perabot/peralatan tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kos bangunan.

Sesuatu item Hartanah, Loji dan Peralatan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambil kira dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai harta tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa harta tersebut boleh digunakan. Tiada susut nilai dikenakan kepada tanah milik bebas. Manakala bagi tanah pajakan susut nilai dikenakan mengikut tempoh pajakan. Susut nilai tahunan dikenakan dalam tahun pembelian dan baki bersih setiap hartanah, loji dan peralatan bernilai tidak kurang dari RM1.

**Kadar Susutnilai  
%**

	Mengikut tempoh pajakan
Tanah Pajakan	
Bangunan	2
Ubahsuai	2
Peralatan Pejabat	20
Peralatan Makmal	20
Perabot dan Kelengkapan	20

Kenderaan			20
Peralatan Perisian	Komputer	dan	10 – 33.3

Buku- buku perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Sistem Perpustakaan.

**d. Aset Tidak Ketara**

Aset Tidak ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Pembelian perisian (software) secara berasingan daripada pakej dengan komputer dikelaskan sebagai aset tidak ketara. Pembelian perisian yang dibuat secara berasingan dikelaskan sebagai aset tidak ketara jika kosnya melebihi RM3,000.00. Susutnilai dikira secara tahunan sebanyak 33.3%.

**e. Pembinaan dalam kemajuan**

Pembinaan dalam kemajuan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambilkira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan.

Pembinaan dalam kemajuan adalah mengikut kos pembinaan (peringkat bayaran) dan susutnilai tidak akan diperuntukkan. Segala kos pembinaan akan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan apabila Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut telah mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan.

**f. Pelaburan**

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Peruntukan akan dibuat apabila terdapat penurunan nilai yang kekal dalam pelaburan tersebut.

**g. Inventori**

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

**h. Kos Pembangunan**

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diagihkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut.

Jika hasil aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dengan merujuk kepada kaedah mengikut penyediaan. Peringkat penyediaan diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan hartanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan hartanah.

Jika hasil pembangunan hartanah tidak boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah diiktiraf setakat kos pembangunan hartanah yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula, dan kos pembangunan hartanah bagi hartanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia dikenakan.

Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan termasuk tempoh tanggungan liabiliti diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

**i. Penghutang dan pelbagai penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang telah dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu bagi penghutang pelajar dibuat berdasarkan kepada status pelajar gagal, berhenti dan diberhentikan manakala bagi penghutang lain peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan kepada status penghutang tidak aktif melebihi satu (1) tahun. Hutang lapuk dilupuskan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

**j. Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi kewangan.

**k. Pemiutang dan pelbagai pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos yang hampir menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

**l. Pengiktirafan pendapatan**

**i. Pemberian daripada kerajaan**

Pendapatan diiktiraf atas dasar akruan manakala pemberian kerajaan bagi projek pembangunan pula akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunas mengikut susutnilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

**ii. Pendapatan tertunda**

Pemberian daripada kerajaan bagi tujuan pembangunan, penyelidikan dan amanah hanya dilunaskan di dalam penyata pendapatan setakat jumlah yang dibelanjakan berdasarkan syarat penyaluran pemberian tersebut yang telah dipenuhi. Jumlah perbelanjaan ini juga termasuk jumlah dalam tahun berkenaan.

**iii. Pendapatan yuran**

Pendapatan untuk yuran pengajian dari pelajar berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

**iv. Pendapatan faedah dan dividen**

Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf berasaskan akruan.

**m. Manfaat Pekerja**

**i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Upah, Gaji dan Bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja kumpulan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkat hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

Kumpulan dan Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

**ii. Rancangan Caruman Tertentu**

Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

**iii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang**

Jenis manfaat perkerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja tetap yang telah mencapai umur 50 tahun dengan andaian seseorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

**n. Sewaan Pajak**

Pihak universiti telah membuat sewaan pajak dan jumlah tersebut akan dipindahkan ke aset apabila tamat tempoh pajakan. Susutnilai tidak akan diperuntukkan.

**o. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2017. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMP adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2017 P.U.(A) 271. Implikasi di UMP adalah seperti berikut:

**i. Cukai Output**

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

**ii. Perintah Relif**

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

**iii. Cukai Input**

UMP menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UMP boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

**p. Instrumen Kewangan**

**Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

